

Jilid II
Bil. 7



Hari Khamis
7hb Mei, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:

[Ruangan 1413]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT:

[Ruangan 1543]

USUL-USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah**

—Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar) [Ruangan 1543]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 1648]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.. P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DÖMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE ŞANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

BAHAGIAN[†] PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 7hb Mei, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Haji
Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang
Berhormat Tuan Ong Tin Kim.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ong Tin
Kim tidak hadir)*

**ANGGOTA TENTERA—
KEMUDAHAN PERUMAHAN**

**2. Tuan Haji Mahbud bin Haji
Hashim** minta Menteri Pertahanan
menyatakan:

- (a) sejauh manakah langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan di dalam mengatasi masalah perumahan kepada anggota tentera di semua peringkat;
- (b) berapakah jumlah rumah yang dicadangkan untuk dibina di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini; dan
- (c) berapakah jumlah rumah yang telah dibina dengan memberi angka pecahan mengikut negeri-negeri.

**Timbalan Menteri Pertahanan
(Dato' Wan Abu Bakar bin Wan
Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan di dalam mengatasi masalah perumahan kepada anggota-anggota tentera adalah seperti berikut:
 - (i) membina rumah-rumah keluarga melalui agensi pelaksana seperti JKR dan Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan di atas tanah-tanah kepunyaan Kementerian Pertahanan. Pembinaan-pembinaan ini dijalankan secara Tender Terbuka kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar.
 - (ii) bagi kawasan-kawasan di mana Kementerian Pertahanan tidak mempunyai tanah, keperluan perumahan diatasi secara membeli rumah-rumah yang telah dibina oleh pemaju-pemaju swasta. Pembelian juga adalah dibuat secara Tender Terbuka.
- (b) Jumlah rumah keluarga yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah sejumlah 10,115 unit.
- (c) Angka-angka mengikut negeri-negeri ini adalah terlalu panjang, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya memohon untuk memberikannya secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baiklah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Terima kasih.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian Pertahanan ada menyediakan skim pinjaman perumahan untuk anggota-anggota tentera kita kerana kebanyakan mereka itu meninggalkan anak-isteri di kampung dan mereka seboleh-bolehnya hendak membina rumah di kampung dengan wang pinjaman. Kalau ada, setakat manakah sambutannya dan berapa banyakkah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan; kalau tidak ada adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan skim pinjaman yang mudah dan dengan kos yang rendah supaya apabila mereka bersara, dapatlah mereka kembali dengan mudah ke kampung mereka?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, anggota tentera juga adalah sama juga dengan anggota perkhidmatan Kerajaan yang lain yang mana mereka juga menikmati kemudahan skim pinjaman perumahan Kerajaan—sama seperti anggota-anggota atau kakitangan Kerajaan yang lain, jika sekiranya mereka mempunyai ataupun memenuhi syarat.

Di dalam perkhidmatan tentera ini kita ada kategori yang berhak menerima pinjaman perumahan iaitu mereka yang ditauliahkan dalam tauliah jangka panjang. Bagi mereka yang ditauliahkan jangka pendek, oleh kerana pihak Perbendaharaan ataupun Kerajaan tidak meluluskan pinjaman kepada anggota tentera dalam kategori yang berikut, tetapi bagi anggota yang dalam tauliah jangka panjang, mereka menikmati kemudahan pinjaman ini

dan sehingga setakat ini sepanjang yang diketahui, mereka yang layak telah memohon dan telah dipertimbangkan dengan tidak ada sebarang masalah yang timbul.

JALAN RAYA UTAMA BINTULU/ BELAGA—PEMBINAAN

3. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan jalan raya utama (trunk road) Bintulu/Belaga akan bermula dan sama ada Kementerian bercadang untuk menggunakan jalan-jalan balak yang sedia ada di kawasan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan projek jalan dari Simpang Miri-Bintulu ke Belaga dalam Rancangan Malaysia Keenam. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan kehendak semasa. Pada masa sekarang kajian dan rekabentuk sedang dijalankan oleh pihak JKR dan juga JKR telah membina jalan batu gravel sejauh 2 kilometer mengarah dari simpang Miri-Bintulu ke arah Labang; ada cadangan jalan batu gravel dari Labang ke Tubau akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Berkeenaan dengan jalan-jalan balak, pihak JKR tidak bercadang untuk menggunakan jalan balak yang sedia ada di kawasan tersebut. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab syarikat-syarikat pembalakan kayu telah membina beratus-beratus kilometer jalan raya di dalam hutan kawasan Belaga dan dari Belaga ke Bintulu dan juga Tubau; adakah ini menjadi satu short-cut, jalan pendek untuk Kerajaan Persekutuan mengambilalih jalan raya

ini dan up-gradekan dan menjadikannya sebagai jalan raya Persekutuan. Ini adalah satu penyelesaian yang bersesuaian dan baik. Kenapakah pihak Kerajaan tidak mahu menimbangkan begitu?

Yang keduanya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan suatu tarikh atau time frame di mana jalan raya daripada Bintulu ke Belaga serta Tubau akan siap dibina di dalam Rancangan Malaysia Keenam ini suatu konsep yang am dalam berapa tahun dan berapakah kos perbelanjaan sudah dianggarkan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan-jalan balak, pihak JKR Sarawak telah membuat satu kajian bahawa jalan-jalan kayu balak yang sedia ada itu tidak sesuai untuk diambilalih sebagai jalan biasa kerana beberapa sebab. Sebab yang pertama, jalan balak adalah terlalu berbelok-belok dan gradientnya adalah terlalu curam dan juga tidak mempunyai kemudahan keselamatan untuk kenderaan biasa. Di samping itu, kos untuk menyelenggarakan jalan-jalan ini adalah amat tinggi.

Soalan yang kedua, anggaran kos projek jalan Miri-Bintulu, Labang-Tubau, Belaga dan Balui itu adalah \$374.5 juta. Jasi, peruntukan di dalam RM6 cuma \$20 juta. Oleh sebab itu, jikalau jalan ini akan disiapkan, mungkin akan disiapkan dalam RM7.

PERDAGANGAN DENGAN BEKAS NEGARA USSR

4. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan menggalakkan pihak swasta mengkaji peluang-peluang pelaburan di beberapa negara Islam dan Komanwel Negara Merdeka seperti Uzbekistan dan lain-lainnya.

40. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah yang dilakukan oleh Kementerian ini untuk membuka laluan-laluan perdagangan dengan negara-negara bekas Soviet Union yang baru mengamalkan sistem perdagangan bebas.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bersama dengan soalan No. 40 hari ini yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, baik.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menyambut baik perubahan yang berlaku di negara-negara bekas Kesatuan Sosialis Soviet Russia (USSR) di mana perubahan sedang berlaku daripada sistem Kerajaan Pusat kepada Sistem Ekonomi Terbuka dan Pasaran Bebas yang mana akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi yang kompetitif di Komanwel negara-negara merdeka, dengan izin, Commonwealth of Independent States (CIS). Ini seterusnya akan membantu ekonomi CIS dan membolehkannya memasuki perdagangan antarabangsa dan akan membantu pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut.

Walau bagaimanapun, perubahan politik yang radikal dan mendadak di negeri-negeri CIS yang dahulunya di bawah kekuasaan komunis menghadapi masalah untuk merubah daripada ekonomi kawalan pusat kepada sistem ekonomi pasaran dan perdagangan bebas. Perubahan di USSR ini juga telah merombak sistem sosial dan politik negara tersebut di mana telah ada perpecahan dan wujud pula negara-

negara merdeka seperti negara-negara Baltic terdiri daripada Estonia, Latvia dan Lithuania yang mirip kepada Eropah Barat dan Komanwel negara-negara merdeka terdiri daripada 12 republik bekas negeri-negeri di bawah USSR.

Di dalam keanggotaan CIS pula, ada beberapa Republik Islam seperti Uzbekistan, Kazakhstan, Kirghystan, Turkmenistan, Tadzhikistan dan Azerbaijan yang ingin menjalin hubungan dengan Turki dan negara-negara Asia Barat. Negeri-negeri ini kesemuanya berusaha merubah sistem ekonominya dan juga sedang mencari rakan perdagangan yang boleh memberi manfaat kepada mereka.

Oleh hal yang demikian, perubahan kepada arah sistem ekonomi bebas sepenuhnya belum lagi terlaksana disebabkan keadaan sosial dan politik yang tidak menentu dan belum lagi menunjukkan tanda-tanda yang ia akan mantap di dalam jangka masa yang pendek.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Moscow mengendalikan hal-hal berkaitan dengan perdagangan bagi kesemua negeri-negeri bekas USSR dan Kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan sebuah pejabat di negeri-negeri CIS.

Memandangkan kepada keadaan yang tidak menentu pada masa ini, pihak Kerajaan akan mengikuti dan meneliti perubahan-perubahan ini dan akan mengambil langkah-langkah perlu ke atasnya. Peralihan kepada sistem ekonomi ini akan dijangka memberi peluang pasaran yang luas kepada Malaysia di hari muka, walaupun keadaan sosial, politik dan ekonomi belum stabil sepenuhnya, adalah penting sekali syarikat-syarikat tempatan menerokai pasaran tersebut.

Dalam hal ini, Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di Moscow akan memberi segala kerjasama dan bantuan kepada syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur tempatan yang berminat untuk melabur umpamanya di dalam bidang tekstil, kasut, peralatan elektrik, ubat-ubatan, makanan kanak-kanak, minyak masak dan makanan ternakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku di negeri-negeri bekas USSR dan maklumat-maklumat ini dianalisa dan disalurkan kepada ahli-ahli swasta sebagai panduan bagi mereka merancang tindakan-tindakan dan susulan. Kerajaan akan bekerjasama rapat dan menasihati mereka sebelum mereka melibatkan diri ke pasaran-pasaran di negeri-negeri bekas USSR.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang baru bebas daripada pemerintahan komunis dan kini sedang berusaha ke arah sistem pasaran bebas dan ekonomi terbuka, sudah tentu ia akan mengambil masa untuk menyesuaikan kepada sistem baru ini. Tambahan pula, negeri-negeri bekas USSR ini menghadapi masalah kewangan dan oleh hal yang demikian, tidak berkeupayaan untuk mengimport secara perdagangan bebas. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersikap terbuka bagi menjalin hubungan dua hala dengan negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan telah dibuat di mana Kerajaan telah pun menyampaikan maklumat-maklumat mengenai organisasi-organisasi perdagangan negeri-negeri CIS termasuk daripada Republik-republik Islam seperti Uzbekistan dan lain-lain lagi kepada Dewan-dewan Perniagaan dan Perdagangan serta syarikat-syarikat tempatan. Sebelum terbubarinya USSR,

Uzbekistan telah pun menjalin hubungan dengan Malaysia di bidang perdagangan dan pelancongan. Kegiatan perdagangan dan ekonomi ini akan dipertingkatkan lagi bukan sahaja dengan Uzbekistan, tetapi juga dengan Republik-republik Islam lain seperti Kazakhstan, Azerbaijan, Kirghystan dan Turkmenistan di bidang yang dapat memberi manfaat kedua-dua negara seperti di industri carigali minyak, logam dan tekstil.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan-tindakan awal yang diambil oleh Kerajaan bagi memudahkan pihak swasta kepada berlakunya kerja-kerja pelaburan di masa-masa akan datang? Apakah sudah ada rombongan perdagangan daripada kedua belah pihak yang mengadakan kunjungan di antara satu sama lain?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Marang. Kerajaan sedang mengambil beberapa tindakan untuk memudahkan pedagang dan pelabur kita memasuki kepada negara-negara bekas USSR. Umpamanya di tahun 1987, satu rombongan secara besar-besaran yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat beberapa negara-negara di Komenwel yang dinamakan CIS pada masa kini, iaitu rombongan melawat ke Russia, kepada Uzbekistan dan kalau tidak salah, sekarang keluar daripada CIS iaitu Hungary dan ini telah membuka jalan kepada pedagang dan pelabur kita dan selepas usaha yang diketuai oleh Perdana Menteri kita pada tahun 1988 dan 1989, perdagangan dua hala telah meningkat antara dua negara, tetapi oleh kerana ketidaktentuan politik pada masa kini dengan CIS, maka perdagangan dua hala Malaysia dengan CIS telah menurun pada tahun 1990 dan 1991.

SKIM PINJAMAN ASB UNTUK RAKYAT TERMISKIN

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) garis panduan yang digunakan bagi menetapkan kumpulan rakyat termiskin negara ini bagi melayakkan mereka menerima bantuan untuk simpanan ASB;
- (b) setakat ini berapa ramaikah golongan termiskin yang telah dikenalpasti; dan
- (c) langkah yang dijalankan bagi menentukan 100% rakyat termiskin ini tidak tertinggal.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan yang menetapkan kumpulan rakyat termiskin bagi melayakkan mereka menerima Skim Pinjaman Amanah Saham Bumiputra Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

(i) *Golongan Termiskin*

Ditakrifkan sebagai golongan termiskin di mana pendapatan sekeluarga kurang daripada \$175 sebulan bagi negeri-negeri di Semenanjung dengan purata ahli keluarga seramai 5 orang.

Bagi negeri Sarawak pendapatan sekeluarga kurang daripada \$225 sebulan dan untuk negeri Sabah kurang daripada \$260 sebulan. Golongan miskin berpendapatan melebihi \$175 sekeluarga di Semenanjung, tetapi yang mempunyai tanggungan yang ramai akan dipertimbangkan.

- (ii) Mereka ialah bumiputera termasuk Orang Asli.

- (iii) Mereka yang didaftarkan dalam Daftar Induk Program Pembangunan Rakyat Termiskin untuk Semenanjung dan Daftar Asas Program Pembangunan Rakyat Termiskin untuk Sabah dan Sarawak.
 - (iv) Hanya satu permohonan sahaja dibenarkan dari satu keluarga.
 - (v) Pinjaman diberi atas nama ketua keluarga jika suami uzur ataupun cacat, sakit dan sebagainya, pinjaman akan diberikan atas nama isteri.
- (b) Setakat ini jumlah golongan termiskin yang telah dikenalpasti ialah 142,765 orang.
- (c) Untuk menentukan tidak ada rakyat termiskin yang ketinggalan dalam program ini, Kerajaan telah menentukan proses pendaftaran yang terperinci. Maka langkah-langkah yang diambil bagi menentukan proses pendaftaran yang terperinci adalah seperti berikut:
- (i) Setiap permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan pinjaman ASB Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Borang ini disalurkan kepada mereka yang berdaftar melalui Daftar Induk dan Daftar Asas Program Pembangunan Rakyat Termiskin melalui jentera Jawatankuasa Program Pembangunan Rakyat Negeri atau Bahagian ataupun Daerah. Borang-borang permohonan akan diedarkan kepada semua Pejabat Daerah. Pejabat Daerah pula akan mengedarkan semua borang permohonan kepada semua isi rumah yang layak sama ada melalui Pegawai Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Ketua Kampung ataupun Penghulu.
 - (ii) Borang yang lengkap diisi akan dikemukakan semula kepada Pejabat Daerah untuk disemak oleh Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Daerah.
 - (iii) Borang permohonan yang telah diperakukan akan disalurkan kepada Ibu Pejabat Amanah Saham Nasional Berhad untuk kelulusan dan pendaftaran. Ibu Pejabat Amanah Saham Nasional akan memaklumkan pemohon yang berjaya melalui pos.
 - (iv) Kerajaan juga menetapkan Jawatankuasa Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bertindak sebagai Jawatankuasa Rayuan di samping menyelia program ini di peringkat negeri.
- Bagi golongan termiskin yang belum didaftarkan dalam senarai Daftar Induk Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan mereka yang termasuk dalam senarai tambahan Program Pembangunan Rakyat Termiskin pada masa ini akan dijadikan daftar menunggu.
- Pinjaman akan diberikan kepada semua pemohon yang berdaftar tanpa mengikut sebarang kuota daerah ataupun negeri. Ini adalah untuk mengelakkan sebarang diskriminasi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita bersyukur kerana program yang dijalankan oleh Kerajaan ini adalah program yang begitu adil, kerana melibatkan semua pihak, termasuk PAS, Semangat 46, DAP dan sebagainya, malah di kawasan saya yang paling banyak menerimanya adalah PAS dan Semangat 46.

Saya mendapat maklumat bahawa mereka yang didaftarkan baru-baru ini ialah mereka yang tidak terdapat namanya dalam Daftar Induk. Jadi dalam Daftar Induk itu kita dapati kebanyakan yang didaftar ialah orang-orang yang betul-betul daif dan sebagainya, tetapi bila ada Program ASB ini, ada nama-nama baru yang muncul, yang tidak sama dengan nama Daftar Induk. Jadi apakah tindakan Kerajaan kepada perkara tersebut? berhubung dengan itu, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menukar nama perkataan "Program Rakyat Termiskin" untuk ASB ini dijadikan "Fakir Miskin", sebab perkataan "Miskin" ini, walaupun kita sebut "Ter" di situ orang tidak pakai sangat, dia kira miskin sahaja, sebab amat sukar untuk kita menentukan pendapatan \$175 dan sebagainya. Jadi kalau bubuh "Fakir Miskin" saya ingat tidak ada orang-orang susah mahu digelarkan "fakir", sebab fakir ini orang minta sedekah yang membawa tanggung guni pergi round kampung itu, jadi kita kena buat ke taraf itu supaya tidak ada orang yang tidak layak boleh memohon. Itu sahaja soalnya supaya ditukarkan namanya menjadi "Fakir Miskin".

Yang keduanya, walaupun Yang Berhormat sebut tadi memanglah ini kriteria yang telah ditetapkan, apakah pada pendapat Yang Berhormat tidak terdapat perbezaan dari segi penilaian di antara negeri—mungkin Perlis lain nilai daripada Marang dan sebagainya.

Jadi kita hendak tengok apa bezanya, mungkin Marang dia lebih lenient dan walau lebih \$175 pun diterima sebagai rakyat termiskin. Saya hendak tanya apakah terdapat perbezaan dari segi penilaian mengikut negeri.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa dari segi pelaksanaannya menepati dengan matlamat supaya tidak ada yang tercicir ataupun rasa didiskriminasikan, maka Kerajaan memberi tanggungjawab yang sepenuhnya kepada pihak tempatan, khususnya di peringkat Pejabat Daerah bersama-sama dengan pegawai-pegawai di peringkat daerah sama ada di kalangan Penghulu-penghulu, Ketua Kampung, JKK bersama-sama dengan pegawai-pegawai daripada Jabatan KEMAS, Jabatan Pertanian yang betul-betul faham di peringkat daerah masing-masing.

Untuk memastikan bahawa mereka yang didaftarkan akhirnya secara muktamad di dalam Daftar Induk itu, sesungguhnya merangkumi kesemuanya dan benar-benar menepati dengan garis panduan kelayakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada yang masih lagi perlu dipertimbangkan, saya telah menjawab sebentar tadi mengatakan bahawa mereka ini akan dimasukkan dalam senarai menunggu. Tetapi ada juga di satu dua negeri di mana angka dalam Daftar Induk itu masih lagi di dalam peringkat dinilai semula supaya tidak termasuk mereka yang tidak layak ataupun tidak memasukkan mereka dalam senarai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan supaya Pejabat-pejabat Daerah benar-benar meneliti sematamata berdasarkan kepada maklumat, kefahaman mereka dan pengamatan mereka di peringkat daerah dan mukim masing-masing.

Keduanya, sama ada istilah "Fakir" itu elok dimasukkan, Tuan Yang di-Pertua, perkara itu sebenarnya tidak timbul. Saya mohon maaf kepada Yang Berhormat dari Arau kerana di dalam kenyataan-kenyataan, edaran-edaran, memanglah istilah Program Penduduk Rakyat Termiskin (PPRT) itu ada hujungnya "Fakir". Jadi memang disertakan istilah "Termiskin" serta dengan golongan "fakir". Kemudian sama ada ianya akan berbeza-beza dari segi pelaksanaan antara negeri, miskin ataupun daerah, di negeri-negeri di Semenanjung ini, kita ada penye-larasannya di peringkat kebangsaan dan juga kita minta supaya di peringkat negeri Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri juga bersama-sama mengamati program ini. Dan saya percaya bahawa ada langkah-langkah yang sewajarnya untuk kita membandingkan antara negeri, antara daerah dan antara mukim, dalam masa dua tahun ini sebagai satu jadual masa yang akan digunakan untuk melaksanakan peruntukan sebanyak \$500 juta ini.

MAJLIS HAL EHWAL PENGGUNA—PENUBUHAN

6. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah semua negeri telah pun menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna seperti yang di-sarankan oleh Kementerian;
- (b) nyatakan negeri-negeri yang belum lagi menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna dan mengapa kelewatan ini masih berlaku; dan
- (c) apakah bentuk kegiatan yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mempergiatkan lagi Program serta kegiatan pendidikan pengguna di setiap peringkat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua negeri telah pun menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri. Sehingga hari ini perlantikan pelancaran rasmi penubuhan Majlis tersebut telah pun dilakukan di tujuh buah negeri iaitu:

- (i) Negeri Sembilan;
- (ii) Sabah;
- (iii) Kelantan;
- (iv) Melaka;
- (v) Terengganu;
- (vi) Pulau Pinang; dan
- (vii) Pahang.

Pelancaran bagi negeri-negeri lain akan dilakukan dalam sedikit masa lagi.

- (b) sebagaimana yang saya nyatakan semua negeri telah menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri. Oleh itu, masalah kelewatan tidak timbul;
- (c) Kerajaan sedang menjalankan berbagai aktiviti atau usaha dalam pendidikan pengguna bagi tujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman pengguna di negara ini. Di antara program yang dijalankan termasuk ceramah, seminar, pameran dan sebagainya. Salah satu program yang utama yang telah diadakan ialah Pelancaran Hari Pengguna Sedunia pada 15hb Mac, 1992 yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pelancaran ini adalah sebagai satu usaha untuk menyemarakkan lagi per-kembangan penggunaan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Kementerian sedang

berusaha untuk menghasilkan buku panduan pengguna dan pelancarannya, insya Allah akan disempurnakan pada penghujung bulan ini kelak. Pelancaran ini akan diikuti dengan satu pameran mengenai kepenggunaan yang disertai oleh berbagai agensi Kerajaan, persatuan pengguna dan pertubuhan-pertubuhan lain.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah ini bermakna Majlis yang ditubuhkan oleh Kementeriannya termasuk di dalam 40 pejabat di seluruh negara. Siapakah yang menganggotai Majlis ini, sama ada ini semata-mata untuk kakitangan Kementerian ataupun orang awam dipelawa untuk menjadi anggotanya. Dan apakah yang terjadi dengan jawatan-jawatan yang baru diluluskan oleh pihak Kementeriannya, iaitu 1,939 orang untuk menjawat di bahagian-bahagian yang tertentu di dalam Kementeriannya? Dan apakah terjadi dengan hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula mengenai Consumer Price Index untuk mencegah inflasi? Dari segi luar bandar iaitu Consumer Price Index tidak serupa dengan CPI di dalam bandar. Wajarlah bagi kita untuk mengadakan sekurang-kurangnya dua CPI untuk kawasan-kawasan yang tidak serupa.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang pertama tidak begitu jelas. Namun demikian, saya ingin menyatakan iaitu Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri ditubuhkan di atas beberapa sebab, iaitu pertama untuk merancang, melaksana dan menyelaraskan semua program dan aktiviti kepenggunaan di peringkat Negeri. Di samping itu, ia bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan menyedarkan kepada rakyat pada

keseluruhannya mengenai bidang consumerisme, dan seterusnya menjadi badan maklumbalas ataupun yang memberi maklumat kepada Kerajaan Persekutuan dan pertama sekali Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan dari segi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di seluruh negara. Jadi, ahli-ahlinya bukan terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja bahkan terdiri daripada badan-badan yang mempunyai kepentingan kepenggunaan terutama sekali Persatuan-persatuan Pengguna Negeri, pertubuhan-pertubuhan wanita dan persatuan-persatuan pengguna yang lain dan ahli-ahli perniagaan, dewan perniagaan dan persatuan-persatuan peniaga dan sebagainya. Dan semua Majlis ini dipengerusikan oleh sama ada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau terpulang kepada Kerajaan Negeri berkenaan, dan urusetianya ialah pegawai penguatkuasa di tiap-tiap Negeri.

Berkenaan dengan jawatan-jawatan baru yang diperkatakan sebentar tadi, usaha sedang diperbuat oleh pihak berkuasa untuk mengiklankan jawatan-jawatan yang berkenaan, dan saya difahamkan bahawa proses recruitment akan diperbuatkan tidak berapa lama lagi.

Berkenaan dengan soalan yang ketiga berkaitan dengan harga ataupun Consumer Price Index di dalam bandar dan luar bandar, perkara ini sukar ditentukan oleh sebuah Kementerian sahaja. Ia adalah tanggungjawab semua Kementerian yang ada kaitannya dengan ekonomi dan kewangan. Oleh itu Kerajaan akan sentiasa memikirkan agar Consumer Price Index sentiasa berada di paras yang memuaskan supaya tidak membebankan rakyat.

Dr Kua Kia Soong: Mengenai kegiatan pendidikan pengguna, bolehkah Yang Berhormat Menteri

beritahu bahawa mengapa kegiatan pendidikan pengguna yang dijalankan oleh Kerajaan dengan machinery yang begitu besar dengan Majlis-majlis dan Jabatan-jabatan Hal Ehwal Pengguna. Mengapa kalau dibandingkan dengan satu NGO yang kecil, Consumer Association of Penang begitu tidak berkesan? Dan selain daripada kegiatan pendidikan pengguna sudah ternyata ketinggalan serius adalah dalam ketidakkuatkuasaan hak pengguna seperti mengawal apa-apa yang terkandung dalam makanan seperti boric acid dan lain preservative. Apa langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan yang teruk ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Saya kurang pasti siapa yang gagal, sama ada Kerajaan atau CAP (Persatuan Pengguna Pulau Pinang) yang gagal.

Dr Kua Kia Soong: Soalan saya, saya rasa kegiatan pendidikan oleh satu NGO yang kecil sebagai CAP adalah begitu berkesan dalam tiap-tiap sekolah, dalam segi kepentingan orang ramai, tetapi apa yang dibuat oleh Kerajaan begitu tidak berkesan.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Itu anggapan Ahli Yang Berhormat, bukan anggapan kami. Kami berpendapat usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan begitu berkesan sekali. Semenjak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ditubuhkan, iaitu pada 27hb Oktober, 1990 Kementerian telah menjalankan penyiasatan sebanyak 283,248 pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan dan telah diambil tindakan undang-undang ke atas 8,578 peniaga. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat masih lagi memikirkan ada pihak-pihak peniaga terutama sekali di kawasan Yang Berhormat yang menyeleweng, beritahu pada kami, kita akan ambil tindakan.

AIDS—DUKUN/BOMOH/DOKTOR MEMPELAWA DIRI UNTUK MENGUBATI

7. **Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Kesihatan menyatakan di antara bomoh-bomoh, dukun-dukun, doktor-doktor yang sanggup mengubat penyakit-penyakit ganjil, adakah terdapat di antara mereka ini mempelawakan diri untuk mengubati penyakit AIDS.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada dukun, bomoh atau doktor yang mempelawa diri untuk mengubati dan menyembuh pesakit AIDS kepada Kementerian Kesihatan secara rasmi. Walaupun secara tidak rasmi ada orang datang cuba, tetapi kebanyakan tidak begitu menakutkan.

Walau bagaimanapun, sehingga sekarang penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan di seluruh dunia belum ada menemui sebarang jenis ubat yang dapat mengubati penyakit AIDS dengan berkesan ataupun menjumpai vaksin untuk mencegahnya.

Ubat-ubat yang ada pada ketika ini untuk pesakit-pesakit mengenai HIV dan AIDS hanya merupakan, dengan izin, maintenance of some degree of preservable quality of life and not a cure.

PENGEMIS WANITA DARI MYANMAR

8. **Puan Hajjah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang Kementerian beliau telah ambil memandangkan bilangan pengemis-pengemis wanita dari Myanmar telah bertambah dan mereka menggunakan anak-anak kecil mereka

untuk mendapat simpati dan ini boleh memberikan imej yang buruk kepada negara, dan setakat ini berapa orang telah ditangkap dan diusir pulang ke negara asal mereka.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pengemis asing di negara ini telah mula dikesan dalam tahun 1980. Masalah ini timbul adalah disebabkan rakyat negara ini sangat bermurah hati dan sentiasa memberi sedekah kepada mereka.

Kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sering mengadakan serbuan pengemis dari masa ke semasa mengikut perbekalan di bawah Akta Orang Papa 1977. Dalam serbuan tersebut, ramai pengemis asing telah ditangkap dan mereka telah diserahkan kepada pihak Polis dan seterusnya kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan jabatan tersebut.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kesemua pengemis-pengemis dari Myanmar ini adalah daripada golongan Rohingya yang sekarang ini ditindas oleh junta tentera di Myanmar. Dengan adanya kemasukan yang banyak ini, seperti yang dibuat kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah semalam, adakah pihak Kerajaan akan berhubung dengan UNHCR untuk membawa pengemis-pengemis ini dan ramai lagi pelarian-pelarian Rohingya dari Myanmar ditempatkan di satu tempat supaya mereka diberi layanan yang tepat sebagai pelarian politik?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, itu lain dari soalan asal.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar mungkin ada sindiket di belakang pengemis-pengemis ini? Soalan kedua, bagaimanakah mereka ini boleh masuk begitu senang ke dalam negara kita kerana kita mempunyai pasukan Imigresen?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak menyiasat sama ada ada sindiket atau tidak. Ini terpulang kepada pihak Polis dan Imigresen dan kemudahan untuk masuk ke negara ini, itupun dikawal oleh pejabat Imigresen.

PENJARA BARU DI KEPONG—PEMBATALAN PEMBINAAN

9. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan membatalkan rancangan awal membina penjara baru di Kepong bagi menggantikan Penjara Pudu. Berikutan dengan pembatalan itu, di manakah Kerajaan bercadang untuk membina penjara baru tersebut; tidakkah pembatalan itu bererti masa semakin berlarutan untuk menyelesaikan kesesakan banduan di Penjara Pudu; dan
- (b) bila mana Penjara Pudu ditutup kelak, apakah rancangan Kerajaan ke atas tapak penjara itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan membatalkan rancangan awal membina penjara baru di Kepong bagi

menggantikan Penjara Kuala Lumpur di Pudu disebabkan:

- (i) demi untuk keselamatan, Kerajaan berpendapat elok sebuah penjara yang besar lagi canggih ini dibina di luar bandaraya Kuala Lumpur;
- (ii) didapati tapak yang dikenalpasti di Kepong itu 75% adalah bekas lombong yang dipenuhi dengan tasik-tasik lombong yang terlalu dalam;
- (iii) didapati terlalu banyak rumah setinggan.

Dengan itu pihak Kerajaan telah memutuskan untuk membina penjara baru tersebut di Sungai Buloh, Selangor yang mana dari segi strategi dan keselamatan adalah amat sesuai. Tindakan kini sedang diambil untuk pengambilan balik tanah di tapak baru yang telah dikenalpasti itu.

- (b) Kerajaan akan menyerahkan kepada UDA untuk membangunkan semula tapak Penjara Pudu apabila ditutup kelak, selaras dengan kehendak serta keperluan ibu kota bandaraya Kuala Lumpur.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya pun tanya beberapa kali kepada Yang Berhormat dan pada tahun yang lepas beliau asyik menjawab saya begitu baik untuk mengadakan di Kepong. Sekarang suaranya bertukar (*Ketawa*) daripada merbok menjadi tekukor. Jadi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana di Sungai Buloh ini yang semakin hari semakin berkembang, maju dan menjadi bandar yang agak besar pada 5, 10 tahun akan datang. Bagaimana kawasan Sungai Buloh itu akan berbeza kalau

berbanding dengan Kepong kerana itu akan termasuk di dalam suburban ataupun urban area dari segi keselamatan, bagaimana perbezaan di kawasan Kepong dan kawasan Sungai Buloh?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa hendak memberi jawapan tadi. Salah satu daripada sebabnya ialah apabila dalam Dewan ini, Wakil Kepong nampaknya anti pembangunan dalam kawasannya. (*Ketawa*) Jadi, kita baru fikir mengubahkan penjara ini keluar dari kawasannya! Selalu sangat membantah, jadi saya fikirkan yang Wakil Kepong ini mungkin anti pembangunan, kita pun ubah ke tempat lain. Jadi, cemburu nampaknya. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tidak betul, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ada sebuah estet yang begitu luas di kawasan itu yang hendak dijual yang luasnya ialah hampir 999 ekar. Jadi, penjara baru ini memerlukan 150 ekar. Jadi, pihak UDA telah pun sedia untuk membeli keseluruhan estet yang 999 ekar itu dan 150 akan digunakan untuk penjara. Yang lain itu kira akan membangunkan kawasan itu. Selalu daripada itu juga, rumah-rumah untuk pegawai-pegawai dan kakitangan boleh dibina dengan selesa di sebelah hadapan, penjara diletakkan di sebelah belakang dan ini tentulah dari segi keselamatan adalah amat sesuai.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kesalahan jenis apakah yang paling ramai sekali yang ditempatkan di penjara Pudu dan kalau boleh pecahkan mengikut seperti dadah, rogol, rompakan dan sebagainya.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat boleh bersetuju bahawa penjara-penjara di negara kita ini tidak akan penuh lagi dengan berbagai-bagai jenis kesalahan setelah kita mengamalkan sepenuhnya hukum Hudud.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, di penjara Pudu ini yang kita muatkan ialah banduan reman kebanyakannya oleh kerana berhampiran dengan ibukota dan 45% dari banduan reman ini adalah bersangkut-paut dengan dadah. Setelah mereka ini, dengan izin, convicted maka mereka dihantarlah ke kawasan-kawasan lain.

Tentang soalan yang kedua, itu tidak melibatkan negeri-negeri lain. Mungkin penjara di Kota Bharu adalah kosong tetapi terpaksa digantikan dengan satu kawasan tanah lapang untuk melakukan hukuman yang telah pun ditetapkan dalam Hudud ini.

RTM/TV3—PENGURANGAN PROGRAM BERBAHASA CINA

10. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah rasional Kerajaan telah menetapkan tempoh tayangan rancangan berbahasa Cina menerusi RTM dan TV3 tidak melebihi tujuh setengah jam seminggu; dan
- (b) apakah sebabnya Kerajaan bercadang mengurangkan tempoh penayangan program berbahasa Cina dari Hong Kong kepada tiga jam seminggu mulai tahun depan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) dalam penyiaran program-programnya, RTM mengambil-

kira keperluan semasa masyarakat majmuk Malaysia. Rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTM adalah untuk matlamat menghubungkan semua kaum di negara ini.

Dari segi bahasa, rancangan-rancangan RTM menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi utama dalam usaha untuk mencapai matlamat perpaduan nasional. Namun bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa juga digunakan sebagai bahasa komunikasi kedua.

RTM juga mengambil kira sasaran yang lain yang perlu disampaikan maklumat, pendidikan dan hiburan. RTM juga menyiapkan rancangan-rancangan seperti berita, drama dan program-program hiburan dalam bahasa Cina dan Tamil.

Oleh kerana kaum Cina merupakan salah satu sasaran yang memerlukan komunikasi dari RTM, maka RTM menyediakan rancangan-rancangan dalam bahasa Cina dalam bentuk berita 3 1/2 jam seminggu, drama dan hiburan 7 1/2 jam seminggu.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada batasan masa penyiaran yang sesuai serta keperluan semasa adalah didapati bahawa masa 7 1/2 jam seminggu bagi program hiburan dan drama dalam bahasa Cina adalah memadai dan menepati kepada matlamat Kementerian Penerangan sendiri.

- (b) Berkaitan pengurangan program dalam bahasa Cina daripada Hong Kong mulai dari tahun hadapan, telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan dalam

Dewan yang sama pada 4hb Mei 1992 lalu. Saya tidak ada apa-apa tambahan jawapan tersebut.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bilakah agaknya RTM bercadang untuk menayangkan filem-filem ataupun rancangan-rancangan dari Hong Kong ini yang dialihkan bahasa ke Bahasa Malaysia untuk tujuan integrasi dan rakyat Malaysia boleh menikmati program dari Hong Kong, Taiwan dan Negeri China dan orang bukan Melayu pula, orang Cina boleh memperbaiki Bahasa Malaysia mereka termasuk ahli-ahli DAP.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk mengalihkan dasar yang sedia ada iaitu mengutamakan Bahasa Malaysia dalam semua program-programnya. Sepertimana saya nyatakan tadi oleh kerana masyarakat kita adalah masyarakat majmuk dan ianya memerlukan unsur-unsur perpaduan nasional dan integrasi sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat maka dasar itu akan terus diutamakan.

Oleh kerana kita juga memerlukan dan mempunyai komunikasi dengan pihak-pihak ataupun keseluruhan rakyat jelata dalam negara ini maka dasar komunikasi kita masih lagi liberal memandangkan bahasa-bahasa lain dipergunakan dalam media eletronik kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan agar melalui proses pendidikan yang dijalankan dan diusahakan oleh Kementerian ataupun Kerajaan kita menjelang mungkin tahun 2020 di mana rakyat keseluruhannya akan fasih dalam Bahasa Malaysia maka masa itu saya percaya Kerajaan akan mempertimbangkan

untuk mengalihkan semua penyiaran ataupun setidak-tidaknya besar kemungkinan penyiaran akan dilakukan dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya hendak bertanya sama ada benar atau tidak bahawa rancangan Bahasa Cina menerusi RTM dan TV3 telah dikurangkan kalau berbanding dengan tahun lepas, ini pertama. Yang kedua saya tertarik dengan jawapan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan bahawa RTM telah menyediakan siaran berita dalam Bahasa Cina tetapi ia tidak menyentuh langsung TV3. Sebab itu saya hendak bertanya lagi sekali sama ada pihak Kementerian pernah memberitahu TV3 bahawa mereka perlu menyediakan program berita dalam Bahasa Cina khususnya menyiarkan berita Bahasa Mandarin di TV3 dan mengapakah pihak Kementerian enggan berbuat demikian sungguhpun sudah mengadakan satu dasar Pemuda MCA dan juga telah menjadi satu perjuangan untuk memboikot TV3 oleh Pemuda MCA untuk memaksa TV3 berbuat demikian. Sekian terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan pertama jawapannya tidak. Berkenaan dengan jawapan soalan kedua saya telah menerangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya TV3 merupakan sebuah stesyen televisyen swasta dan Kementerian ataupun Kerajaan tidak berhak untuk campur tangan di dalam urusan, program ataupun scheduling tetapi di dalam dasar ataupun melalui Akta Penyiaran ada kuasa-kuasa tertentu untuk menguruskan dasarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan terdahulu daripada ini kita mempunyai berita Mandarin daripada jam 7.00 hingga 7.30 dan

telah menyampaikan berita Mandarin dengan secukup-cukupnya. Pada pandangan Kementerian Penerangan sama ada kita ada TV4, TV3, TV5 dan TV6 kalau berita yang sama hendak disampaikan pada masa yang sama saya rasa ianya tidak mencapai apa-apa matlamat. Saya memohon kepada anggota-anggota pembangkang daripada DAP lihat sajalah berita RTM dalam Bahasa Mandarin dan mencukupi untuk memberi pendidikan yang sewajarnya kepada mereka.

KEMARAU DI SABAH

11. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan Sabah kerap dilanda musim kemarau yang panjang seperti sekarang ini, apakah persediaan-persediaan yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan air khususnya di kawasan-kawasan yang tersebut.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya memang sedar bahawa Negeri Sabah sedang mengalami musim kemarau dan Kerajaan Pusat memandang berat terhadap perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut Perlembagaan Persekutuan bekalan air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu Kerajaan Negeri Sabah bertanggungjawab merancang berbagai rancangan jangka masa panjang dan jangka masa pendek serta memulakan tindakan-tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah ini. Dalam hal ini Kerajaan Pusat bersedia untuk membantu negeri Sabah dalam perlaksanaan projek-projek bekalan air jika diminta oleh pihak Kerajaan Negeri.

Pada lazimnya pihak Kerajaan Pusat cuma memberi nasihat teknikal dan kepakaran dan mencadangkan cara-cara dan kaedah-kaedah yang sesuai untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada ketika ini ada lagi tempat-tempat ataupun kawasan-kawasan di negeri sabah masih mengalami masalah kemarau. Apakah bentuk ataupun dari segi bantuan yang diberikan pada ketika ini oleh pihak Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah dengan keadaan kemarau pada ketika ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi Kerajaan Pusat bersedia untuk membantu negeri Sabah jika diminta oleh pihak Kerajaan Negeri. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Sabah telah meminta Kementerian Kerja Raya dalam satu perkara masalah yang berlaku di Daerah Semporna dan Kementerian saya telah pun menghantarkan satu pasukan jurutera JKR ke Daerah Semporna untuk menjalankan kajian dan penyiasatan terhadap masalah kekurangan air pada awal bulan Mac tahun ini. Pasukan tersebut telah menyediakan laporan terperinci dan mengesyorkan beberapa cara yang perlu dijalankan segera bagi mengatasi masalah air di Daerah Semporna dan pada masa ini pihak Jabatan Bekalan Air Sabah sedang melaksanakan kerja-kerja seperti yang telah disyorkan dalam laporan tersebut bagi mengatasi masalah bekalan air dan memastikan bekalan air yang mencukupi di Daerah Semporna. Selain daripada itu Kementerian Kerja Raya tidak dapat apa-apa permintaan daripada pihak negeri Sabah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan. Tuan Yang di Pertua, apakah mungkin kekurangan air yang berlaku di Sabah oleh kerana kemarau yang disebabkan oleh pengurusan hutan yang tidak betul sehingga masalah negeri yang begitu besar takungan air tiba-tiba kekeringan air ataupun oleh kerana pembalakan yang

berleluasa yang berlaku di Sabah sekarang? Yang keduanya, mengapakah pihak DAP terutamanya daripada Kuching dan juga Pencinta Alam Sekitar tidak langsung memberi perhatian tentang masalah yang berlaku di Sabah terutamanya berkenaan dengan pembalakan dan juga masalah kekurangan air?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua itu tidak mampu saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat dari Kuching. Soalan yang pertama mengenai faktor-faktor yang mengakibatkan berlakunya keadaan kemarau di negeri Sabah adalah sebab-sebab begini; yang pertama perubahan ekologi, yang kedua seperti Yang Berhormat bercakap tadi pembalakan yang tidak terkawal, yang ketiga perubahan cuaca sedunia, the green house effect, dengan izin. Yang keempat, kekurangan infrastruktur misalnya empangan air, loji pembersihan air dan sebagainya.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN—LANGKAH MEMBANTERAS RASUAH

12. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil terhadap:

- (a) membanteras rasuah yang sering berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
- (b) mengesan syarikat-syarikat atau agen-agen yang terlibat dalam menjual tiket palsu kepada penumpang-penumpang;
- (c) mencegah bas ekspres yang haram beroperasi di jalan raya demi keselamatan orang awam; dan
- (d) kesan dapat ditunjukkan atas usaha dan tindakan Kerajaan bagi perkara tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kementerian Pengangkutan ingin menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat untuk membanteras rasuah di negara ini termasuk juga yang melibatkan Jabatan Pengangkutan Jalan. Di antara langkah yang telah diambil ialah menghindarkan unsur-unsur subjectivity, dengan izin, ataupun unsur-unsur menggunakan budibicara di dalam membuat sesuatu keputusan. Dengan lain-lain perkataan sesuatu keputusan dibuat seboleh-bolehnya secara objektif. Sebagai contoh, JPJ telah pun melaksanakan ujian pemanduan kenderaan sistem tiga peringkat atau tiga bahagian:

Bahagian 1 — Ujian secara bertulis/lisan (Highway Code)

Bahagian 11 — Ujian pratikal (ujian meletakkan kenderaan)

Bahagian 111 — Ujian di atas jalan raya.

Ketiga-tiga peringkat ujian ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang berlainan. Dengan cara ini, pengujian pemanduan dapat dilakukan dengan lebih sistematik dan juga dapat menghindarkan sebarang penyelewengan.

Di samping itu juga, Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun mengeluarkan satu Arahan Jabatan yang menetapkan seseorang pegawai atau kakitangan yang bertugas di kaunter dan di luar pejabat tidak

boleh membawa wang tunai melebihi \$30.

Langkah yang sedang diambil oleh JPJ ialah usaha memodenkan sistem atau kaedah-kaedah bekerja dengan penggunaan alat-alat mekanikal dan komputer. Dalam hubungan ini, adalah dijangka pada akhir tahun ini, pembaharuan lesen memandu akan dapat dilakukan melalui komputer. Begitu juga dengan pembaharuan lesen kenderaan motor yang akan dilakukan dengan menggunakan komputer pada tahun 1993.

- (b) Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia bagi mengesan dan membanteras syarikat-syarikat atau agen-agen yang terlibat dalam menjual tiket-tiket bas palsu kepada penumpang. Di samping itu, sebagai langkah jangka panjang yang sedang dipertimbangkan bagi mengatasi masalah ini, ialah dengan mengenakan syarat-syarat yang ketat dalam sistem penjualan tiket bas di mana hanya syarikat-syarikat yang memiliki bas sahaja yang akan dibenarkan menjual tiket. Perkara ini sedang dibincangkan dengan agensi-agensi lain yang terlibat. Pada masa ini sesiapa sahaja bebas menjual tiket bas atas nama agen penjual tiket melalui kaunter-kaunter bukan kepunyaan pemilik bas. Penjualan ini adalah tanpa sebarang kawalan, baik dari segi jenis tiket yang dijual mahupun jumlahnya.

Salah satu tindakan yang telah diambil oleh JPJ dalam perkara ini ialah mengawalselia penjualan tiket bas ekspres di musim perayaan. Pada musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri

baru-baru ini, JPJ telah menggerakkan usaha-usaha kesatuan bas sekolah Wilayah Persekutuan bagi mengendalikan penjualan tiket ekspres tambahan musim perayaan di Stadium Merdeka. Tindakan ini adalah bertujuan bagi mengelakkan terjadinya penumpang-penumpang ditipu dengan penjualan tiket-tiket palsu. Walau bagaimanapun, masih terdapat ramai penumpang membeli tiket bas tambahan di kaunter-kaunter haram di Pudu Raya.

- (c) JPJ dengan kerjasama Polis telah dan sedang melancarkan operasi "Ops Bungkus" bagi membanteras kegiatan bas ekspres haram. Dalam Ops Bungkus III peringkat pertama selama satu bulan mulai 22hb Februari, 1992 hingga 21 mac, 1992, sebanyak 105 buah kenderaan yang terdiri daripada bas dan van yang menjalankan kegiatan ekspres haram telah disita atau ditahan selama tidak lebih daripada satu bulan. Operasi ini telah dijalankan oleh JPJ di Lembah Kelang, di kawasan utara—Pulau Pinang dan di kawasan selatan—Johor.

Pada masa ini JPJ sedang melancarkan Operasi Bungkus III peringkat kedua di seluruh Semenanjung yang bermula pada 20hb April 1992 dan ianya merupakan tindakan penguatkuasaan biasa di mana perangkaannya akan disediakan secara bulanan.

- (d) Kekesanan tindakan yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah membanteras rasuah di JPJ, mengesan pihak yang menjual tiket palsu dan mencegah kegiatan bas ekspres haram adalah dapat dilihat melalui beberapa kes rasuah

yang dapat dikesan, penangkapan penjual-penjual tiket bas haram, jumlah tiket-tiket tulen yang dijual melalui penyeliaan JPJ di musim perayaan dan penahanan bas-bas ekspres haram di bawah operasi Ops Bungkus serta peningkatan penjualan tiket-tiket bas ekspres tulen semasa Operasi Bungkus dijalankan oleh pihak penguatkuasaan Polis dan JPJ.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup untuk Soal Jawab.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 13 hingga 81 adalah diberi di bawah ini).

KEBAKARAN DI LAPANGAN TERBANG SUBANG—PUNCA

1. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah punca sebab kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada 6hb April 1992 di mana 3 pegawai keselamatan terkorban;
- (b) apa sebabnya 3 orang pegawai keselamatan itu tidak dapat diselamatkan; dan
- (c) adakah satu laporan akan dikeluarkan untuk memberitahu rakyat sebab-sebab kejadian ini.

72. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah benar dakwaan dari orang ramai bahawa peristiwa kebakaran yang berlaku di Lapangan Antarabangsa Subang baru-baru ini adalah disebabkan alat pemadam api yang ada di lapangan tersebut tidak dapat digunakan walaupun kebakaran bermula dari api yang kecil. Adakah benar bahawa alat-alat pencegah

kebakaran tersebut tidak pernah diuji dan jika pernah dilakukan ujian kepada semua peralatan tersebut bolehkah menteri menyatakan tarikh ujian terakhir dibuat. Adakah benar pendapat dari orang ramai bahawa pihak Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak pernah menjalankan latihan menghadapi kebakaran dalam tempoh beberapa tahun ini.

11-5-92

15. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerianya sedar bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah dilengkapi dengan peralatan yang canggih dari segi pengawalan keselamatan. Akan tetapi apabila berlaku sedikit kebakaran mengapakah tidak dapat dicegah dengan serta merta sehinggakan melibatkan suatu kebakaran besar yang merosakkan bangunan terminal dengan nilai berjuta-juta ringgit.

12-5-92

1. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah punca yang menyebabkan berlakunya kebakaran di Lapangan Terbang Subang baru-baru ini; dan
- (b) berapakah perbelanjaan sebenar yang dianggarkan bagi memperbaiki pulih kerosakan tersebut.

68. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa kejadian dan kemalangan telah berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sejak mula operasi hingga setakat ini, sebutkan kecederaan dan pampasan yang dihadapi masing-masing. Apakah langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil untuk mengelak kejadian yang tidak diinginkan itu berulang lagi.

13-5-92

3. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian akibat kebakaran di Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa (LTAB) di Subang;
- (b) apakah sebab utama berlakunya kebakaran tersebut dan apakah langkah-langkah keselamatan yang sedang dan akan diambil bagi memastikan kejadian tersebut tidak akan berulang di masa-masa akan datang; dan
- (c) berapakah jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan bagi kerja-kerja membaikpulih dan bilakah LTAB ini dapat digunakan sepenuhnya.

14-5-92

15. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab dan hasil siasatan kebakaran di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, baru-baru ini. Adakah kebakaran ini berpunca daripada perbuatan sabotaj.
- (b) nilai kerosakan yang dianggarkan di dalam kebakaran tersebut.
- (c) adakah pihak bomba bercadang untuk mengetatkan peraturan bomba bagi tempat-tempat penting dan strategik negara seperti di Lapangan Terbang.
- (d) adakah kebakaran ini memberi kesan jangka panjang kepada ekonomi negara.

68. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah yang mengakibatkan kebakaran

di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau di atas lapangan terbang lain supaya kebakaran tidak berlaku lagi. Sila berikan butir-butirnya.

19-5-92

69. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab sebenar berlakunya kematian di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan perkara-perkara yang sama berulang lagi;
- (b) adakah beliau puashati dengan sistem pengawalan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang;
- (c) bilakah kerja-kerja pemulihan ruang yang telah terbakar akan siap dan boleh digunakan; dan
- (d) berapakah anggaran perbelanjaan pemulihan, dari mana sumber perbelanjaan dan siapakah telah dipertanggungjawabkan serta syarikat-syarikat manakah yang telah diberi kontrak untuk memperbaiki lapangan terbang tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Saya mohon izin menjawab soalan Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan dari Tuan Saidin bin Adam pada hari ini dan soalan-soalan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang menyentuh mengenai kebakaran di Terminal 1, yang dikemukakan pada tarikh-tarikh berikut:

- (a) Tuan Saidin bin Adam pada 11-5-92.
- (b) Dato' Haji Mohamad bin Abdullah pada 12-5-92

- (c) Tuan Lau Dak Kee pada 12-5-92.
- (d) Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim pada 13-5-92.
- (e) Tuan Wee Choo Keong pada 14-5-92.
- (f) Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis pada 14-5-92.
- (g) Tuan Mohamed Kamal bin Hussain pada 19-5-92.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menubuhkan satu Lembaga iaitu Lembaga Siasatan Kebakaran Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi,

- (i) menyiasat punca kebakaran Terminal 1, dan
- (ii) mencari jalan pencegahan bagi mengelakkan kejadian semumpama ini dari berlaku.

Lembaga Siasatan ini dianggotai oleh wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Jabatan Bekalan Elektrik, Jabatan Kimia dan Polis DiRaja Malaysia. Setakat ini Lembaga Siasatan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan telah bermesyuarat selama tujuh kali, iaitu pada 14hb April, 15hb April, 18hb April, 22hb April, 25hb April, 28hb April dan 5hb Mei, 1992. Di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan itu, Lembaga Siasatan telah diberi penerangan oleh wakil dari Jabatan-Jabatan yang menjadi anggota Lembaga mengenai siasatan terperinci yang dilakukan oleh jabatan masing-masing. Setiap maklumat yang diperolehi akan dianalisa dengan mendalam termasuk menemubual (questioning) individu-individu tertentu yang dirasai boleh membantu Lembaga dalam tugasnya. Laporan lengkap Lembaga dijangka dapat disediakan pada akhir bulan Mei 1992.

Oleh kerana siasatan masih lagi berjalan, saya tidaklah dapat memberikan maklumat-maklumat yang lebih terperinci.

Berhubung dengan perkara mengenai keselamatan, kos membaikpulih terminal dan kerugian yang dialami, sukacita dimaklumkan, iaitu berhubung peraturan keselamatan, sememangnya soal keselamatan sentiasa dititikberatkan oleh pihak pengurusan Lapangan Terbang. Mengenai kos sebenar belum dapat dipastikan sekarang. Begitu juga dengan kerugian yang dialami, ianya masih lagi dinilai oleh pihak-pihak yang terlibat.

BUKU BAHASA ASING—TERJEMAHAN KE BAHASA MELAYU

13. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah buku-buku daripada bahasa asing yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu sehingga sekarang; dan
- (b) apakah halangan-halangan yang menyebabkan kurangnya bilangan buku-buku bahasa asing diterjemahkan ke bahasa Melayu. Sekiranya disebabkan oleh pakar-pakar penterjemah adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan penterjemah tersebut dengan diberikan ganjaran yang sesuai.

Dr Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah buku daripada bahasa asing yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu sehingga sekarang ialah sebanyak 382 judul.

(b) Antara halangan yang menyebabkan kurangnya bilangan buku bahasa asing diterjemah ke bahasa Melayu adalah seperti berikut:

- (i) Kerja penterjemahan kebanyakannya dilakukan oleh pensyarah universiti, maktab dan pegawai Kerajaan. Memandangkan mereka mempunyai kerja hakiki masing-masing, kerja terjemahan itu bersifat sambilan sahaja dan mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan.
 - (ii) Hasil terjemahan oleh para penterjemah tidak dapat tidak terpaksa melalui beberapa proses tertentu iaitu perlu disunting, diperbaiki dan sebagainya. Ini akan memakan masa yang lebih.
- (c) Kadar bayaran untuk kerja-kerja penterjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka sudahpun di antara yang tertinggi berbanding dengan badan dan agensi lain. Justeru itu kadar bayaran bukan menjadi masalah.

HAWA—KAJIAN DAN PENYELIDIKAN MENGENAI WANITA

14. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang:

- (a) peranan dan tanggungjawab HAWA di dalam memusatkan semua permohonan kajian mengenai wanita. Dengan langkah ini HAWA dapat memainkan peranan dari segi memberi keutamaan jenis kajian

yang harus dijalankan oleh pakar-pakar penyelidikan tertentu;

- (b) apakah jenis-jenis kajian yang selalu dijalankan, adakah kajian ini untuk memenuhi kehendak akademik atau untuk membantu penggubal dasar membuat keputusan atau perancangan; dan
- (c) berapa banyakkah institusi pengajian tinggi yang terlibat di dalam pengajian tentang wanita di Malaysia.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian mengenai wanita pada masa ini dijalankan oleh pelbagai pihak, sama ada institusi pengajian tinggi tempatan, institusi penyelidikan ataupun individu-individu tertentu. Tidak ada penyelarasan yang dibuat oleh mana-mana pihak. Bahagian Hal Ehwal Wanita atau HAWA, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang berusaha untuk menyelaraskan semua penyelidikan mengenai wanita. Untuk tujuan ini, HAWA sedang mengemaskinikan senarai kajian yang telah dan sedang dijalankan dan menyediakan satu rancangan penyelidikan untuk tempoh lima tahun di mana bidang-bidang keutamaan akan ditentukan. Ini akan dapat memastikan bahawa bidang-bidang kajian dan penyelidikan adalah menepati keperluan, kaedahnya sesuai dan mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan, tenaga dan masa.

- (b) Kajian-kajian yang telah dijalankan memberi fokus kepada kedudukan wanita di dalam pelbagai sektor, kedudukan

wanita mengikut sektor-sektor tertentu seperti kesihatan, undang-undang dan lain-lain, implikasi dasar atau program ke atas wanita, "social trends" dan lain-lain. Kajian-kajian ini ada yang berbentuk ilmiah yang memenuhi kehendak akademik dan ada juga yang bertujuan untuk membantu penggubalan dasar dan perancangan tindakan atau program pembangunan negara.

- (c) Semua institusi pengajian tinggi tempatan terlibat dalam kajian dan penyelidikan mengenai wanita.

KULIT KAPSUL—PENGAWALAN PENJUALAN

15. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa penggunaan kulit-kulit capsule masih lagi berleluasa untuk mengisi apa yang dikatakan 'ubat' oleh pengeluar ubat yang tidak berwibawa. Apakah Kementerian bercadang mengawal penjualan kulit-kulit capsule ini untuk memastikan keselamatan umum.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mengawal penjualan kulit-kulit capsule oleh kerana kulit-kulit capsule yang kosong tidak membahayakan keselamatan umum.

Kementerian Kesihatan mengawal penjualan kulit-kulit capsule yang diisi dengan bahan-bahan yang dituntut sebagai ubat melalui Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Semua ubat-ubat, termasuk ubat-ubat tradisional, perlu didaftarkan dengan pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Pendaftaran ubat-ubat tradisional telah bermula pada 1 Januari 1992.

DASAR DALAM DAN LUAR NEGARA—PENGARUH NEGARA LUAR

16. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) dengan tamatnya perang dingin di antara pihak Barat dengan blok Komunis Timur, Amerika Syarikat telah menonjolkan diri sebagai jaguh dan pemimpin dunia bebas dan dalam masa yang sama Amerika Syarikat juga mempunyai seorang Presiden yang berpandangan imperialistik dan neocolonistik dalam keadaan yang sedemikian adakah itu menguntungkan bagi negara kita menentang atau mengikut sahaja arus pandangan Presiden Amerika Syarikat ini dalam beberapa segi dasar dalam dan luar negara kita;
- (b) dengan tekanan yang hebat dari pihak Amerika Syarikat hingga pihak Jepun mengalah untuk mengatasi 'trade deficit' perdagangan di antara dua negara tersebut, adakah keadaan ini boleh menjadi satu petanda kepada iklim dan hala perdagangan bukan sahaja di antara Amerika Syarikat dan Jepun tetapi perdagangan di antara negara-negara di dunia di masa akan datang; dan
- (c) dengan tiada sumbangan dari Amerika Syarikat atau kurang sambutan Jepun dan Korea Utara (atas desakan Amerika Syarikat) adakah penubuhan EAEC akan berjaya menghala matlamat dan dasarnya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Sebagai sebuah negara yang merdeka, Dasar Dalam dan Luar Negara kita adalah dibuat berdasarkan semata-mata demi

kepentingan Malaysia, oleh yang demikian ianya tidak terpengaruh dengan mana-mana tunjuk ajar dari luar;

- (b) Kerajaan sedar akan tekanan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap Jepun. Tindakan seumpama itu akan menjejaskan perdagangan bebas. Tekanan yang sama boleh juga dikenakan keatas negara-negara lain. Oleh itu amatlah perlu bagi semua negara bekerjasama menegakkan satu sistem perdagangan dunia yang adil di bawah GATT. Kerajaan menaruh harapan supaya sistem perdagangan pelbagai hala di bawah GATT akan kekal bagi memastikan kedudukan negara-negara kecil akan terjamin. Dengan itu juga, tindakan-tindakan unilateral tidak akan berbangkit lagi.
- (c) Kita yakin bahawa EAEC akan berjaya dilaksanakan di masa hadapan, oleh kerana objektif kumpulan ini akan menguntungkan semua negara-negara Asia Timur. EAEC bukanlah sebuah blok perdagangan, malahan ianya adalah satu forum perundingan yang bebas yang membolehkan semua negara di rantau Asia Timur termasuk Jepun dan Korea menyertainya. Kita juga percaya bahawa EAEC apabila ditubuhkan kelak akan berjaya mencapai matlamatnya untuk memperingkatkan kerjasama ekonomi di rantau ini.

EKSPORT MALAYSIA KE SINGAPURA—JUMLAH

17. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah eksport Malaysia ke Singapura serta kategori barangan yang dieksport.

Daripada jumlah tersebut berapa peratuskah yang dieksport semula oleh Singapura ke negara-negara lain sama ada dalam bentuk asal atau yang diproses.

Tuan Chua Jui Meng: Jumlah eksport Malaysia ke Singapura pada tahun 1991 adalah sebanyak \$22,057 juta. Pecahan mengikut kategori barangan ialah makanan \$1,323.6 juta, minuman dan tembakau \$57.8 juta, bahan-bahan mentah yang tidak boleh dimakan \$564.4 juta, minyak galian, pelicin dan lain-lain \$3,147.6 juta, minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran \$904 juta, bahan-bahan kimia \$416.1 juta, barangan keluaran kilang \$1,859.7 juta, alat-alat jentera dan kelengkapan pengangkutan \$11,376.3 juta, pelbagai barangan keluaran kilang \$2,351.1 juta, dan pelbagai perniagaan dan barangan sebanyak \$57 juta.

Mengenai peratus dari jumlah import dari Malaysia yang dieksport semula oleh Singapura ke negara-negara lain, adalah susah untuk ditentukan oleh kerana Singapura tidak ada mengeluarkan statistik mengenainya. Namun demikian, sebagai panduan kasar, 26% daripada semua import utama Singapura adalah dieksport semula. Dengan ini bolehlah dianggarkan bahawa sebanyak lebih kurang 26% daripada jumlah import dari Malaysia juga dieksport semula oleh Singapura.

ADUAN PEMBELI TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN—SIASATAN

18. Dr V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah penyiasatan telah dibuat atas aduan-aduan pembeli unit-unit di Jalan Indah 2/9, Taman Universiti Indah, Seri Kembangan, terhadap pemaju, Sin Heap Lee Sdn. Bhd.;

- (b) jika penyiasatan telah dijalankan, sila nyatakan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil; dan
- (c) jika penyiasatan belum lagi dijalankan, nyatakan bilakah penyiasatan akan bermula.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh): Aduan Yang Berhormat dari Puchong yang mewakili pembeli-pembeli rumah di Taman Universiti Indah, Seri Kembangan telah diterima oleh Kementerian dan terus dipanjangkan kepada pemaju berkenaan.

Pihak pemaju telah mengarahkan konsultannya untuk menyiasat aduan tersebut dan telah mengenalpasti kecacatan dan kerosakan kecil yang berlaku kepada beberapa rumah di situ sebagai berpunca daripada kerja-kerja ubahsuai rumah yang dibuat oleh penghuni rumah-rumah berkenaan. Kementerian ini tidak mempunyai kuasa untuk campurtangan di dalam kontrak jualbeli di antara pembeli dan pemaju.

Walau bagaimanapun, sekiranya pembeli-pembeli berkenaan tidak berpuashati dengan penjelasan yang diberikan oleh pemaju, pembeli-pembeli tersebut bolehlah menuntut bayaran gantirugi daripada pemaju itu melalui proses mahkamah.

PERKHIDMATAN KRITIKAL DALAM SSB

19. Dr T. Marimuthu minta Perdana Menteri menyatakan kenapa perkhidmatan pendidikan tidak dianggap sebagai suatu perkhidmatan kritikal dalam SSB. Tindakan ini akan mengurangkan calon-calon yang berkualiti untuk bertugas di bidang pendidikan khususnya di universiti-universiti tempatan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Penentuan sama ada sesuatu perkhidmatan itu boleh disenaraikan sebagai perkhidmatan kritikal atau sebaliknya adalah tertakluk kepada beberapa kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Di antara kriteria yang digunapakai sekarang ialah:

- (i) Peranan dan sumbangan perkhidmatan berkenaan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara;
- (ii) kedudukan saingan dalam pasaran buruh bagi tenaga anggota terlatih yang bakal dilantik ke dalam perkhidmatan berkenaan;
- (iii) kelayakan, pengalaman, kepakaran serta kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan berkenaan; dan
- (iv) keadaan persekitaran tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berdasarkan kriteria-kriteria yang digariskan itu, mendapati Perkhidmatan Pendidikan tidak memperolehi 'weightage' yang cukup untuk membolehkannya disenaraikan di bawah Perkhidmatan Kritikal. Walaupun begitu, beberapa sekim lain di bawah klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan seperti Pegawai Pendidikan di Politeknik dan Vokasional dalam bidang kejuruteraan dan ketukangan, Pengajar Ketukangan Gred I & II, Pensyarah ITM bagi bidang kejuruteraan, senibina, ukur bahan dan perundangan, serta pensyarah-pensyarah universiti dalam bidang perubatan, perundangan, kejuruteraan, senibina dan ukur bahan adalah disenaraikan dalam kategori perkhidmatan kritikal. Secara keseluruhan, oleh kerana SSB merupakan satu sistem saraan yang baik, maka masalah mendapat serta mengekalkan calon-

calon yang berkualiti untuk bertugas dalam perkhidmatan pendidikan khususnya di universiti-universiti tidak berbangkit.

**PROJEK HIDRO
DI HULU SUNGAI RAJANG,
SARAWAK—KAJIAN
KEMUNGKINAN**

20. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos untuk menyatakan kedudukan semasa projek hidroelektrik yang dicadangkan di Hulu Sungai Rajang, Sarawak seperti:

- (a) bilakah kerja kajian (feasibility study) akan dimulakan;
- (b) berapakah anggaran kosnya;
- (c) berapa banyakkah elektrik yang akan dijanakusakan;
- (d) kawasan yang dicadangkan untuk empangan-empangan hidro dan kawasan serta jumlah penduduk yang terlibat;
- (e) adakah elektrik yang dijanakusakan dieksport ke negeri-negeri lain di Malaysia dan negara-negara jiran; dan
- (f) adakah bayaran elektrik akan lebih murah apabila hidroelektrik bermula beroperasi.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):

- (a) Saya beranggapan projek hidro yang dimaksudkan di Hulu Sungai Rajang adalah Projek Murum. Sebuah kajian kemungkinan bagi Projek Hidro Murum akan bermula pada tahun ini. Tender telah dipanggil oleh Kerajaan untuk menjalankan kajian kemungkinan ini dan perlantikan firma

juruperunding akan dibuat tidak lama lagi.

- (b) Kos projek hanya akan diketahui selepas kajian kemungkinan telah dijalankan.
- (c) Menurut suatu kajian pendahuluan, projek ini berupaya menjana sebanyak 900 mw kuasa elektrik.
- (d) Berdasarkan satu kajian yang pernah dijalankan pada tahun 1981 suatu kawasan yang terletak kira-kira km ke Hulu Sungai Murum boleh menjadi lokasi sesuai untuk empangan Projek Hidro Murum. Walau bagaimanapun, kesesuaian tapak ini akan dikaji balik oleh Firma Juruperunding yang dilantik untuk membuat kajian kemungkinan. Bilangan penduduk yang terlibat di kawasan kolam air dan empangan berdasarkan kajian pendahuluan pada tahun 1981 itu adalah lebih kurang sebanyak 500 orang.
- (e) Sama ada elektrik yang dijanakusakan akan dieksport ke negeri-negeri lain di Malaysia dan negara jiran akan bergantung kepada kos dan faedah yang diterima. Firma juruperunding yang menjalankan kajian kemungkinan akan diminta juga untuk mengkaji dayamaju ekonomi bagi mengeksport tenaga elektrik.
- (f) Lazimnya kos penjanaan kuasa elektrik dari sumber hidro adalah lebih murah berbanding dengan penjanaan kuasa haba dalam jangka panjang. Walau bagaimanapun, sama ada penggunaan dapat menikmati faedah ini akan bergantung kepada faktor-faktor lain seperti kos pembahagian dan sebagainya.

**KUALITI DAN KUANTITI
BARANGAN—MENINGKATKAN
MUTU**

21. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memberitahu walaupun Kementerian baru ditubuhkan, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menentukan bahawa 'quality' dan 'quantity' barang-barang kegunaan dapat ditingkatkan yang bermaksud tiap-tiap barang-barang yang dijual itu berpadan dengan harga; 'fit for purpose' dan huraikan tindakan-tindakan penyelewengan-penyelewengan yang diambil selama ini.

33. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setakat manakah Kementerian dapat membanteras penipuan quality, penyelewengan dan tiruan barang-barang dalam dan luar negeri setakat ini dan berapa banyakkah kesalahan-kesalahan yang didapati serta denda-denda yang dikenakan dan apakah hukuman yang paling berat dikenakan setakat ini.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:

1. (i) Tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menentukan 'kualiti' dan 'kuantiti' barang-barang pengguna dapat ditingkatkan ialah melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, 1946 dan Akta Perihal Dagangan, 1972 serta meningkatkan program pendidikan ke-penggunaan.

(ii) Di bawah Akta Kawalan Harga, 1946, pengeluar, pengimport dan penjual-borong barang-barang sedia bungkus diwajibkan melabelkan maklumat-maklumat seperti nama borang, kuantiti, nama dan alamat pengeluar, pengimport atau penjual borongnya. Peruncit pula diwajibkan meletakkan tanda harga barangan yang dijual.

(iii) Di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 pula, adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang yang memberi atau melabelkan maklumat-maklumat palsu atau mengelirukan berhubung dengan barangan. Tindakan undang-undang boleh diambil keatas pihak-pihak yang tidak mematuhi peruntukan undang-undang ini. Bagi memastikan peruntukan undang-undang ini dipatuhi, pemeriksaan sentiasa dijalankan di setiap peringkat.

(iv) Melalui program pendidikan ke-penggunaan pula, pengguna-pengguna dapat disedarkan akan hak-hak mereka dan ini boleh memastikan barangan berkualiti dan berpatutan harga diperdagangkan dalam pasaran.

(v) Sejak ditubuhkan pada 27.10.90 hingga 21.4.92, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menjalankan sebanyak 283,248 pemeriksaan keatas premis-premis perniagaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas 8,578 peniaga.

2. Sejak Akta Kawalan Harga, 1946 dan Akta Perihal Dagangan, 1972 dikuatkuasakan mulai tahun 1972 hingga 31.3.92, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 10,118 orang peniaga dengan barang-barang rampasan bernilai \$37.7 juta dan denda berjumlah \$6.4 juta. Hukuman yang paling berat pernah dikenakan setakat ini ialah denda sebanyak \$30,000 atau 6 bulan penjara.

**PENDAFTARAN PEMILIH
DI SARAWAK DAN
SABAH—PERLANJUTAN
TEMPOH**

22. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan melanjutkan tempoh pendaftaran pengundi di Negeri Sarawak dan Sabah dari sebulan kepada tiga bulan untuk membolehkan penduduk luar bandar sempat mendaftar memandangkan masalah komunikasi di negeri-negeri tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Di bawah undang-undang yang ada sekarang, Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada kuasa untuk melanjutkan tempoh pendaftaran pemilih di Sarawak dan Sabah. Tempoh yang dipakai selama 42 hari adalah yang maksima.

**TENTERA LAUT AMERIKA
SYARIKAT—PERKHIDMATAN
BAIK PULIH
KAPAL DI LUMUT**

23. Tuan Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah dasar dan tujuan Kerajaan membenarkan kapal-terbang Amerika Syarikat

mendapat perkhidmatan dan kemudahan baikpulih di Lumut; dan

- (b) apakah persetujuan untuk kebenaran itu mengandungi syarat untuk menyekat kehadiran kapalperang yang membawa senjata nuklear daripada menggunakan kemudahan di Lumut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Perkhidmatan dan kemudahan baikpulih yang ditawarkan kepada kapal-kapal Tentera Laut Amerika Syarikat di Limbungan Lumut adalah berasaskan kepada prinsip ekonomi dan perniagaan. Kerajaan berpendapat dasar ini akan dapat memajukan dan memperkembangkan sektor industri pertahanan di negara ini khususnya Limbungan Lumut.
- (b) Persetujuan tersebut tidak termasuk kebenaran bagi kapal-kapal perang Amerika Syarikat yang bersenjata nuklear untuk menikmati perkhidmatan dan kemudahan baikpulih di Limbungan Lumut.

**JENAYAH ALAM
SEKITAR—PENYELARASAN
UNDANG-UNDANG**

24. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bersetuju dengan cadangan menubuhkan Cawangan Siasatan Jenayah Alam Sekitar seperti yang diumumkan oleh Ketua Polis Negara;
- (b) memandangkan jenayah alam sekitar ini semakin runcing dan mencemaskan, apakah Kerajaan

akan bertindak segera untuk menubuhkan cawangan tersebut dan memberikan latihan yang secukupnya kepada pegawai-pegawai polis dalam mencegah dan membanteras kegiatan memusnahkan alam sekitar;

- (c) jika kekurangan kakitangan menjadi halangan kepada penubuhan cawangan tersebut, apakah Kerajaan bersetuju meluaskan tugas dan tanggungjawab anggota Cawangan Khas (Special Branch) untuk meliputi aktiviti mengawasi kegiatan musnah alam sekitar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Ketua Polis Negara tidak pernah menyarankan supaya satu cawangan siasatan jenayah alam sekitar ditubuhkan. Beliau telah disalahterima oleh pemberita semasa menjawab soalan-soalan yang dikemukakan berhubung dengan alam sekitar. Apa yang dimaksudkan oleh Ketua Polis Negara ialah penyelarasan undang-undang akan dibuat bagi menghadapi hal-hal yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar. Oleh yang demikian, soalan (b) dan (c) tidaklah berbangkit.

**HUBUNGAN DIPLOMATIK
DENGAN ANGGOTA
KOMANWEL
NEGARA-NEGARA MERDEKA**

25. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara CIS yang majoriti umat Islam? Jika ada, nyatakan negara-negara mana dan bilakah

Kedutaan Malaysia hendak dibuka di negara-negara tersebut;

- (b) Turki, Pakistan dan Iran telah mengadakan perundingan ekonomi dengan beberapa negara dari kumpulan CIS. Adakah Malaysia diberi maklumat mengenai persetujuan yang dicapai dan adakah Malaysia menyatakan hasrat untuk menyertai sama rundingan seperti itu kemudian.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Pada masa ini Malaysia belum ada rancangan untuk menubuhkan Kedutaan Besar di republik-republik di Asia Tengah. Hubungan dengan republik-republik berkenaan dilakukan melalui wakil-wakil republik-republik tersebut yang berpusat di Moscow. Di bawah perjanjian Alma-Ata yang ditandatangani pada 21 Disember 1991, Persekutuan Russia mengambil alih semua entiti perundangan bekas Kesatuan Soviet, republik-republik lain bebas untuk mengadakan hubungan dan perjanjian dengan masyarakat antarabangsa. Sehubungan dengan ini Malaysia telah mengiktiraf kemerdekaan anggota Komanwel Negara-negara Merdeka pada 31 Disember 1991.
- (b) Semua tindakan oleh negara-negara ketiga dengan Komanwel Negara-negara Merdeka sentiasa diperhatikan dan diambil perkiraan. Pengumpulan maklumat dibuat melalui semua perwakilan Malaysia di luar negeri dan perbincangan diadakan di dalam usaha untuk mengambil manfaat sepenuhnya dari negara-negara sahabat.

Di samping itu perwakilan Malaysia di Moscow juga giat di dalam perundingan bagi mengadakan kerjasama dan hubungan politik dan ekonomi di samping usaha-usaha di dalam negeri untuk menggalakkan sektor swasta menerokai peluang-peluang perdagangan dan usahasama di rantau tersebut.

PEJABAT POS BARU DI LABUAN—PEMBINAAN

26. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mendirikan sebuah bangunan Pejabat Pos yang baru di Wilayah Persekutuan Labuan memandangkan bangunan yang ada sekarang terlalu kecil dan tidak lagi boleh menampung keperluan yang bertambah, sekiranya ada bila, sekiranya tidak mengapa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Di dalam Rancangan Malaysia Keenam, pihak Kerajaan ada cadangan untuk membina bangunan baru di Labuan. Permohonan rasmi tanah telah dibuat kepada Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan Labuan pada 18hb Oktober, 1991. Apabila permohonan ini telah diluluskan pembinaan projek ini akan dimulakan dengan secepat mungkin.

INTEGRASI NASIONAL—LANGKAH MEMPERTINGKATKAN

27. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi perpaduan nasional dan integrasi nasional di negara ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggunakan dua pendekatan utama ke arah meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional di negara ini. Pendekatan pertama ialah secara mengenalpasti isu-isu yang boleh menyebabkan konflik sosial sehingga menghalang kepada proses pembangunan Bangsa Malaysia (nation building). Pendekatan kedua ialah melalui integrasi nasional iaitu suatu proses merapat dan menyatukan masyarakat berbagai kaum, antara negeri-negeri khususnya di antara negeri-negeri di Semenanjung dengan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Pendekatan perpaduan nasional dilaksanakan melalui pelbagai forum, penubuhan panel dan majlis-majlis yang berfungsi masakini Kerajaan dalam segala aspek perpaduan. Di antaranya ialah:

- (i) Panel Penasihat Perpaduan Negara;
- (ii) Panel Perpaduan Belia;
- (iii) Jawatankuasa Integrasi Nasional; dan
- (iv) Majlis Dialog Tertutup.

Melalui program-program ini ahli-ahlinya yang terdiri daripada pakar dan wakil-wakil pertubuhan dan jabatan dapat membincangkan berbagai-bagai isu terutamanya mengenalpasti masalah-masalah sosial yang kemudiannya di analisis dan disyorkan cara-cara penyelesaian. Keputusan-keputusan penting akan dibawa bagi keputusan Kerajaan untuk dijadikan elemen dasar-dasar negara.

Di samping itu, Kementerian ini juga sedang menyediakan instrumen bagi mengesan iklim perpaduan negara. Instrumen tersebut sedang disediakan oleh kumpulan pakar dan penyelidik dari sebuah universiti tempatan.

Dari segi proses integrasi pula, berbagai-bagai aktiviti pencegahan konflik dan penggalakan perpaduan dijalankan. Tujuannya ialah supaya masyarakat berpeluang berinteraksi agar mereka dapat meningkatkan semangat kekitaan dan kerjasama serta perasaan percaya mempercayai di antara mereka. Selain daripada langkah-langkah yang bersifat perundingan tadi, Kementerian telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti perpaduan dan integrasi nasional melalui kegiatan kesukanan, lawatan, kegiatan sosial dan rekreasi, bina semangat, kegiatan kebudayaan, seminar, kegiatan kebajikan, tabika dan sebagainya. Demikian juga peranan serta fungsi Skim Rukun Tetangga yang ternyata melibatkan masyarakat dalam kegiatan-kegiatan yang memupuk perpaduan melalui aktiviti remaja, wanita dan program pendidikan tidak formal.

KERTAS JAWAPAN BAHASA MALAYSIA—PENYEMAKAN SEMULA

28. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada sedar rungutan lebih seribu bekas pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan SPM 1991 menuntut supaya kertas Bahasa Malaysia dalam peperiksaan berkenaan di'remark' semula, memastikan tidak berlakunya penyelewengan dalam pembahagian markah. Jika sedar, apakah langkah positif akan diambil, jika tidak, kenapa.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memberi peluang kepada mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan Bahasa Malaysia SPM 1991 yang diperolehi untuk memohon supaya disemak semula kertas jawapan Bahasa Malaysia mereka. Tindakan sewajarnya diambil ke atas setiap permohonan yang diterima.

Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat dengan kerja-kerja pemeriksaan kertas-kertas jawapan supaya dapat diperiksa dengan teliti dan adil. Pemeriksa yang berpengalaman telah diambil untuk memeriksa kertas-kertas jawapan berkenaan. Di samping itu, mesyuarat penyelarasan pemeriksaan juga diadakan untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubungan dengan pemarkahan.

MAJLIS DAERAH KULIM—PERUNTUKAN KHAS

29. Tuan Lim Lay Hoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Menteriannya mencadangkan memperuntukkan peruntukan yang khas kepada Majlis Daerah Kulim untuk 'upgrade' kemudahan yang sedia ada di kilang lama, Kulim, Kedah Darulaman sejajar dengan pembangunan yang akan wujud kerana dipilih sebagai tapak hitech industri.

Dr Ting Chew Peh: Kerajaan dari masa ke semasa akan mengenalpasti keperluan yang diperlukan oleh manamana pihak berkuasa tempatan, terutama yang telah dikenalpasti akan sesuatu pembangunan khusus, seperti daerah Kulim. Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai kemudahan infrastruktur untuk pelaburan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pembangunan kawasan perindustrian hitech di Kulim ini memang ada di dalam pertimbangan Jawatankuasa Kabinet tersebut.

Dari segi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan peruntukan untuk Majlis Daerah Kulim, seperti juga pihak berkuasa tempatan yang lain, akan dipertimbangkan berdasarkan kepada permohonan yang telah dikenalpasti dalam RM6. Walau

bagaimanapun, jumlah pemberian geran sebenar untuk projek-projek akan bergantung kepada kedudukan peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen dari masa ke semasa.

**VISA/PAS MELAWAT
SEMENTARA—PEMBERIAN
OLEH NEGARA ASING**

30. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan negara-negara lain yang memberi Visa atau Pas melawat sementara secara automatik kepada rakyat negara ini. Nyatakan negara-negara tersebut; dan
- (b) mengapakah baru-baru ini negara Jepun telah bertindak menukarkan pemberian Visa atau Pas Melawat Sementara secara automatik dari tempoh 3 bulan kepada 15 hari sahaja kepada rakyat negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Tidak ada negara asing yang memberi visa atau pas secara automatik kepada rakyat Malaysia untuk memasuki negara mereka. Setiap permohonan diproses mengikut merit. Walau bagaimanapun, negara-negara Commonwealth dan negara-negara lain yang ada perjanjian penghapusan visa dengan Malaysia, warganegara kita dibenar masuk tanpa mendapat visa terlebih dahulu.
- (b) Kerajaan Malaysia sedang berusaha mendapat penjelasan rasmi daripada pihak berkuasa Jepun mengenai tindakannya memendekkan tempoh tinggal rakyat Malaysia yang masuk ke negara itu tanpa visa daripada 3 bulan kepada 15 hari.

**KELAB GOLF—PEMBINAAN
DAN KEAHLIAN**

31. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kelab golf yang terdapat di setiap negeri di Malaysia dan berapakah jumlah dan kriteria keahlian setiap kelab;
- (b) berapakah jumlah kutipan hasil oleh Kerajaan dari kelab-kelab tersebut; dan
- (c) berapa dan di manakah kelab golf dibina untuk golongan rakyat bawahan.

12-5-92

63. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah "Golf Course" yang sedang dan juga yang akan dibina di seluruh negara dan pecahan mengikut negeri dan adakah kenyataan ini benar bahawa dengan adanya kemudahan "Golf Course" ini ianya menjadi satu tarikan untuk pelancong khususnya daripada negara Timur. Jika benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan usahawan-usahawan tempatan untuk melabur dalam sektor pembinaan padang "Golf Course" khususnya di Negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya bertarikh 12.5.1992, Ahli dari Bukit Mas sekaligus kerana ianya membawa makna yang hampir sama.

- (a) Pembangunan dan penyelarasan Kelab-kelab Golf di negara ini bukanlah di bawah bidangkuasa

Kementerian Belia dan Sukan tetapi ianya dikelolakan oleh Kelab-kelab swasta setelah mendapat kelulusan dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, data-data yang dipohon oleh Yang Berhormat tidak ada dalam simpanan Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini. Sungguhpun begitu saya memaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan telah mula menjalankan kajian mengenai kemudahan golf di negara ini untuk mengumpul data-data termasuk maklumat yang dipohon oleh Yang Berhormat.

- (b) Oleh kerana pada dasarnya kelulusan pembinaan kelab-kelab golf terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai maklumat tentang jumlah kutipan hasil oleh Kerajaan Negeri dari Kelab-kelab golf berkenaan.
- (c) Kerajaan memang menggalakkan permainan golf sebagai salah satu kegiatan sukan sebagaimana juga sukan-sukan lain. Keahlian dalam kelab golf adalah dibuka kepada orang ramai mengikut kemampuan masing-masing. Pada masa ini belum ada kelab golf yang dibina khusus untuk golongan bawahan.

Kerajaan Negeri adalah digalakkan menarik usahawan-usahawan tempatan melabur dalam sektor pembinaan padang golf selaras dengan sambutan rakyat tempatan dan pelancong-pelancong yang menunjukkan minat dalam permainan golf.

EAEC—PERKEMBANGAN MUTAKHIR

32. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kemajuan terhadap formasi East Asia Economic Grouping (EAEG) yang dicadangkan; dan
- (b) adakah EAEG yang dicadangkan akan menguatkan peluang-peluang rakyat Malaysia untuk melabur dalam Vietnam, Kambodia, Laos dan Negara China (yang berekonomikal) yang baru dibuka.

12-5-92

37. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah Jepun dan Korea Selatan telah memberi persetujuan untuk membentuk EAEC sesudah Amerika tidak menggalakkan penyertaan Jepun;
- (b) adakah gagasan EAEC itu tidak akan diteruskan memandangkan perkara itu sudah jarang disebut-sebut sekarang; dan
- (c) apakah alternatif baru jika EAEC ditangguhkan.

14-5-92

13. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur. Adakah tentangan-tentangan daripada negara barat akan menumpaskan hasrat negara timur untuk memajukan hak mereka.

Tuan Chua Jui Meng: Saya memohon izin untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sibü bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat pada 12-5-1992 dan Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada 14-5-1992, memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan East Asia Economic Caucus (EAEC).

Saya ingin memaklumkan bahawa semasa Sidang Kemuncak ASEAN Keempat di Singapura baru-baru ini, Ketua-ketua Negara ASEAN telah bersetuju pada dasarnya dan mengakui pentingnya cadangan bagi ASEAN dan negara-negara di rantau Asia Timur untuk berunding secara tidak formal dalam forum EAEC untuk membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama berkaitan dengan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Adalah diakui bahawa kerjasama seperti ini akan menyumbangkan kepada peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi rantau ini di samping memberikan suara dan pengaruh yang lebih kuat dalam usaha untuk mengukuhkan sistem perdagangan bebas.

Berikutan dengan keputusan Sidang Kemuncak ASEAN Keempat itu, konsep EAEC akan dihuraikan dengan lebih terperinci oleh Pegawai-pegawai Kanan ASEAN yang juga akan menyediakan pelan tindakan bagi pelaksanaannya.

Adalah diperhatikan bahawa penolakan Amerika Syarikat terhadap EAEC adalah kerana khatir cadangan tersebut akan menyebabkan pengaruhnya di rantau ini akan berkurangan dan pada masa yang sama memberi peluang kepada Jepun untuk menguasai sumber dan pasaran di rantau Asia Timur yang pesat membangun ini. Bagi Jepun dan Korea pula, pendirian mereka terhadap

cadangan ini adalah didorong oleh kepentingan masing-masing dan tekanan daripada Amerika Syarikat yang merupakan rakan perdagangan penting bagi negara-negara tersebut.

Dengan itu adalah dijangka bahawa penghuraian konsep EAEC dengan lebih terperinci oleh pegawai-pegawai Kanan ASEAN akan dapat menggariskan aspek-aspek untuk meningkatkan kerjasama serantau dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan, usaha bersama untuk membuka pasaran serta mengurangkan rintangan perdagangan yang akan memanfaatkan kesemua negara berikutan wujudnya pasaran serantau yang lebih terbuka. Penghuraian konsep EAEC juga akan menekankan dengan lebih jelas lagi bahawa ianya bukan bertujuan menubuhkan satu blok perdagangan dan sebaliknya adalah selaras dengan prinsip-prinsip GATT dan tidak akan mengurangkan keberkesanan APEC atau, dengan izin, Asia Pacific Economic Cooperation. Dalam pembentukan EAEC ini, peranan Jepun dan Korea adalah penting memandangkan mereka merupakan kuasa ekonomi yang penting di rantau ini. Pada masa ini, Jepun sedang menunggu pihak ASEAN untuk menyiapkan butir-butir terperinci mengenai konsep dan pelan pelaksanaan cadangan tersebut.

Sebenarnya proses integrasi ekonomi di kalangan negara-negara di rantau Asia Timur adalah satu proses yang sedang berlaku dan akan terus berlaku dimasa depan. Ini jelas ditunjukkan oleh jumlah perdagangan yang semakin meningkat di kalangan negara-negara tersebut dan aliran pelaburan yang besar. Proses tersebut pada masa ini didorong oleh kuasa pasaran dan inisiatif sektor swasta. Oleh itu cadangan penubuhan EAEC adalah selaras dengan aliran yang berlaku sekarang dan bertujuan untuk menyelaraskan perkembangan yang berlaku.

Bagi Malaysia, pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi bagi negara-negara di rantau ini hasil daripada peningkatan dalam kerjasama serantau di bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan akan mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan eksport yang lebih luas kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Peluang-peluang perniagaan dengan negara-negara Indo-China juga akan turut bertambah berikutan dengan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi pasaran dan regim perdagangan yang terbuka di negara-negara tersebut dan hasil peningkatan dalam kerjasama serantau.

(Soalan No. 33—Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 21)

**PROJEK HIDRO
ELEKTRIK TEMENGGOR,
PERAK DAN KENYIR
DI TERENGGANU—JUMLAH
PAMPASAN**

34. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) seluas mana kawasan yang terlibat dalam projek hidro di Temenggor dan Kenyir;
- (b) banyak mana kerugian yang dialami oleh Negeri Perak dan Terengganu akibat penyerahan kawasan-kawasan itu kepada pihak Pusat dan apakah risiko kepada alam sekitar dari projek tersebut; dan
- (c) banyak mana pampasan yang diberi kepada negeri-negeri itu dan adakah negeri-negeri dan rakyatnya berpuashati.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Luas kawasan yang terlibat bagi projek hidroelektrik Kenyir di Terengganu ialah 17,401 hektar (43,000 ekar), seperti bagi

projek-projek hidro lain kerugian telah diambil kira dalam perhitungan jumlah pampasan yang dipersetujui. Jumlah pampasan yang dipersetujui bagi projek ini ialah bayaran tahunan sebanyak \$3.07 juta dan bayaran sekaligus sebanyak \$16.4 juta.

Bagi Projek Hidroelektrik Temenggor, Perak, pula kawasan seluas 37,730 hektar (90,764 ekar) telah ditenggelami air dengan pembinaan Empangan Temenggor. Jumlah pampasan yang dipersetujui ialah bayaran sekaligus sebanyak \$23.8 juta dan bayaran tahunan sebanyak \$0.35 juta setahun.

Dari aspek alam sekitar kesan yang paling ketara bagi kedua projek tersebut; sama seperti bagi projek-projek hidro lain ialah satu kawasan hutan yang luas dibanjiri dengan air. Walau bagaimanapun, sekiranya sumbangan satu-satu projek hidro kepada pembangunan negeri yang terlibat khususnya dan negara pada amnya diambil kira, kesan ini tidak begitu ketara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap projek hidro di Malaysia dilaksanakan setelah menjalankan kajian Impak Alam Sekitar (environment impact assessment) kajian-kajian ini telah menunjukkan bahawa tiada impak yang serius bagi projek-projek ini. Pampasan diberi kepada negeri-negeri yang mengalami kerugian akibat dari pelaksanaan projek ini. Di mana pelaksanaan projek melibatkan pemindahan orang dari kawasan takungan; tindakan telah diambil untuk menentukan supaya orang-orang kampung yang terlibat mendapat satu kawasan penempatan baru dengan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, air dan api. Umpamanya di Temenggor pemindahan penduduk telah melibatkan pembangunan Kampung Air Ganda.

**SISTEM SARAAN
BARU—PENYERAHAN
BORANG OPSYEN**

35. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat ini, berapakah bilangan kakitangan Kerajaan yang sudah menandatangani borang Skim Saraan Baru (SSB);
- (b) berapa ramaikah yang tidak berbuat demikian. Apakah sebab-sebab utama keengganan mereka untuk menyertai SSB; dan
- (c) apakah reaksi Kerajaan terhadap kritikan kakitangan akademik terhadap skim tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: Sukacita saya memaklumkan bahawa tarikh akhir penyerahan borang pilihan sendiri (borang opsyen) Sistem Saraan Baru (SSB) untuk semua anggota sektor awam ialah pada 31-3-1992. Sehubungan dengan itu, semua jabatan/agensi sektor awam diberi tempoh sehingga akhir bulan April 1992 untuk menyampaikan satu salinan borang opsyen kepada Pusat Rekod Kakitangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), supaya dapat diproses selanjutnya tentang butiran maklumat pemilihan yang dibuat oleh anggota sektor awam terhadap SSB.

Sehingga kini, Pusat Rekod Kakitangan, JPA masih menerima borang-borang opsyen yang dihantar itu dan akan memulakan proses pengasingan serta penganalisaan ke atas semua borang yang diterima. Apabila selesai tindakan pemerosesan ini maka barulah dapat diketahui kedudukan sebenar bilangan anggota yang memilih atau tidak SSB.

Mengikut pengalaman, adalah menjadi perkara biasa berbangkitnya perasaan kurang puas hati dalam

mana-mana urusan semakan gaji. Adalah mustahil bagi Kerajaan memberi kepuasan kepada setiap anggota sektor awam. Dalam hal ini, bukan sahaja anggota akademik malahan ada juga pekerja-pekerja lain yang mengemukakan berbagai tuntutan kerana kurang puas hati. Bagi mereka ini, Kerajaan sudahpun menyediakan peraturan-peraturan tertentu. Yang tidak mahu menerima SSB sudahpun diberi kemudahan pilihan sendiri (opsyen). Yang menerima tetapi ingin membuat tuntutan, bolehlah merujuk kepada Tribunal Perkhidmatan Awam.

**AIR MANI—PENJUALAN DAN
CADANGAN PENUBUHAN BANK**

36. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan sedar mengenai laporan bahawa terdapat lelaki tempatan menjual air mani mereka untuk kelamin yang tiada beranak untuk tujuan penyuburan anak. Apakah tindakan Kerajaan terhadap amalan tersebut; dan
- (b) apakah dasar dan tujuan di sebalik cadangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara beberapa tahun dahulu untuk menubuh sebuah bank air mani. Apakah cadangan tersebut dilaksanakan; jika ya, setakat manakah pelaksanaannya; jika tidak, mengapa. Apakah cadangan tersebut dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar tentang laporan tersebut tetapi tidak ada maklumat dan bukti konkrit. Kerajaan tidak

mengambil apa-apa tindakan kerana tidak ada undang-undang yang mendefinisikan kes-kes tersebut sebagai salah.

- (b) Mengenai bank air mani, sebenarnya ia bukan merupakan satu projek yang diberi keutamaan. Ianya hanya satu cadangan dan masih di peringkat perbincangan dan mendapatkan pandangan para profesional. Ianya telah dirujuk kepada Majlis Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Islam untuk mendapatkan pandangan Majlis. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam telah mengadakan muzakarah pada 28—29hb Januari, 1981 dan memutuskan bahawa bank air mani bertentangan dengan hukum syarak dan haram hukumnya.

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN—PEMBENTANGAN DI PARLIMEN

37. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Akta Pendidikan yang sudah lama diluluskan, akan dibentang dan dibahaskan di Parlimen. Nyatakan juga sama ada ianya memerlukan pindaan sebelum dibentangkan jika ya, bilakah pindaan tersebut akan siap dan lengkap bagi dibentangkan segera ke Parlimen.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf terakhir Rang Undang-undang Pendidikan dan pindaan-pindaan yang perlu telah disiapkan dan telah dihantar ke Jabatan Peguam Negara untuk penelitian jabatan berkenaan sebelum dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Selepas itu barulah Rang Undang-undang itu dibentangkan di Parlimen.

KWSP—BILANGAN PENCARUM/SIMPANAN

38. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan penyimpan KWSP sehingga sekarang dan jumlah simpanannya;
- (b) bilangan penyimpan dan jumlah simpanan yang telah dikeluarkan oleh mereka;
- (c) adakah Kerajaan akan mewajibkan pekerja asing mencarum dalam KWSP dan jika tidak mengapa; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang akan memberi kemudahan kepada penyimpan bumiputera untuk mengeluarkan caruman mereka untuk dilaburkan dalam ASN/ASB.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Seperti pada 31hb Disember, 1991, bilangan pencarum yang berdaftar dengan KWSP ialah 6.3 juta dan jumlah simpanan mereka di KWSP adalah berjumlah \$52,514.2 juta.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 214,447 ahli telah mengeluarkan simpanan mereka pada tahun 1991 di bawah pelbagai skim pengeluaran yang ditadbirkan oleh KWSP. Jumlah caruman yang telah dikeluarkan ialah \$1,948.3 juta.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan seksyen 2 (jadual 1) Akta KWSP 1991, pekerja-pekerja asing adalah diberi peluang untuk memilih sama ada untuk mencarum atau tidak kepada KWSP.
- (d) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kemudahan kepada ahli-ahli

bumiputera untuk mengeluarkan caruman mereka untuk dilaburkan ke dalam ASN/ASB. Tujuan utama penubuhan KWSP ialah untuk memberikan jaminan kewangan di hari tua ahli-ahlinya. Oleh yang demikian skim-skim pengeluaranannya hendaklah selaras dengan tujuan utama ini.

**PENGAMBILAN KUASA
TENTERA
DI ALGERIA—PENDIRIAN
KERAJAAN**

39. Dr Sanusi Daeng Mariok minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Kerajaan tentang pengambilan kuasa tentera di Algeria yang menghalang proses demokrasi di negara tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan ini telahpun dijawab pada 28-4-1992. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak masuk campur di dalam hal ehwal dalaman (domestic affairs) sesebuah negara. Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengikuti setiap perkembangan yang berlaku di dalam negara tersebut.

(Soalan No. 40—Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 4)

**TABUNG BANTUAN TEKNIKAL
PERINDUSTRIAN KECIL
DAN SEDERHANA—MATLAMAT
PENUBUHAN**

41. Tuan James Jimbun Anak Punga minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah matlamat penubuhan Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana (ITAF). Berapa banyakkah peruntukan yang telah digunakan ataupun dibelanjakan dan bagaimanakah cara-cara untuk pemohon mendapatkan bantuan daripada Tabung ini.

Tuan Chua Jui Meng: Penubuhan Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana (ITAF) adalah bertujuan untuk mempertingkatkan dan memodenkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada satu sektor yang maju dan moden dan mampu berperanan sebagai industri sokongan kepada industri besar di negara ini. Ini dilaksanakan melalui pemberian "matching grant" dengan izin kepada IKS yang layak bagi memohon:

- (i) Skim Kajian Kemungkinan;
- (ii) Skim Pembangunan dan Rekabentuk Produk;
- (iii) Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti; dan
- (iv) Skim Pembangunan Pemasaran.

Daripada \$50 juta yang telah diperuntukkan kepada Tabung ini, sejumlah \$5,500,816.00 telah diluluskan oleh keempat-empat Jawatankuasa Penilaian ITAF kepada 130 buah syarikat-syarikat IKS sehingga pertengahan bulan April, 1992. Walau bagaimanapun, setakat ini syarikat-syarikat IKS hanya telah menuntut sebanyak \$756,378.00.

Pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan bantuan daripada Tabung ini perlu membuat permohonan seperti berikut:

- (i) Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) bagi Skim Kajian Kemungkinan;
- (ii) SIRIM bagi Skim Pembangunan dan Rekabentuk Produk dan Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti; dan
- (iii) Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) bagi Skim Pembangunan Pemasaran.

**FELDA/FELCRA/RISDA—
MATLAMAT PENGGABUNGAN**

42. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) matlamat dan cara Kerajaan bercadang untuk menggabungkan agensi-agensi pembangunan tanah FELDA, FELCRA dan RISDA.
- (b) kesan rancangan ini ke atas usaha-usaha pembangunan taraf sosio-ekonomi kumpulan sasar.
- (c) sama ada aspek tanggungjawab sosial agensi-agensi berkenaan akan terjejas dan kos pengu- rusan yang dijangka dapat dijalankan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Mengenai soalan (a), matlamat Kerajaan dalam membuat cadangan menggabungkan ketiga-tiga agensi itu adalah, antaranya, untuk mengatasi masalah pertindihan fungsi agensi-agensi terlibat, meningkatkan pengeluaran serta menentukan pasaran yang terjamin, dan untuk membolehkan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil seperti pembekalan benih-benih dan baja dijalankan dengan lebih berkesan. Adalah dijangkakan dengan penyelarasan dan kemungkinan penggabungan ini nanti banyak kekuatan-kekuatan, khususnya dari segi ekonomi, akan ternyata kerana wujudnya kepakaran-kepakaran khusus yang sudah ada di dalam agensi-agensi ini. Dengan itu, "synergy" akan wujud. Dengan penggabungan ini juga, banyak aktiviti-aktiviti boleh diselaraskan dan ini akan dapat membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih efisien kepada pekebun-pekebun kecil. Mengenai cara penggabungannya pula, ianya adalah masih dalam kajian kerana banyak aspek-aspek yang harus diteliti. Antara cara-cara yang sedang di-

fikirkan ialah penggabungan yang longgar dan penyusunan semula fungsi-fungsi yang sama sehinggalah satu penggabungan keseluruhan agensi-agensi ini kelak.

Mengenai soalan (b) pula, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggung-jawab, dalam membuat kajian mengenai penggabungan ketiga-tiga agensi ini, Kerajaan juga mengambil-kira kesan-kesan sosio-ekonomi bukan sahaja ke atas kumpulan sasar (iaitu peneroka, peserta dan pekebun kecil) bahkan juga kakitangan-kakitangan yang terlibat.

Mengenai soalan (c) pula, soal tanggungjawab sosial agensi-agensi tersebut tidaklah timbul kerana, seperti yang telah saya katakan tadi, Kerajaan sentiasa peka kepada perkara ini dan tidak akan alpa terhadap tanggung-jawabnya. Agensi mana yang akan menjalankan tanggungjawab sosial itu tidaklah penting. Mengenai kos pengurusan yang dapat dijimatkan pula, kajian yang lebih mendalam adalah diperlukan tetapi Kerajaan yakin dengan penyelarasan yang dibuat, penjimatan kos pengurusan akan dapat dibuat.

**CERAMAH AGAMA
DI DATARAN MERDEKA**

43. Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) pihak manakah yang telah mengarahkan supaya program ceramah agama yang telah disampaikan oleh pendakwah terkenal dari Afrika Selatan, Ahmad Hoosen Deedat di Dataran Merdeka pada 22 Februari 1992, diberhentikan lebih awal. Apakah alasan-alasan terhadap tindakan tersebut.

- (b) apakah pula alasan-alasan yang membolehkan pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dan hiburan di tempat-tempat yang sama boleh dilanjutkan waktunya; dan
- (c) apakah fungsi yang dimainkan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama di Jabatan Perdana Menteri dalam menentukan program-program yang boleh dilaksanakan di Dataran Merdeka tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):

- (a) Aturcara Majlis Ceramah Agama oleh Encik Ahmad Hoosen Deedat di Dataran Merdeka pada 22 Februari 1992 adalah disusun oleh pihak penganjur iaitu Kor Wanita Kota dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pengumuman tamatnya acara telah dibuat lebih awal kerana penceramah tidak mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu untuk tidak membandingkan antara agama Islam dengan agama-agama lain. Dalam majlis tersebut penceramah telah mengambil Islam sebagai perbandingan dan mengecam agama-agama lain. Perkara ini mungkin boleh menimbulkan kekeliruan, kemarahan dan masalah di kalangan mereka yang menganut agama lain. Di samping itu juga soalan-soalan yang dibangkitkan oleh orang ramai adalah terlalu sensitif untuk dijawab ditempat terbuka.
- (b) Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertanggungjawab untuk meluluskan penggunaan Dataran Merdeka mengikut aturcara yang di-

kemukakan oleh pihak penganjur. Pengeluaran lesen hiburan adalah tertakluk kepada sokongan daripada pihak Polis dan sebarang majlis hiburan disyaratkan supaya tidak melewati pukul 12.00 tengah malam.

- (c) Pusat Islam tidak menentukan program-program yang boleh dilaksanakan di Dataran Merdeka kerana Dataran Merdeka bukan di bawah pentadbiran Pusat Islam. Walau bagaimanapun, Pusat Islam ada di minta memberi pandangan tentang program-program mengenai hal ehwal Islam.

PELABURAN NEGARA LUAR—KEMASUKAN

44. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menerima kemasukan pelabur-pelabur Amerika Syarikat berikutan dengan pengumuman Amerika Syarikat tentang penekanan pelaburan di negara ASEAN di kalangan pelabur-pelabur Amerika.
- (b) adakah ini juga akan mengimbangkan pengurangan pelaburan daripada negara Jepun di negara ini sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini.
- (c) apakah implikasi ke atas perkembangan perindustrian negara jika keadaan demikian berlaku.

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Kerajaan Malaysia memang sentiasa bersedia menerima kemasukan pelaburan daripada

luar negara, sama ada daripada Amerika atau negara-negara lain asalkan ianya sejajar dengan strategi pembangunan industri di negara ini.

Kerajaan juga sentiasa mengkaji semula suasana perdagangan dan perindustrian negara ini supaya kekal menarik dan sesuai untuk pelaburan. Oleh yang demikian, dasar pelaburan dan insentif akan selalu dikemaskinikan. Dalam masa yang sama kemudahan-kemudahan infrastruktur akan dipertingkatkan dan diperbanyakkan lagi. Di samping itu, kemudahan-kemudahan latihan juga dirancang untuk mempertingkatkan taraf kemahiran sumber tenaga manusia.

Untuk menarik minat pelabur-pelabur Amerika untuk melabur di dalam negara ini, Kerajaan akan mengadakan misi galakan pelaburan ke negara tersebut dan Kanada daripada 18 Mei hingga 3 Jun 1992. Objektif misi tersebut adalah untuk memberi lebih penerangan dan kesedaran pelabur-pelabur mengenai peluang-peluang yang ada di Malaysia.

Dalam masa yang sama, pejabat-pejabat MIDA di New York, Chicago dan Los Angeles akan meningkatkan dan meluaskan lagi usaha publisiti berkaitan peluang yang sedia ada di negara ini kepada para usahawan Amerika.

- (b) Perkembangan prestasi yang lembab dalam pasaran stok dan hartanah baru-baru ini di Jepun telah mengakibatkan syarikat-syarikat Jepun menangguhkan rancangan mereka untuk melabur di luar negeri oleh kerana modal yang terhad.

Kerajaan akan terus berusaha untuk menarik pelabur-pelabur Jepun untuk melabur di negara ini dan satu misi pelaburan telah dibuat ke Jepun pada bulan April 1992. Sambutan yang telah diberi oleh pelabur Jepun amat menggalakkan. Misi susulan akan diadakan pada Jun 1992. Usaha ini dijalankan untuk mempergiatkan pelaburan Jepun bagi tahun ini dan tahun-tahun hadapan. Kerajaan yakin bahawa jika keadaan ekonomi di Jepun pulih semula, Malaysia akan terus menerima pelaburan dari Jepun kerana iklim pelaburan di Malaysia adalah baik. Pihak Kerajaan juga akan terus menarik pelaburan dari negara-negara yang lain supaya dapat mempelbagaikan sumber pelaburan asing.

- (c) Pelaburan asing adalah dijangka merosot pada tahun ini di mana ekonomi negara akan berkembang dengan kadar 8.5 peratus berbanding dengan 8.6 peratus pada tahun 1991. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidaklah membimbangkan kerana Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk meningkatkan kegiatan ekonomi. Ini termasuklah meningkatkan produktiviti serta menggalakkan eksport terutamanya bagi pekilang-pekilang tempatan.

GOLONGAN PELAMPAU AGAMA—KEGIATAN

45. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan senarai golongan pelampau agama yang dikenalpasti dan dihapuskan sejak tahun 1970. Apakah faktor-faktor yang mewujudkan golongan ekstrim ini di

kalangan Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh di negara ini dan apakah usaha yang berkesan untuk membanteras golongan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, golongan-golongan pelampau agama yang dikenalpasti pada asasnya boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Pelampau Perkauman, Pelampau Politik dan Pelampau Keagamaan. Dalam konteks Pelampau Keagamaan pula, boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Pelampau Keagamaan Islam dan bukan Islam. Kegiatan-kegiatan golongan Pelampau Keagamaan didapati bergerak dari masa ke semasa sebagai satu sindrom dan wujud di kalangan semua kaum, baik Islam ataupun bukan Islam.

Antara faktor-faktor yang mewujudkan golongan pelampau agama di negara ini adalah:

- (a) ada di antara individu atau kumpulan agama mempunyai kepentingan tersendiri;
- (b) memperluaskan pengaruh agar masyarakat mengiktiraf individu berkenaan sebagai pemimpin;
- (c) mempunyai motif politik;
- (d) anggapan bahawa penerapan nilai-nilai Islam bertujuan untuk mengislamkan orang-orang bukan Islam secara beransur-ansur dan kecurigaan terhadap kemungkinan Malaysia dijadikan negara Islam; dan
- (e) tanggapan bahawa orang-orang bukan Islam tidak akan menikmati "religious equality" memandangkan kononnya adanya layanan istimewa dari segi politik, ekonomi dan sosial kepada yang beragama Islam.

Langkah-langkah yang diambil untuk membanteras perkembangan ini

adalah dengan dua cara iaitu melalui ceramah-ceramah dan sesi-sesi penjelasan oleh pihak-pihak yang berkelayakan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap mereka yang terlibat yang menjadi punca utama ancaman.

Dalam hubungan ini tindakan di bawah undang-undang seperti Ordinan-Ordinan Darurat dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Hasutan 1948, Akta Pertubuhan 1966 dan juga undang-undang jenayah biasa, dipakai untuk memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam.

BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS— KEMEROSOTAN PRESTASI PEMBELAJARAN

46. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kajian menyeluruh telah dibuat pada akhir ini mengenai standard bahasa terutamanya Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi lepasan Tingkatan Tiga, Tingkatan Lima dan universiti. Apakah sebab-sebabnya standard merosot atau meningkat atau tidak berubah berbanding dengan tahun-tahun 1970 dan 1980. Apakah langkah-langkah yang efektif bagi mengatasi standard bahasa untuk jangka pendek dan panjang.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan belum membuat kajian menyeluruh mengenai standard Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bagi lepasan Tingkatan Tiga, Tingkatan Lima dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Namun, laporan tentang pencapaian kedua-dua mata pelajaran tersebut dalam peperiksaan SRP dan SPM memang disediakan pada tiap-tiap tahun.

Umumnya, turun-naik prestasi pencapaian kedua-dua mata pelajaran tersebut adalah di sekitar 0.5% hingga 7% jika dilihat daripada keputusan peperiksaan SRP dan SPM tahun 1990 dan 1991. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan prestasi pembelajaran kedua-dua bahasa tersebut dengan mengawasi dan meneliti pengajaran-pembelajaran di sekolah, mempertingkatkan kemahiran guru-guru yang sedia ada melalui kursus dalam perkhidmatan, membekalkan guru-guru terlatih serta membina alat bantu mengajar yang lebih baik.

Di peringkat pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan dan pihak pentadbiran institusi-institusi pengajian tinggi tempatan juga sentiasa mengawasi supaya kualiti pengajaran-pembelajaran kedua-dua bahasa tersebut sentiasa terjamin.

Antara langkah-langkah yang diambil ialah mengadakan penilaian semula kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan semasa, menyediakan kemudahan pengajaran-pembelajaran yang kemaskini serta mengamalkan sistem penilaian secara berterusan.

LESEN BOT LAUT DALAM—JUMLAH DI SARAWAK

47. Tuan Michael Lisa Kaya minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah lesen Laut Dalam (Deep Sea Licence) yang telah dikeluarkan ataupun diluluskan untuk Negeri Sarawak dan peratusan yang dimiliki oleh kaum bumiputera;
- (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum bumiputera yang menceburi diri di dalam kegiatan Laut Dalam (Deep Sea Fishing); dan

(c) adakah Kementerian Pertanian mempunyai rancangan untuk memberi latihan atau galakan khususnya bagi melatih kakitangan Kerajaan yang ingin bersara awal untuk menceburi diri di dalam bidang tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):

Bagi menjawab soalan (a),

Bilangan lesen bot laut dalam yang telah dikeluarkan untuk negeri Sarawak ialah 73 unit. Peratusan yang dimiliki oleh kaum bumiputera ialah 34%.

Bagi menjawab soalan (b),

Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum bumiputera yang menceburi diri di dalam bidang perikanan laut dalam ialah:

(i) Masalah Sumber Kewangan (Modal)

Kos sesebuah bot laut dalam adalah dianggarkan \$300,000 hingga \$500,000. Walaupun skim pinjaman ada disediakan oleh berbagai institusi kewangan, mereka memerlukan nilai cagaran yang tinggi yang mana adalah di luar kemampuan seseorang nelayan.

(ii) Masalah Pemasaran Ikan Yang Melibatkan Orang Tengah

Ada di antara pengusaha-pengusaha kaum bumiputera telah memperolehi bantuan kewangan (modal) dari taukeh-taukeh tertentu untuk membiayai projek berkenaan. Dengan ini mereka secara langsung terikat dengan orang-orang tengah di mana semua hasil tangkapan dikehendaki dijual kepada mereka dengan harga yang lebih murah.

Bagi menjawab soalan (c),

Setakat ini Kementerian Pertanian belum lagi mempunyai rancangan untuk memberi latihan khususnya kepada kakitangan Kerajaan yang ingin bersara lebih awal untuk menceburi diri di dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian ini mungkin boleh menimbang kepada yang berminat untuk mereka menyertai kursus yang sedia ada berkaitan dengan perikanan laut dalam, iaitu kursus Angkatan Nelayan Laut Dalam (ANLD).

PENDATANG HARAM VIETNAM—JUMLAH

48. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah orang-orang pelarian Vietnam yang masih berada di negara ini dan berapakah yang dalam proses ditempatkan semula di negara-negara ketiga yang sedang menunggu keputusan negara-negara ketiga dan yang disahkan tidak diterima oleh mana-mana negara ketiga; dan
- (b) apakah pendirian dan tindakan Kerajaan berhubung dengan orang-orang pelarian Vietnam yang disahkan tidak diterima oleh mana-mana negara ketiga tetapi berkeras tidak mahu pulang ke negara asal mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sehingga 30hb April, 1992 bilangan PHV yang masih berada di negara ini ialah seramai 11,785 orang. Daripada jumlah itu seramai 1,661 orang sedang dalam proses di-

tempatkan semula di negara-negara ketiga, 341 orang sedang menunggu keputusan untuk berpindah ke negara-negara ketiga dan seramai 6,264 orang lagi tidak diterima oleh mana-mana negara ketiga.

- (b) Bagi pendatang-pendatang haram Vietnam yang tidak diterima oleh negara-negara ketiga tetapi berkeras tidak mahu pulang ke negara asal mereka, Kerajaan Malaysia mengambil pendirian tetap iaitu mereka hendaklah dihantar pulang ke negara asal mereka oleh pihak UNHCR. Setakat ini seramai 948 orang daripada mereka telahpun dihantar pulang.

AUDIT ALAM SEKITAR—CADANGAN MEWAJIBKAN

49. Tuan G. Palanivel minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kementerian mempertimbangkan untuk mewajibkan industri-industri mengadakan secara mandatori audit alam sekitar iaitu "environmental auditing", satu sistem kawalan alam sekitar yang meliputi penilaian sistematik dan objektif bagaimana organisasi-organisasi, pengurusan serta alat-alat berjalan atau berfungsi.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas satu cadangan yang agak baik. Jabatan Alam Sekitar, setakat ini sangat menggalakkan firma mengamalkan audit alam sekitar dan terdapat beberapa pihak sedang mengamalkannya dengan secara kecil-kecilan.

SUBSIDI ELEKTRIK DAN PENGECCUALIAN POS

50. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan harga barang-barang dan caj perkhidmatan tidak akan dinaikkan selepas 1hb Jun, 1992 apabila konsesi bayaran elektrik kepada sektor hotel dan lain-lain sektor perindustrian ditarik balik; dan
- (b) mengapa kecualian bayaran pos Wakil Rakyat akan dibatalkan mulai 15hb April, 1992 dan bukannya tindakan ini hanya bermanfaat kepada syarikat penswastan itu.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Mengenai soalan (a), saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dalam tahun 1986, apabila harga minyak turun penjimatan dalam kos bahan bakar telah diagihkan kepada pengguna-pengguna tertentu termasuk pengguna industri dan hotel sebagai diskaun elektrik.

Walau bagaimanapun, mulai tahun 1988 harga minyak telah naik dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa menarik balik diskaun supaya tidak mengalami kerugian.

Perkara kawalan harga adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat kenaikan kos pengeluaran akibat penarikan balik subsidi elektrik tidaklah menjejaskan keuntungan syarikat-syarikat yang berkaitan seperti simen dan keluli. Dengan demikian, syarikat-syarikat tersebut sewajarnya boleh menyerap sebarang kenaikan kos yang berlaku. Pihak-pihak yang

berkenaan juga akan sentiasa mengawasi keadaan bagi memastikan tiada berlaku sebarang kenaikan harga yang tidak berpatutan.

Berhubung soalan (b), adalah dimaklumkan bahawa keputusan muktamad berhubung perkara pengecualian bayaran pos belum lagi dibuat. Perbincangan di antara pihak Kementerian Tenaga Telekom dan Pos dan Kementerian Kewangan sedang dijalankan berhubung perkara ini.

PEKERJA ASING TANPA IZIN—PENDAFTARAN

51. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah pekerja asing telah didaftarkan setakat kini;
- (b) sebab musabab mengapa banyak lagi pekerja asing enggan mendaftarkan;
- (c) apakah tindakan akan diambil selepas 30.6.1992 iaitu tarikh penutup; dan
- (d) terangkan mengapa pihak Kementerian hanya menerima pekerja asing dari sesebuah negara sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah pekerja asing tanpa izin (PATI) yang telah didaftarkan sehingga 15-4-1992 ialah seramai 88,634 orang.
- (b) Setakat ini Kerajaan tidak dapat memastikan sebab-sebab sebahagian PATI enggan mendaftar kerana urusan pendaftaran masih berjalan.
- (c) Setelah tamatnya tempoh pendaftaran ini, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap PATI yang tidak

diambil bekerja oleh majikan di sektor tertentu secara menangkap, mendakwa dan mengusir mereka keluar daripada negara ini. Selain daripada itu majikan yang mengguna PATI akan turut diambil tindakan undang-undang.

- (d) Tidaklah benar Kerajaan hanya menerima PATI dari satu negara sahaja, oleh kerana setakat ini tidak kurang dari 10 buah negara yang rakyatnya ada mendaftar sebagai PATI dengan Jabatan Imigresen Malaysia. Walau bagaimanapun, oleh kerana faktor berhampiran (geographical proximity) dan pilihan majikan kumpulan terbesar di kalangan PATI ini terdiri daripada rakyat Indonesia.

PEKERJA ASING TANPA IZIN—PENDAFTARAN DAN KUOTA PENGAMBILAN

52. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pendaftaran pekerja-pekerja asing tanpa izin hingga 31hb Mac 1992;
- (b) berapakah jumlah keseluruhan warganegara asing yang berdaftar sebagai pekerja di negara ini mengikut bidang dan sektor pekerjaan tertentu; dan
- (c) adakah kuota ditetapkan bagi pengambilan warganegara asing untuk bekerja di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jumlah pekerja asing tanpa izin (PATI) yang didaftar sehingga 15-4-92 adalah seramai 88,634 orang.

- (b) Jumlah keseluruhan warga-negara asing yang berdaftar sebagai pekerja di negara ini dan telah dikeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) (tidak termasuk yang baru berdaftar di bawah Operasi Pendaftaran PATI) adalah seramai 35,457 orang. Mereka ini adalah seperti berikut:

Buruh Ladang	27,061 orang
Pembantu Rumah	8,117 orang
Buruh Binaan	200 orang
Hotel	79 orang
	<hr/>
Jumlah	35,457 orang

- (c) Kerajaan tidak menetapkan kuota bagi pengambilan buruh asing. Walau bagaimanapun pengambilan mereka dibenarkan setelah Kerajaan berpuashati yang sektor terbabit mengalami kesukaran mendapatkan pekerja tempatan.

KESATUAN SEKERJA— PERMOHONAN PENDAFTARAN

53. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia untuk menggalakkan pekerja-pekerja kilang termasuk pekerja kilang elektronik untuk menubuhkan kesatuan sekerja;
- (b) berapakah jumlah permohonan untuk menubuhkan kesatuan sekerja diterima dan diluluskan dalam tahun 1990 dan 1991; dan
- (c) berapakah permohonan untuk menubuhkan kesatuan sekerja masih dalam pertimbangan dan nyatakan nama-nama kesatuan berkenaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):

- (a) Di negara Malaysia, Kerajaan mengamalkan prinsip demokrasi dalam mentadbirkan negara. Mengikut prinsip demokrasi ini, Kerajaan memberi kebebasan kepada pekerja-pekerja untuk menubuhkan kesatuan sekerja asalkan ia mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada dalam hal penubuhan kesatuan sekerja. Maka, adalah jelas bahawa Kerajaan tidak akan menyekat kebebasan dan hak-hak pekerja. Malahan pula Kementerian Sumber Manusia sentiasa bersedia memberi nasihat dan panduan kepada pekerja-pekerja, termasuk pekerja-pekerja kilang elektronik dalam urusan membuat permohonan untuk mendaftar kesatuan-kesatuan sekerja yang mereka tubuhkan itu.
- (b) Pada tahun 1990 sebanyak 46 permohonan untuk mendaftarkan kesatuan sekerja diterima dan 28 daripadanya telah didaftarkan manakala pada tahun 1991 hanya 38 permohonan diterima dan 24 didaftarkan.
- (c) Sehingga 31-12-1991 sejumlah 32 permohonan untuk mendaftarkan kesatuan sekerja masih dalam pertimbangan. Senarai nama-nama kesatuan sekerja yang berkenaan adalah terlalu panjang untuk dibacakan di sini. Oleh itu, saya memohon senarai ini diberi secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat Bayan Baru.

PENDAFTARAN LEWAT KELAHIRAN DAN KAD PENGENALAN—PENUBUHAN JAWATANKUASA PENYELARAS DI SARAWAK

54. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Dalam Negeri menyatakan menyedari bahawa masih ramai penduduk di kawasan pendalaman di negeri Sarawak belum lagi mempunyai Surat Beranak dan Kad Pengenalan, adakah Kerajaan sudah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkordinasikan rancangan-rancangan menolong penduduk-penduduk kawasan pendalaman di Sarawak membuat Surat Beranak dan Kad Pengenalan. Kalau sudah, sejauh manakah jawatankuasa khas ini sudah mencapai objektifnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan memang sedar tentang masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh itu Jabatan Pendaftaran Negeri Sarawak telah menubuhkan beberapa jawatankuasa yang berfungsi sebagai penyelaras untuk memproses dan membuat keputusan mengenai Pendaftaran Lewat Kelahiran dan Kad Pengenalan. Dari tahun 1991 sehingga 31hb Mac 1992 jawatankuasa tersebut telah meluluskan sebanyak 3,341 permohonan.

SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN BALAI RINGIN, DAERAH SERIAN—KEKOSONGAN JAWATAN PENGETUA

55. Tuan Richard Riot Anak Jaem minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa Sekolah Menengah Kerajaan Balai Ringin di daerah Serian tidak mempunyai Pengetua sejak kira-kira dua tahun yang lalu.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa Sekolah Menengah Kerajaan Balai Ringin di daerah Serian tidak mempunyai Pengetua sejak kira-kira dua tahun yang lalu. Dari maklumat yang diterima dari Jabatan Pendidikan Sarawak, Jabatan tersebut telahpun membuat cadangan kepada Kementerian Pendidikan untuk mengisi jawatan itu. Walau bagaimanapun, urusan pentadbiran/pengajaran sekolah ini berjalan lancar dengan adanya guru yang dilantik untuk menjalankan tugas sebagai Pengetua sekolah tersebut. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kesesuaian calon tersebut untuk dilantik sebagai Pengetua.

TAYANGAN ADEGAN NEGATIF—PERANAN LEMBAGA PENAPISAN FILEM

56. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) nyatakan peranan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dalam usahanya membanteras kegiatan penayangan adegan-adegan berunsur keganasan, seks, kyayalan serta negatif di semua media elektronik dan pawagam;
- (b) sejauh manakah berkesannya larangan penayangan adegan-adegan negatif ini khususnya sejak arahan tersebut dikuatkuasakan; dan
- (c) nyatakan bilangan pemilik, penyimpan dan penjual video lucuh yang dapat diberkas sejak arahan tersebut dikuatkuasakan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tanggungjawab sepenuhnya menapis filem-filem yang disiarkan di pawagam dan lain-lain media

elektronik terletak pada Lembaga Penapis Filem. Dalam usaha penapisan badan-badan lain seperti FINAS, RTM turut memberi kerjasama.

- (b) Hasil daripada usaha Lembaga Penapisan Filem dan kerjasama badan-badan yang berkaitan adegan-adegan yang tidak sesuai dan tidak diperlukan telah ditapis dan banyak telah dikurangkan dengan penguatkuasaan peraturan-peraturan Lembaga Penapisan Filem.
- (c) Dalam proses pemeriksaan lesen oleh Pegawai-pegawai FINAS sejak amalan larangan tersebut, seramai 4 orang pemilik/penyimpan/penjual telah diberkas bersama-sama 129 kaset video lucuh.

PEJABAT MARDI DI SARAWAK— MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN

57. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pertanian menyatakan mengenai kedudukan Pejabat MARDI di Sarawak yang telah diiktiraf sebagai sebuah pusat rujukan atas pembangunan pertanian. Adakah Kementerian merancang untuk mempertingkatkan kemudahan dan khidmat pejabat tersebut, seperti Ahli teknologi makanan (Food Technologists) dan menubuhkan Pejabat Pembangunan Usahawan di beberapa tempat di Sarawak.

Dato' S. Subramaniam: Dalam RM5, MARDI telah menubuhkan pejabatnya di Sarawak bertempat di Kuching. Aktivitinya ditumpukan kepada bidang-bidang berikut:

- (i) Tanaman (koko, buah-buahan, sayur-sayuran).
- (ii) Cendawan.
- (iii) Teknologi makanan.

Pegawai ini dianggotai oleh 5 pegawai kategori A dan 12 pegawai-pegawai sokongan.

Dalam RM6, 2 lagi stesen akan dibangunkan iaitu:

- (i) Di Sesang—Pusat Penyelidikan Tanah Gambut.
- (ii) Di satu kawasan lain di tanah mineral untuk penyelidikan buah-buahan dan ternakan.

Dari segi kepakaran, pegawai-pegawai yang pakar dalam aspek-aspek teknologi makanan, ternakan, kejenteeraan dan sains tanah akan ditambah.

Bilangan sebenar adalah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan.

MARDI akan terus memberi khidmat-khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan menerusi aktiviti-aktiviti latihan, 'advisory' dan anak angkat kepada pengusaha-pengusaha tempatan dalam semua bidang.

**BAYARAN GAJI
BERLEBIHAN—DAKWAAN
KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM**

58. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah asas bagi Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam membuat dakwaan pada tempoh hari bahawa Kerajaan telah terbayar gaji berlebihan kepada 25,000 kakitangan awam yang melibatkan beratus juta ringgit; dan
- (b) bolehkah seorang pegawai tertinggi Kerajaan membuat dakwaan secara sewenangnyanya tanpa mengkaji kedudukan yang sebenar.

11-5-92.

53. Tuan Sukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kategori atau skim perkhidmatan dan berapakah jumlah kakitangan awam yang terlibat dengan masalah gaji lebih bayar baru-baru ini;
- (b) mengapakah perkara tersebut berlaku; dan
- (c) adakah Kerajaan berhasrat untuk meminta mereka yang terlibat membayar balik bayaran gaji yang terlebih bayar tersebut.

21-5-92.

60. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) di manakah silapnya setelah 10 tahun berlalu baru Kerajaan menyedari terdapat kakitangan awam yang menerima gaji yang terlebih bayar;
- (b) berapa ramaikah kakitangan awam yang didapati menerima gaji lebih itu dan berapa banyakkah jumlah wang gaji yang terlebih bayar? Apakah Kerajaan akan mengambil tindakan tatatertib jika mereka gagal memulangkan semula wang gaji yang terlebih bayar itu.

Tuan Othman bin Abdul: Saya ingin memberi jawapan kepada soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kok Lanas pada 11.5.92 dan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok pada 21-5-92 atas perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam tidak pernah membuat dakwaan bahawa Kerajaan telah terlebih membayar gaji kepada

25,000 orang kakitangan awam. Sebenarnya perkara ini wujud daripada satu laporan akhbar tempatan yang menyatakan bahawa sejumlah 25,000 orang kakitangan awam telah terlebih dibayar gaji dan perlu pula membuat bayaran balik kepada Kerajaan. Perkara ini berbangkit lagi apabila Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah disoal tentang tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan sekiranya terdapat antara kakitangan awam yang telah terlebih dibayar gaji yang sepatutnya. Secara umumnya bagi menjawab soalan ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah menyatakan bahawa, pada prinsipnya, jika seseorang kakitangan awam itu telah dibayar gaji yang berlebihan daripada sepatutnya, maka ia dikehendaki membuat bayaran balik. Pegawai yang didapati melakukan kesalahan membayar gaji berlebihan itu pula, akan diambil tindakan tatatertib sewajarnya.

Berdasarkan kepada keterangan tersebut di atas, maka adalah tidak benar bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah membuat satu dakwaan yang tidak berasas. Keterangan yang diberi olehnya adalah merupakan satu peraturan serta prinsip umum yang digunakan sebagai menjawab soalan yang ditimbulkan. Ianya tidak sekali-kali menyentuh secara khusus sesuatu kes yang melibatkan bayaran gaji yang berlebihan.

UNIVERSITI KELAPAN DI SARAWAK—PENUBUHAN

59. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah meningkatkan prestasi pelajaran di Malaysia berikutan dengan rancangan penubuhan universiti ke lapan di Malaysia Timur:

(a) berapa banyakkah peruntukan serta kos pembinaan yang

dianggarkan untuk mewujudkan universiti ke lapan;

(b) berapa ramaikah tenaga pengajar yang dikenalpasti sebagai ahli akademik untuk bertugas di universiti tersebut; dan

(c) apakah bentuk pengkhususan pendidikan serta mata pelajaran baru yang akan diperkenalkan sebagai persediaan ke arah mencapai Wawasan 2020.

11-5-92

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kabinet telah membuat satu keputusan dasar untuk meluluskan penubuhan universiti yang ke lapan di Sarawak dan butir-butirnya.

73. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah anak tempatan Sarawak yang telah tamat pengajian di universiti dalam dan luar negara dan ITM sejak merdeka (1963):

(a) berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk pembinaan Universiti Sarawak dalam Rancangan Malaysia KeEnam. Bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dan bilakah ianya di jangka siap. Berapakah anggaran kos pengendalian universiti ini setiap tahun. Berapa banyakkah jumlah pelajar yang akan diambil dan apakah kursus-kursus yang akan ditawarkan. Di manakah kampus universiti ini akan dibina. Mengapa; dan

(b) berapakah yang telah diperuntukkan untuk murid-murid kaum etnik dayak dari "Dayak Education Foundation" yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebelum pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak 1991.

13-5-92.

62. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kemajuan penyusunan sebuah universiti lengkap di Sarawak seperti:
- (i) tarikh di mana Kerajaan akan mengumumkan secara rasmi kelulusan projek tersebut;
 - (ii) lokasi yang dicadang untuk universiti baru di Sarawak;
 - (iii) kursus yang ditawarkan;
 - (iv) jumlah pengambilan pelajar yang dianggarkan untuk 5 tahun pertama; dan
 - (v) tarikh di mana universiti baru tersebut dijadual untuk dibuka bagi membuat pendaftaran.

Dr Fong Chan Onn: Oleh kerana terdapat empat orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan yang sama iaitu mengenai penubuhan universiti kelapan di Sarawak, saya memohon supaya soalan ini dijawab serentak. Butir-butir Ahli Yang Berhormat dan tarikh dikemukakan soalan adalah seperti di bawah:

1. Yang Berhormat dari Sepang-7.5.92
2. Yang Berhormat dari Tanjong-11.5.92
3. Yang Berhormat dari Baram-11.5.92
4. Yang Berhormat dari Sibul-13.5.92

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan bersetuju untuk menubuhkan universiti kelapan di Samarahan, Sarawak. Universiti ini dijangka akan menelan belanja sebanyak \$780 juta untuk kos pembinaan bangunannya.

Pengambilan pelajar dijangka akan dijalankan pada sesi pengajian 1993/94. Manakala antara kursus yang akan ditawarkan sebagai persediaan ke arah mencapai Wawasan 2020 ialah Sains Gunaan, Sains Sosial, Kejuruteraan, Pengajian Gas Asli, Maritim, Teknologi Maklumat, Pendidikan dan Perubatan.

Setakat ini belum lagi dikenalpasti jumlah tenaga pengajar yang diperlukan. Keperluan tenaga pengajar yang akan diambil adalah bergantung kepada jumlah pelajar dan bidang-bidang pengajian yang akan diwujudkan serta perancangan perkembangan universiti dari masa ke semasa.

KAD PENGENALAN BARU—BAYARAN STEM/ GAMBAR OLEH PEMOHON

60. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) benarkah bahawa para pemohon untuk menggantikan kad pengenalnya kepada yang baru dikehendaki menanggung sendiri perbelanjaan untuk membeli gambar dan stem.
- (b) adakah benar bahawa untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru kita dimestikan menggunakan baju yang berwarna hitam; dan
- (c) bolehkah Jabatan Pendaftaran Negara menghantarkan unit pendaftarannya ke kampung-kampung demi untuk memudahkan lagi para masyarakat kampung membuat penggantian kad pengenalan mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Perbelanjaan untuk mengambil gambar dan stem memang ditanggung oleh pemohon. Walau bagaimanapun, pengecualian

bayaran stem boleh diper-
timbangkan atas alasan kemis-
kinan atau dalam keadaan khas.

- (b) Arahan menetapkan pemohon memakai baju berwarna hitam tidak pernah dikeluarkan oleh pihak Jabatan.
- (c) Jabatan Pendaftaran Negara memang mempunyai unit khas bergerak yang membuat lawatan ke kawasan kampung bagi memudahkan masyarakat di tempat tersebut.

SISA TOKSID—RAWATAN DAN PELUPUSAN

61. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah cara semasa untuk merawat sisa-sisa toksid dalam negara kita dianggap memuaskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang mana ianya tidak membawa akibat buruk kepada manusia;
- (b) berapakah kategori sisa toksid di dalam senarainya yang dijeniskan oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE);
- (c) apa jenis sisa-sisa toksid yang akan dihantar ke luar negeri seperti Amerika Syarikat untuk rawatan; dan
- (d) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengenalpasti sisa toksid tidak dibuangkan merata-rata tempat.

Tuan Law Hieng Ding:

- (a) Cara terbaik bagi menghindarkan akibat buruk yang mungkin ditimbulkan oleh buangan terjadual adalah dengan mengurangkan penghasilan buangan melalui pertukaran proses pengeluaran, penggunaan

teknologi bersih dan pemerolehan kembali. Kebanyakan industri besar dan sederhana terutama sekali yang terletak di kawasan-kawasan perindustrian, telahpun mempunyai kemudahan sendiri untuk merawat buangan-buangan toksid dan berbahaya seperti asid, alkali, effluen mengandungi logam berat, dan lain-lain lagi. Masalah sekarang ialah kilang-kilang kecil yang tidak mempunyai sistem pengolahan mereka sendiri kerana kekurangan pengetahuan dan modal untuk berbuat demikian. Di samping itu juga terdapat buangan-buangan seperti enapcemar (sludges) daripada sistem pengolahan effluen dan buangan-buangan pelarut (spent solvents) yang tidak dapat dilupuskan kerana ketiadaan kemudahan yang sesuai.

- (b) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 menyenaraikan sebanyak 107 kategori buangan yang ditakrifkan sebagai buangan-buangan terjadual (buangan toksid dan berbahaya). Senarai tersebut boleh didapati di dalam Jadual Pertama, Peraturan 2, Peraturan-peraturan tersebut di atas.
- (c) Buangan-buangan terjadual yang dibenarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk dieksport keluar negeri adalah hanya buangan-buangan yang tidak boleh dirawat di negara ini sendiri kerana ketiadaan kemudahan yang sesuai. Contoh-contoh buangan terjadual yang dihantar keluar negeri untuk rawatan atau pemerolehan kembali (recovery) adalah minyak mengandungi polychlorinated bi-phenyls

(PCB) dan enapcemar (sludges) mengandungi logam berat. Walaupun negara ini masih dalam proses mengratifikasikan Basel Convention, tetapi segala prosedur penghantaran adalah mengikut kehendak-kehendak 'convention' tersebut iaitu dengan persetujuan negara import tersebut melalui prosedur pembiritahuan terlebih dahulu (prior informed consent) dan pengesahan bahawa buangan terjadual tersebut dilupuskan dengan selamat.

- (d) Kerajaan telah dan akan meningkatkan lagi usaha menguatkuasakan undang-undang yang menghendaki buangan sedemikian dilupuskan secara selamat di tapak pelupusan terselamat. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah melantik sebuah konsortium yang akan membangun dan mengoperasi kemudahan bersepadu bagi mengolah dan melupus buangan-buangan terjadual yang dihasilkan oleh industri-industri di negara ini secara terselamat.

RANTAI MOTOSIKAL BUATAN MALAYSIA—UJIAN OLEH SIRIM

62. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kerajaan sedar atau tidak terdapat banyak rantai motosikal buatan Malaysia seperti jenama Rolon, R.K., dan M.R.C. tidak memenuhi piawaian keselamatan Malaysia dan sangat berbahaya kepada penunggang motosikal serta pengguna jalan raya yang lain. Sama ada Majlis Piawaian dan Institut Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) akan membuat ujian semula terhadap daya ketahanan minimum atas rantai-rantai motosikal tersebut.

Tuan Law Hieng Ding: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini barangan rantai motosikal tidak diwajibkan oleh Kerajaan untuk mematuhi keperluan-keperluan Piawaian Malaysia berkenaan iaitu Malaysian Standard 996 Pt. 1: 1985 "Specification for Motorcycle Chains and Sprockets" Adalah dimaklumkan juga bahawa SIRIM tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan supaya barangan ini diuji dan disahkan.

HUBUNGAN EKONOMI DAN PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA—CHINA

63. Tuan Wong Wing Onn minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah yang sedang, telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengambil peluang-peluang baru yang diwujudkan oleh reformasi ekonomi tahap baru di Republik Rakyat China (RRC), terutama di bahagian selatannya, untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China.

Tuan Chua Jui Meng: Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China. Langkah-langkah reformasi ekonomi yang diambil oleh Kerajaan Republik Rakyat China telah mewujudkan peluang yang bertambah dalam perdagangan dan pelaburan bagi pengusaha-pengusaha Malaysia untuk menerokai pasaran negara tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah memetri perjanjian-perjanjian dua hala seperti berikut:

- Perjanjian Perdagangan;
- Perjanjian Jaminan Pelaburan;
- Perjanjian Mengekalkan Cukai Dua Kali;
- Perjanjian Perkapalan dan Udara.

Di samping itu, satu Jawatankuasa Bersama Ekonomi dan Perdagangan Malaysia-Republik Rakyat China telah ditubuhkan pada tahun 1991 bertujuan untuk membincang langkah-langkah yang sesuai bagi memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Kerajaan juga menggalakkan pengusaha-pengusaha menerokai pasaran Republik Rakyat China dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti berikut—

- Penganjuran penyertaan pameran perdagangan Malaysia di Republik Rakyat China;
- Penganjuran rombongan galakan perdagangan dan pelaburan ke Republik Rakyat China;
- Penghapusan sekatan lawatan ke atas rakyat untuk melawat Republik Rakyat China;

Pemberian insentif kepada pengusaha rakyat yang melabur di Republik Rakyat China (Reverse Investment—dengan izinnya).

Insentif Reverse Investment, dengan izin, yang diperuntukkan untuk projek-projek dan pelaburan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) Hanya 50% dari pendapatan yang dibawa balik akan dikenakan cukai atas kadar korporate yang sedia wujud. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang tidak dicukai akan juga dikecualikan dari cukai pendapatan. Galakan ini adalah bagi tempoh lima tahun selepas syarikat beroperasi dan mendapat keuntungan; dan
- (ii) Perbelanjaan yang dibuat sebelum perniagaan dimulakan seperti kos penyelidikan pasaran dibenarkan sebagai

potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Hasil-hasil positif yang diwujudkan akibat dari usaha-usaha yang diamalkan oleh Kerajaan untuk memperingkatkan perdagangan dua hala boleh dilihat dari segi pertumbuhan perdagangan dua hala serta pelaburan Malaysia di Republik Rakyat China. Perdagangan dua hala telah meningkat dengan kadar yang lebih pesat setelah kedua buah negara menandatangani Perjanjian Perdagangan pada 1hb April, 1988. Jumlah perdagangan telah meningkat dari \$1,646 juta pada tahun 1987 ke \$2,356 juta, pada tahun 1988—\$2,935 juta pada tahun 1989, \$3,190 juta pada tahun 1990 dan \$3,967 juta pada tahun 1991. Pelaburan Malaysia di Republik Rakyat China telah pun meningkat sejak kedua buah negara menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan pada 21 November, 1988. Pada ketika ini, jumlah pelaburan Malaysia di negara China dianggarkan melebihi dari \$290 juta.

MITI sedang merancang untuk menyertai “Pameran Antarabangsa Beijing” di Beijing pada tahun 1992 bertujuan untuk mempamerkan berbagai jenis barangan keluaran negara di pasaran tersebut.

Kerajaan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi antara kedua buah negara dan juga menggalak dan membantu pihak sektor swasta menerokai pasaran tersebut dengan menyediakan kemudahan-kemudahan perdagangan yang sesuai.

SISTEM SARAAN BARU— PERASAAN TIDAK PUAS HATI PENSYARAH UNIVERSITI

64. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah yang telah dilakukan terhadap perasaan tidak puas hati pensyarah-pensyarah

universiti berkenaan dengan Sistem Saraan Baru serta pandangan dari para akademik bahawa tindakan ini akan menyebabkan berlakunya lebih banyak kejadian hijrah cendiakawan dari universiti-universiti tempatan.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pensyarah-pensyarah universiti telah diberi dan diperuntukkan pertimbangan istimewa dalam menentukan gaji baru mereka di bawah Sistem Saraan Baru (SSB). Selain daripada itu, setiap pensyarah telah diberi tawaran sama ada untuk memilih SSB ataupun terus dikekalkan di bawah skim gaji lama, iaitu, mengikut Laporan Gaji JKK 1976. Bagi mereka yang telah memilih SSB dan masih tidak puas hati dengan pelaksanaannya, anggota-anggota ini boleh mengemukakan kesnya kepada Tribunal Perkhidmatan Awam. Kerajaan berpendapat SSB adalah merupakan satu sistem saraan yang paling baik dan saksama untuk anggota-anggota sektor awam yang boleh menggalak dan mendorong pengekalan dalam perkhidmatan anggota yang menunjukkan prestasi cemerlang. Walau bagaimanapun, mengikut pengalaman adalah menjadi perkara biasa berbangkitnya perasaan tidak puas hati dalam mana-mana urusan semakan gaji. Adalah mustahil bagi Kerajaan memberi kepuasan kepada setiap anggota sektor awam. Dalam hal ini, bukan sahaja anggota akademik malahan ada juga pekerja-pekerja lain yang mengemukakan berbagai tuntutan kerana tidak puas hati. Bagi mereka ini, termasuk pensyarah-pensyarah universiti, Kerajaan sudah pun menyediakan peraturan-peraturan tertentu untuk mereka merujukkan perkara tidak puas hati itu kepada Tribunal Perkhidmatan Awam.

TENTERA LAUT AMERIKA SYARIKAT—KEBENARAN BERLABUH DI LUMUT

65. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada kapal laut Tentera Laut Amerika Syarikat yang membawa senjata nuklear akan dibenarkan melabuh di Tapak Tentera Laut Lumut;
- (b) adakah Kerajaan akan menjalankan pemeriksaan kepastian setiap kali sebuah kapal laut Amerika Syarikat melabuh di Lumut; dan
- (c) adakah Kerajaan mempunyai satu polisi Zon-Bebas-Senjata nuklear, ataupun berniat untuk mengadakan satu polisi yang sedemikian.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Kerajaan Malaysia tidak akan membenarkan kapal-kapal Tentera Laut Amerika Syarikat yang membawa senjata nuklear untuk berlabuh di seberang pengkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia.
- (b) Department Tentera Laut biasanya akan menjalankan pemeriksaan kepastian setiap kali sebuah kapal tentera laut dari negara asing termasuklah Amerika Syarikat berlabuh di Pengkalan TLDM di Lumut.
- (c) Bagi soalan ini ianya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

UPSR—KEMEROSOTAN PELAJAR SRJK (T)

66. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh

Kementerian tersebut untuk menyelesaikan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sekolah-sekolah Tamil yang lemah dan semakin merosot, dan khususnya satu sebab yang utama, kekurangan yang pincang dalam guru-guru Tamil terlatih dan malah yang sementara.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi pencapaian rendah pelajar-pelajar (SRJK(T)) dalam UPSR adalah seperti berikut:

1. Menambah pengambilan guru-guru pelatih pengkhususan bahasa Tamil di maktab-maktab perguruan.
2. Mengambil semula guru-guru bahasa Tamil yang telah bersara untuk ditempatkan di SRJK (T) yang kekurangan guru-guru terlatih.
3. SRJK(T) digalakkan untuk mengadakan kelas-kelas tambahan selain daripada apa yang terdapat di dalam jadual waktu.
4. Mengadakan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dapat memberi peluang dan merangsangkan murid-murid meluaskan pembelajaran di bilik darjah.

PEMBINAAN SRJK(C)—JANJI OLEH PEMIMPIN POLITIK

67. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa pada pilihanraya besar:

- (a) tahun 1990 Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melabur janji membina sebuah SRJK(C) di Kampung Baru Air Panas dalam Kawasan Parlimen Titiwangsa dan pada masa yang sama

Timbalan Menteri Datuk Alex Lee juga telah berjanji membina sebuah SRJK(C) di Bandar Baru Wangsa Maju di kawasan Parlimen di Batu;

- (b) tahun 1982, Pengerusi MCA Melaka dan ahli EXCO Negeri Datuk Gan Boon Leong juga telah berjanji membina sebuah SRJK(C) di Ujong Pasir dalam kawasan DUNnya di Bandar Hilir;
- (c) adakah janji-janji ini akan ditunaikan dan kalau ia, bila dan kalau tidak mengapa;
- (d) adakah semua janji ini dalam rancangan pembinaan sekolah baru pihak Kementerian; dan
- (e) adakah ahli-ahli politik berkuasa membuat pengumuman sebegini bagi pihak Kementerian.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pada masa ini Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk membina satu lagi SRJK(C) di Kampung Baru Air Panas, Setapak kerana di kawasan yang berkenaan terdapat 3 buah SRJK(C) iaitu SRJK(C) Chong Hwa, Setapak, SRJK(C) Mun Yee dan SRJK(C) Chiao Nan Jalan Pahang. Ketiga-tiga sekolah itu bertempat di kawasan Titiwangsa. Sekolah-sekolah ini boleh menampung keperluan pelajar di kawasan yang tersebut.

Kementerian Pendidikan juga tidak bercadang untuk membina SRJK(C) di Bandar Baru Wangsa Maju kerana di kawasan yang berkenaan terdapat kira-kira 98% penduduk Melayu. Manakala 2% bukan Melayu (Cina dan India) boleh memasuki sekolah

di kawasan berhampiran seperti di kawasan Setapak, Melawati dan lain-lain.

- (b) Kementerian Pendidikan memang sentiasa mengambil berat dalam menyediakan kemudahan persekolahan untuk menampung keperluan pendidikan yang semakin meningkat. Menyentuh tentang keperluan pendidikan bagi penduduk Cina di kawasan Bandar Hilir dan Ujong Pasir sebenarnya terdapat sembilan buah sekolah rendah di kawasan tersebut termasuk dua buah sekolah rendah SRJK(C).

**TARIAN NAGA/SINGA—
PERSEMBAHAN
DI HARI KEBANGSAAN**

68. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kebudayaan, Pelancongan dan Kesenian menyatakan:

- (a) tarian naga dan singa akan dipamerkan dalam program perayaan Hari Kebangsaan tahun ini dan kalau tidak mengapa;
- (b) pihak Kementerian telah menerima permohonan mendirikan Pusat Kebudayaan Kaum Cina Malaysia (Malaysia Chinese Cultural City) oleh MCA dan apakah kedudukan terbaru mengenai projek anjuran MCA ini; dan
- (c) MCA atau Pemuda MCA pernah memohon menyokong (a) dan (b) dan kalau ia sebutkan bila ia dibuat.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik):

- (a) Untuk sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, Kementerian ini belum menerima sebarang permohonan dari mana-mana

penganjur untuk mempersembahkan tarian naga dan tarian singa.

- (b) Pendirian Kerajaan Pusat mengenai rancangan MCA untuk membina sebuah Bandar Kebudayaan Cina (Chinese Culture City) telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana parti tersebut telah diminta untuk mengkaji semula projek berkenaan demi kepentingan negara. Penyelesaian isu ini adalah dibuat melalui semangat perpaduan dan perbincangan di kalangan parti-parti politik dalam Barisan Nasional.
- (c) Kementerian ini pernah menerima sokongan daripada MCA dan pemuda MCA mengenai perkara-perkara di atas.

**PUAK ROHINGYA
DI MYANMAR—USAHA
KERAJAAN**

69. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan segala usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan penderitaan puak Rohingya yang telah dianiayai dan diseksa oleh Regime Myanmar.

Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan: Soalan ini telah pun dijawab pada 4hb Mei, 1992.

**PASUKAN SIMPANAN
ANGKATAN TENTERA—
MEMPERLUASKAN
PENYERTAAN RAKYAT**

70. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah baru yang diambil oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan penyertaan

rakyat secara menyeluruh dalam pasukan-pasukan simpanan tentera selaras dengan konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH);

- (b) sejauh manakah sambutan yang telah rakyat, badan-badan korporat dan syarikat-syarikat gergasi di negara terhadap langkah baru ini; dan
- (c) berapakah jumlah badan-badan korporat dan syarikat-syarikat gergasi yang telah menubuhkan pasukan tentera simpanannya.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Kerajaan memang bercadang memperluaskan lagi penyertaan rakyat dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (PSAT). Sehingga kini rancangan pembesaran Pasukan Simpanan Angkatan Tentera telah diusaha untuk dikembangkan kepada Sektor-sektor Awam dan Badan-badan Berkanun di mana penyertaan mereka dalam Pasukan Simpanan ini dijangka akan bertambah bilangannya. Pihak Kementerian Pertahanan telah menyusun semula struktur dan organisasi bagi meningkatkan bilangan keanggotaan pasukan simpanan menjelang tahun 2000. Langkah-langkah tersebut merangkumi:

- (i) Penubuhan Unit-unit Askar Wataniah di dalam semua elemen Tentera Darat (TD).
- (ii) mewujudkan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut dan Udara.
- (iii) Meningkatkan kadar elaun sebagai daya penggalak kepada rakyat untuk memasuki pasukan simpanan ini.

- (b) Sambutan rakyat terhadap Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (PSAT) tidaklah begitu membanggakan, dan sehingga ini hanya merupakan usaha perseorangan dan tidak atas dorongan syarikat atau badan korporat.

- (b) Dewasa ini Pasukan Simpanan Angkatan Tentera (PSAT) belum lagi diwujudkan di badan-badan korporat dan syarikat-syarikat gergasi. Walau bagaimanapun, urusan sedang berjalan untuk menembusi korporat-korporat ini di dalam mewujudkan unit-unit Askar Wataniah (AW) di dalam organisasi mereka. Setakat ini mereka meluahkan hasrat untuk mengkaji dengan lebih mendalam sebelum kata muktamad bagi pembentukan unit Askar Wataniah (AW) dilaksanakan.

ISU KERETA KEPUNYAAN D.Y.M.M. SULTAN KELANTAN

71. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah digembargemburkan jumlah kereta kepunyaan D.Y.M.M. Sultan Kelantan. Mengapa tidak dibesarkan cerita-cerita para Menteri yang hidup mewah pada hal sebelum perjawatan tidak tergolong dalam kategori kaya-raya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah berniat untuk menggembar-gemburkan jumlah kereta kepunyaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Sebenarnya insiden pengambilan sebuah kereta yang belum dibayar cukai import dan tanpa pembayaran kos pengangkutan dari depo kargo MAS di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang oleh D.Y.M.M. Sultan Kelantan sendiri yang telah memeranjatkan agensi-agensi dan pihak-pihak yang berkaitan.

Dan dengan sendirinya insiden yang memeranjatkan itu telah menggembar-gemburkan bukan sahaja insiden tersebut, bahkan juga perkara-perkara yang berkaitan, termasuklah jumlah kereta yang dimiliki oleh D.Y.M.M. Sultan Kelantan.

Soal menggembar-gemburkan kedudukan para Menteri itu tidak timbul. Tidak ada apa yang hendak digembar-gemburkan.

(Soalan No. 72—Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 1)

KERJASAMA KETENTERAAN ANTARA MALAYSIA—AMERIKA SYARIKAT

73. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilakah beliau telah mengadakan satu rundingan sulit dengan Amerika Syarikat untuk memperluaskan kerjasama ketenteraan dengan Amerika Syarikat. Sila berikan butir-butir;
- (b) sama ada beliau telah bersetuju dengan Amerika Syarikat untuk membenarkan Personel Tentera Amerika Syarikat untuk ditempatkan di Malaysia sebagai "Administrative and Technical Personnel" dalam Kedutaan Amerika Syarikat. Jika ya, sila berikan butir-butirnya;
- (c) sama ada beliau telah bersetuju dengan Amerika Syarikat bahawa Malaysia bersedia untuk menawarkan kepada Amerika Syarikat hak untuk memasuki pengkalan tentera Malaysia dan memberikan perlindungan undang-undang. Jika ya, sila berikan butir-butirnya; dan

(d) sama ada Malaysia telah membenarkan Tentera Darat Amerika Syarikat untuk latihan ketenteraan dengan Tentera Malaysia di Pusat Latihan Tentera Hutan di sekolah Latihan Ulu Tiram, bahagian utara Negeri Johor. Jika ya, sila berikan butir-butirnya.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Saya tidak pernah mengadakan sebarang rundingan sulit dengan Amerika Syarikat bagi memperluaskan kerjasama di bidang ketenteraan dengan Amerika Syarikat. Seperti kebiasaan setiap rundingan di antara Malaysia dengan negara-negara lain diadakan secara rasmi, Kementerian Pertahanan telah menjalinkan hubungan dua hala di bidang ketenteraan dengan Amerika Syarikat semenjak tahun 1984 yang mana meliputi aspek latihan dan eksesais dua hala. Selaras dengan hasrat Kementerian Pertahanan untuk meningkatkan taraf profesionalisme anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia, perhubungan ketenteraan di antara Malaysia dengan beberapa negara seperti Amerika Syarikat akan dipertingkatkan khususnya di bidang latihan dan eksesais.
- (b) Taraf "Administrative and Technical Staff" ini adalah merupakan keistimewaan separa diplomatik yang terjalin di bawah "Vienna Convention Diplomatik Privileges Act 1966". Sehubungan dengan ini anggota-anggota Tentera Udara Amerika Syarikat yang ditempatkan di AIROD Sdn.

Bhd. bagi mengawasi pembaikan pesawat-pesawat mereka adalah didapati layak diberikan keistimewaan ini.

- (c) Kerajaan Malaysia akan sentiasa menentang pengwujudan sebarang Pengkalan Angkatan Tentera Amerika Syarikat di mana-mana negara di Asia Tenggara. Dengan yang demikian soal kemungkinan Kerajaan Malaysia menawarkan pengkalan tersebut kepada Amerika Syarikat langsung tidak timbul. Kerajaan Malaysia sebaliknya telah hanya menawarkan kemudahan-kemudahan baikpulih dan senggaraan yang terdapat di AIROD Sdn. Bhd. dan Limbungan Lumut kepada Tentera Udara dan Tentera Laut Amerika Syarikat. penawaran terhadap kemudahan-kemudahan ini telah dibuat semata-mata berasaskan prinsip ekonomi dan perniagaan bagi tujuan mengembangkan industri pertahanan negara.
- (d) Malaysia pernah mengadakan latihan ketenteraan bersama antara Tentera Darat Malaysia dan Tentera Darat Amerika Syarikat di Pusat Latihan Darat (PULADA), Ulu Tiran, Johor. Latihan ini dikenali sebagai latihan Gagah Koa dan diadakan dua tahun sekali. Kali pertamanya diadakan pada 14 Ogos hingga 11 September 1991 di bawah naungan BITACG (Bilateral Training and Consultative Group). Tahap latihan melibatkan satu kompeni dari Tentera Darat Amerika Syarikat yang berpangkalan di Hawaii. Latihan ini dilaksanakan secara timbal balas (cross check).

PENAPISAN FILEM—DASAR DAN KESERAGAMAN

74. Tuan Abdul Malek bin Munip minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah dasar yang dianuti oleh badan penapisan filem negara;
- (b) adakah terdapat keseragaman dalam proses penapisan filem-filem tempatan dan filem-filem yang diimport; dan
- (c) adakah ahli-ahli badan penapisan filem ini mempunyai kemahiran profesional dalam perfileman dan media massa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Dasar utama penapisan filem adalah untuk melindungi orang ramai dari kemungkinan pengaruh buruk akibat daripada penontonan filem. Pengaruh buruk ini termasuklah unsur-unsur negatif yang tidak secukupnya dengan nilai-nilai murni yang diperlu ada pada setiap anggota masyarakat Malaysia, baik dari segi sosio-budaya, keagamaan, ideologi, politik, susila dan seumpamanya.
- (b) Proses penapisan filem sama ada filem tempatan atau import adalah berpandukan kepada Garispanduan Penapisan Filem yang diluluskan oleh Kerajaan dalam mana dijelaskan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan tekanan semasa membuat penapisan supaya matlamat yang disebutkan tadi akan tercapai.
- (c) Ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem tidak perlu mempunyai kemahiran profesional dalam perfileman atau media massa; apa yang ditekankan ialah

pengalaman yang luas, pemikiran yang matang dan tajam serta keupayaan dan kebolehan menganalisis apa yang ditontotapis dengan cara yang kritikal supaya objektif utama proses ini dipenuhi.

PENINGKATAN NILAI MATAWANG—IMPLIKASI

75. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat manakah ekonomi negara terutama sekali eksport-eksport utama negara terjejas hasil daripada peningkatan nilai matawang Malaysia baru-baru ini berbanding dengan nilai matawang negara-negara pengimport barangan keluaran Malaysia;
- (b) setakat manakah jumlah barangan import bertambah kerana peningkatan yang sama;
- (c) apakah implikasi terhadap industri-industri tempatan jikalau matawang Malaysia meningkat ke tahap yang sama seperti tujuh tahun yang lalu terutama sekali memandangkan kemungkinan barangan import akan lebih murah daripada barangan keluaran tempatan dan jikalau keadaan seperti itu berlaku apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah pun saya jawab serentak dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis pada 4hb Mei, 1992. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulanginya.

SYARIKAT INSURANS MOTOR—KERUGIAN

76. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menjaga kewibawaan dan kestabilan syarikat-syarikat insurans tempatan terutama sekali syarikat-syarikat yang terpaksa secara tidak langsung untuk berdagang di dalam sektor-sektor insurans yang tidak menguntungkan dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menjaga kekuatan syarikat-syarikat tersebut yang terpaksa atau sanggup menerima bebanan itu;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa syarikat-syarikat insurans yang sanggup menerima tawaran insurans sektor kenderaan tidak pernah mengalami keuntungan daripada sektor tersebut dan mereka seolah-olah melakukan satu perkhidmatan sosial bagi membolehkan sistem pengangkutan jalan yang menggunakan kenderaan-kenderaan bermotor bergerak;
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memberi keadilan kepada syarikat-syarikat insurans tersebut dan juga pengguna-pengguna; dan
- (d) setakat manakah dan apakah langkah-langkah yang lanjut yang boleh dan akan diambil oleh Kerajaan secara praktik untuk Malaysiakan syarikat-syarikat insurans.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Bagi memastikan industri insurans beroperasi dengan baik dan menyakinkan orang ramai, Kerajaan telah meminda

seksyen 28 Akta Insurans 1963 bagi membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan ke atas syarikat-syarikat insurans yang bermasalah dan menyeleweng.

Kerajaan juga telah mengenakan keperluan-keperluan pentadbiran yang lebih ketat bagi memastikan perniagaan yang dijalankan adalah dikendalikan dengan sempurna dan cekap.

Semakan semula ke atas Akta Insurans 1963 juga sedang dibuat bagi mewujudkan suatu Akta baru yang lebih komprehensif dan berkesan untuk industri insurans.

- (b) Kerajaan memang sedang bahawa insurans motor menghadapi nisbah kerugian yang tinggi. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat insurans am yang mengendalikan insurans motor tidak seharusnya dikaitkan dengan kerugian kerana insurans motor hanyalah merupakan salah satu aktiviti di bawah perniagaan insurans am di mana perniagaan insurans am bagi sektor-sektor lain selain daripada motor pada keseluruhannya adalah menggalakkan. Dengan demikian, syarikat-syarikat insurans am seharusnya boleh mencapai keuntungan yang baik sekiranya mereka mempelbagaikan perniagaan insurans supaya dapat mengimbangkan perolehan keuntungan syarikat dan tidak terlalu bergantung kepada insurans motor.

Di samping itu, syarikat-syarikat insurans am juga perlu meningkatkan kecekapan dan disiplin dalam pengurusan serta mengawal peratusan komisen

dan perbelanjaan pengurusan bagi mengurangkan kos syarikat dan seterusnya meningkatkan lagi keuntungan syarikat.

- (c) Bagi memberi keadilan kepada syarikat-syarikat insurans am yang terpaksa menanggung risiko kerugian yang tinggi, Kerajaan telah membenarkan syarikat-syarikat insurans mengenakan premium tambahan (loadings). Peraturan-peraturan mengenai premium tambahan itu adalah terkandung dalam Garispanduan Bayaran Tambahan Premium Motor yang berkuatkuasa 2 Januari 1992. Garispanduan itu juga menyatakan had-had yang boleh dikenakan oleh syarikat-syarikat insurans. Ia bertujuan untuk memastikan orang ramai tidak dikenakan bayaran yang berlebihan. Satu struktur premium baru yang lebih saksama dan lebih baik akan dirangka apabila proses pengumpulan data mengenainya dapat disiapkan nanti.
- (d) Kerajaan dari masa ke samasa menggesa cawangan syarikat insurans asing yang beroperasi di negara ini agar menyusun semula syarikat mereka dan menjadikannya sebagai syarikat tempatan.

Melalu usaha-usaha itu, dalam tempoh masa dari tahun 1975 hingga 1991, sebanyak 41 cawangan syarikat insurans asing yang beroperasi di Malaysia telah pun menyusun semula operasi mereka melalui penubuhan dan penggabungan syarikat-syarikat dan seterusnya membentuk 31 syarikat insurans tempatan.

Pada masa ini, terdapat 9 buah cawangan syarikat insurans asing yang masih belum

diperbadankan semula. Walau bagaimanapun, 2 daripada syarikat-syarikat tersebut telah pun mengemukakan cadangan Skim Penyusunan Semula mereka untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.

LABUAN SEBAGAI IOFC—FAEDAH DAN KEJAYAAN

77. Tuan Haji Abdul Hamid bin haji Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) faedah-faedah yang telah diperolehi dengan pelaksanaan pusat kewangan pesisir pantai di Labuan.
- (b) Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dengan pelaksanaan sistem ini.
- (c) Adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan sistem ini di kawasan yang lain.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

(a) Penubuhan Labuan sebagai IOFC akan memberikan banyak faedah kepada Malaysia, khususnya kepada Pulau Labuan. Faedah-faedah yang diperolehi adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan Labuan IOFC memberi peningkatan kepada kemajuan pasaran modal antarabangsa di negara ini yang seterusnya akan memperkembangkan lagi sistem kewangan negara.
- (ii) Pusat Kewangan Labuan akan bertindak sebagai sumber alternatif untuk memenuhi keperluan kewangan dan pelaburan di rantau ini.

(iii) Dengan kemasukan syarikat-syarikat antarabangsa ke Labuan, yang tentu sekali memerlukan pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir, pelbagai peluang pekerjaan akan dihasilkan. Sebagai hasilnya, kadar pengangguran akan berkurangan. Di samping itu juga, rakyat Malaysia akan dapat mempelajari selok belok perdagangan antarabangsa melalui perpindahan teknologi.

- (iv) Untuk mencapai kejayaan sebagai IOFC yang berjaya, Kerajaan telah dan sedang menggiatkan usaha untuk memperbaiki kemudahan infrastruktur di Labuan bagi memenuhi keperluan pelabur-pelabur asing. Kemudahan-kemudahan soial dan kemudahan kesihatan yang moden akan juga dirasai oleh penduduk setempat.
- (b) Semenjak Labuan diisytiharkan sebagai sebuah IOFC pada bulan Oktober 1990, kejayaan adalah sangat menggalakkan. terdapat sejumlah 60 buah syarikat luar pesisir yang telah ditubuhkan/didaftarkan di Labuan IOFC. Di antaranya adalah 5 syarikat urusan bank, 1 syarikat insuran, 3 syarikat harta, 17 syarikat pelaburan, 14 syarikat perdagangan, 1 syarikat perunding, 9 syarikat amanah dan sepuluh syarikat juruaudit. Sehingga akhir Mac 1992, jumlah simpanan wang asing adalah sebanyak US\$392.4 juta dan jumlah pinjaman luar pesisir yang belum dijelaskan (outstanding) adalah sebanyak

US\$372.6 juta. Banyak pertanyaan mengenai kegiatan perniagaan di Labuan IOFC masih terus diterima dan sebilangan besar darinya telah menunjukkan minat untuk datang ke Labuan.

- (c) Pada masa kini Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk memperluaskan kawasan-kawasan lain dalam negara sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa.

RANCANGAN AGAMA/HIBURAN/ SUKAN DI TV—JUMLAH MASA SIARAN

78. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah jam yang diperuntukkan untuk menyiarkan rancangan agama, hiburan, sukan dan adakah Kerajaan bercadang untuk merubah peruntukan ini;
- (b) mengapakah tidak wujudnya penyeragaman terutamanya di antara TV1 dan TV2 dengan TV3 terutamanya soal-soal yang melibatkan fesyen pakaian dan rambut; dan
- (c) apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk menyerapkan perasaan cintakan negara melalui siaran radio dan TV.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:

- (a) Jumlah rancangan televisyen yang diperuntukkan untuk agama, hiburan dan sukan dalam masa sebulan adalah seperti berikut:

Agama : 54 jam 30 minit
Hiburan : 88 jam 15 minit
Sukan : 28 jam

Kementerian ini buat masa sekarang tidak berhasrat untuk merubah peruntukan jumlah masa siaran yang ada.

- (b) Kerajaan telah mengwujudkan dasar baru mengenai pakaian dan fesyen rambut bagi pelakon-pelakon dan dimestikan dipatuhi oleh semua stesen-stesen televisyen.
- (c) Banyak usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotisma dan cinta pada negara. Ini dijalankan melalui lagu-lagu patriotik, pertandingan lagu-lagu patriotik dan rancangan-rancangan yang bertemakan cinta pada negara. Usaha ini akan diteruskan dari masa ke semasa supaya semangat cinta kepada negara dapat dipertingkatkan sepenuhnya di kalangan rakyat negara ini.

STANDARD MUTU ALAM SEKITAR—PENGHEBAHAN

79. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sudah mengadakan penghebahan standard mutu alam sekitar dan pengawalannya dan keperluan penguatkuasaan yang lebih ketat;
- (b) bilangan kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan tadahan hujan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal daripada berlakunya pencerobohan pembalakan haram di kawasan berkenaan; dan
- (c) adakah Kerajaan mengkaji cara-cara "toxic waste disposal" dengan cara yang lebih baik seperti "biological waste

treatment” di mana bakteria digunakan untuk memusnahkan “toxic waste” yang terbukti dalam membaikpulih pencemaran hasil sisa bahan petrol.

Tuan Law Hieng Ding:

(a) Melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, standard mutu alam sekitar telah dihebahkan melalui Warta Kerajaan dan media massa. Pengawalan dan keperluan penguatkuasaan yang lebih ketat pula telah dihebahkan melalui Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekeliling yang diterbitkan setiap tahun oleh Jabatan Alam sekitar serta melalui media massa.

(b) Peraturan 8(1), Jadual keempat di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979, telah disenaraikan sebanyak 377 kawasan-kawasan tadahan iaitu kawasan-kawasan di hulu permukaan atau di atas bahagian bawah permukaan pengambilan perbekalan air, bagi maksud-maksud kegunaan manusia, termasuk air minuman. Bagi kawasan-kawasan tadahan air ini, kawalan penguatkuasaan ke atas pelepasan dari punca-punca pencemaran menggunakan standard yang lebih ketat lagi.

Mengenai pencerobohan pembalakan harian di kawasan berkenaan, Jabatan Hutan telah meningkatkan usaha penguatkuasaan dan pengawasan untuk mencegah dari berlakunya kejadian tersebut.

(c) Cadangan Yang Berhormat itu adalah baik. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, cara tersebut itu adalah satu cara pengolahan yang berkesan dan memang telah ada kilang-kilang penapis minyak mentah di negara ini yang mengamalkan kaedah “biological waste treatment” tersebut dengan mengadakan kemudahan-kemudahan yang dipanggil “land farming”.

Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Hutan adalah agensi yang lebih berkenaan untuk menjawab soalan ini.

**PASUKAN POLIS
HUTAN—PENUGASAN SEMULA
ANGGOTA**

80. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) rancangan Kerajaan untuk “re-deploy” anggota-anggota pasukan Polis Hutan (PPH) memandangkan Parti Komunis Malaya bersetuju menghentikan perjuangan bersenjata mereka;

(b) sama ada anggota Polis Hutan telah dapat menyesuaikan diri dengan tugas am “general duty” selaras dengan Sistem Salleh yang hendak dilaksanakan;

(c) Kerajaan bercadang meluaskan peranan dan seterusnya bilangan pesawat “Police Air Wing” untuk membantu lain-lain agensi Kerajaan seperti Pasukan Kastam dan Pasukan Imigresen; dan

(d) adakah terdapat pengurangan dalam tahun-tahun 1985 hingga 1990 dalam bilangan kes yang dirujuk kepada Suruhanjaya Polis mengenai pembabitian anggota Polis dalam kes rogol,

zina, peras ugut, samun dan lain-lain dan apakah kes tindakan disiplin ini menjejaskan kepercayaan awam terhadap pihak Polis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan telah pun melaksanakan penugasan semula, dengan izin "redeploy" anggota-anggota Pasukan Polis Hutan ke Cawangan Tugas-tugas Am dan mereka kini menjalankan tugas-tugas ronda, bit, pencegahan jenayah, penguatkuasaan undang-undang jabatan-jabatan Kerajaan lain di samping tugas-tugas mengawal perbatasan dan sempadan perairan negara dan menjaga ketenteraman awam.
- (b) Anggota Pasukan Polis Hutan tidak menghadapi masalah dan telah dapat menyesuaikan diri dalam menjalankan Tugas Am disebabkan mereka telah menjalani latihan asas dan latihan dalam perkhidmatan yang mana bentuk latihan itu meliputi kerja-kerja di Cawan Tugas-Tugas Am.
- (c) Mengenai Unit Udara Polis, Kerajaan sedang menjalankan kajian tentang kemungkinan membesarkan unit tersebut.
- (d) Jumlah anggota Polis yang terlibat dengan berbagai kes jenayah bagi tempoh tahun 1986 hingga 1991 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Anggota Yang Terlibat Kes Jenayah	Peratus
1986	300	0.41
1987	276	0.38
1988	436	0.57
1989	341	0.45
1990	319	0.41
1991	230	0.29

Dari perangkaan ini jelaslah bahawa bilangan anggota Polis yang terlibat dengan jenayah adalah kurang 1% setiap tahun dan peratusan yang dikenakan tindakan tatatertib pula di tahap yang rendah. Dengan yang demikian, kemampuan Polis sebagai agensi penguatkuasa yang utama tidak seharusnya terjejas.

KEMUDAHAN SEKOLAH DI KAWASAN PEDALAMAN SABAH

81. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa kemudahan sekolah-sekolah di negeri Sabah terutama di kawasan pedalaman masih kekurangan kemudahan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha menyediakan kemudahan untuk meningkatkan taraf pendidikan bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara. Di antara tindakan yang akan diambil ialah mengadakan kemudahan fizikal di sekolah mengikut keperluan supaya murid dapat belajar dalam keadaan yang lebih sempurna dan selesa, membina asrama-asrama desa untuk pelajar dan membina rumah-rumah guru. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Sabah telah diperuntukkan lebih \$300 juta untuk projek-projek pembangunan pendidikan. Kementerian Pendidikan juga akan menempatkan lebih ramai guru terlatih di sekolah-sekolah luar bandar untuk menampung kekurangan guru di kawasan berkenaan.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG AHLI
PARLIMEN
(SARAAN) (PINDAAN) (No.2)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminta Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA D.Y.M.M. SERI
PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
SULTAN AZLAN SHAH**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan.” (*6hb Mei, 1992*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sila sambung.

3.36 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung ucapan saya yang disampaikan sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan semalam. Pada ketika itu saya telah memberikan penjelasan terhadap cadangan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyasiat hal-hal yang berkaitan dengan alam sekitar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan penjelasan itu maka dengan ini bolehlah dirumuskan bahawa Kerajaan adalah mengambil perhatian yang berat dan sentiasa memastikan bahawa pemeliharaan dan pengawalan alam sekitar di negara ini dikendalikan dengan cekap dan berkesan berpandukan kepada peraturan-peraturan yang sedia ada. Kerajaan juga telah mempunyai mekanisma dan saluran-saluran yang cukup dan berkesan dalam menyuarakan pendapat sama ada di kalangan agensi-agensi Kerajaan mahupun sektor awam serta orang ramai dalam hal ehwal pengurusan alam sekitar di negara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat serta rakyat di negara ini haruslah berbangga kerana kejayaan negara ini dalam memelihara dan mengawal alam sekitar telah mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Dengan itu juga maka cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja mengenai aspek alam sekitar akibat pembalakan adalah tidak perlu.

Mengenai kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan Kedua Ketua-ketua Kerajaan di Rio de Janeiro pada bulan Jun, 1992

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, sebentar ya. Kepong bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Law Hieng Ding: Okay.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sekiranya Yang Berhormat tidak mahu menubuhkan Suruhanjaya tersebut, apakah jaminan yang boleh dibuat oleh Yang Berhormat ataupun Kerajaan Barisan Nasional untuk memastikan tidak berlakunya penyelewengan, tidak berlakunya pembalakan haram yang saya percaya paling teruknya berlaku di negeri-negeri seperti Sarawak. Kerana kawasan hutan adalah luas dan kawalan tidak begitu efektif, tidak begitu berkesan, maka banyak pembalakan haram berlaku. Bolehkah jaminan dibuat untuk memastikan tidak berlakunya hal seperti ini?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Itu adalah merupakan pandangan Ahli Yang Berhormat yang bersuara sama dengan environmentalis dari luar negeri. Dari segi pandangan dan makluman yang diterima oleh saya, umpamanya selepas Persidangan Kedua Menteri Negara-negara Membangun, mereka telah dijemput melawat Sarawak dan selepas mereka kembali ke sini dan dari maklumat yang saya terima—dan saya juga faham Ahli Yang Berhormat memang ada membaca pandangan dari ketua rombongan itu—beliau sangat berpuashati di atas langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri. Semua langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah membuktikan hasrat kita dan langkah yang berkesan untuk mengawal hutan kita, kita baharu sahaja melancarkan initiative for the greening of the world.

Kerajaan Negeri pun juga mengisytiharkan dia akan tetap terikat dengan cadangan ITTO. Oleh sebab itu saya nampaknya tidak payahlah menjawab apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri jalan lagi? Kepong bangun lagi.

Tuan Law Hieng Ding: Apa hendak jelas lagi? Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau itu pertunjukan atau persembahan Kerajaan Sarawak kepada tetamu-tetamu Eropah tadi begitu berkesan, bolehkah kami daripada DAP dipelawa untuk menyaksikan dengan sendiri apakah persembahan itu?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kalau berminat bolehlah bila-bila. Ini dalam negeri, senang sahaja. (*Ketawa*) DAP pun ada wakil di negeri Sarawak dan sahabat dia pun boleh memberi maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau berminat, Ketua Menteri memang akan pelawa bagi melihat sendiri untuk lebih keyakinan mengenai apa yang saya cakap.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sememangnya telah menetapkan untuk menghadiri persidangan tersebut. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan Rio de Janeiro bukanlah atas desakan daripada mana-mana pihak. Sebaliknya keputusan itu dibuat setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbang hasil Persidangan Kedua Menteri Negara-negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, di Kuala Lumpur baru-baru ini. Ianya juga adalah ekoran

daripada pendirian tegas dan kata sepakat para perwakilan negara-negara membangun berhubung dengan isu-isu utama mengenai alam sekitar.

Persidangan tersebut telah menghasilkan Deklarasi Kuala Lumpur yang jelas menunjukkan negara-negara membangun memberikan perhatian serius terhadap usaha-usaha mengatasi masalah alam sekitar secara bersepadu.

Negara ini sedia menyertai negara-negara lain dalam usaha untuk membentuk satu perkongsian sedunia bagi melindungi alam sekitar dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke persidangan di Rio de Janeiro itu juga merupakan komitmen negara ini terhadap Deklarasi Kuala Lumpur. Negara ini memainkan peranan penting dalam menyediakan Deklarasi Kuala Lumpur dan dengan demikian perlulah meneruskan peranan itu di samping mempertahankan Deklarasi tersebut.

Mengenai tuduhan kononnya Kerajaan telah memberi kontrak berbilion-bilion ringgit untuk memaju dan menjalankan kemudahan pengendalian buangan berjadual yang pertama kepada sebuah firma Denmark iaitu I. Kruger Engineering dan Rakan-rakan, saya ingin menjelaskan bahawa projek tersebut bukanlah merupakan projek Kerajaan. Manakala kos pembinaannya yang dianggarkan oleh I. Kruger Engineering dan Rakan-rakan hanya lebih kurang sebanyak \$190 juta sahaja dan bukannya berbilion-bilion seperti mana yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Kenyataan Ahli Yang Berhormat di atas kos projek tersebut bukan sahaja tidak tepat bahkan juga boleh mengelirukan rakyat dan tidak adil kepada firma berkenaan. Kerajaan telah memutuskan supaya pembinaan dan pengurusan kemudahan pengendalian buangan berjadual itu hendaklah dilaksanakan oleh sektor swasta.

Berikutan daripada itu, Kerajaan telah mempelawa sektor swasta bagi melaksanakan pembinaan kemudahan tersebut. Sebanyak 15 firma yang berminat telah mengemukakan permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua firma telah dipilih iaitu I. Kruger Engineering dan Rakan-rakan dan juga Chem-Security dari Kanada. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu yang mengutamakan kepada pengalaman dan kebolehan teknikal firma yang mengemukakan permohonan di samping tidak mengharap bantuan kewangan daripada Kerajaan. Namun demikian, syarikat Chem-Security akhirnya telah menarik diri kerana syarikat berkenaan tidak meneruskan kajian EIA iaitu salah satu syarat penting bagi meneruskan projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa komposisi konsortium bukanlah merupakan salah satu kriteria yang dipertimbangkan.

Berasaskan kepada penjelasan saya sebentar tadi, maka nyatalah bahawa proses pembinaan dan pengurusan kemudahan buangan berjadual itu dilaksanakan dengan adil, terbuka dan transparent, dengan izin. Pemilihan tapak kilang ini di Bukit Nanas, Negeri Sembilan dibuat dengan berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang diantara lain ialah kedudukan tapak yang strategik dari aspek ekonomi, topografi yang sesuai, bebas dari banjir dan jauh dari tadahan air. Tambahan pula firma ini adalah dikehendaki mematuhi dengan sepenuhnya peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling termasuk menjalankan dan menemui kehendak EIA. Maka dengan itu kita haruslah menunggu proses EIA yang akan dikemukakan oleh I. Kruger Engineering.

Sementara itu eloklah tidak dibuat sebarang spekulasi sama ada tapak ini sesuai atau tidak. Dalam hal ini juga

saya ingin meminta kerjasama dari semua Ahli Yang Berhormat supaya tidak mempolitikkan isu ini demi kepentingan rakyat di negara ini. Kita harus bekerjasama untuk memberi bantuan dan pimpinan kepada rakyat bagi menentukan buangan berjadual yang semakin bertambah itu diurus dan dilupuskan dengan cara yang selamat di satu kawasan yang sesuai. Jika pemilihan tapak yang sesuai tidak dapat diselesaikan, maka pelupusan buangan berjadual akan menjadi tidak teratur yang akhirnya akan membahayakan rakyat negara ini.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mengimbangkan pembangunan, pemuliharaan dan pengawasan alam sekitar, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan Ahli Yang Berhormat kepada Kerajaan dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti pengawalan dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat di negara ini, pada masa kini dan pada masa-masa akan datang. Saya sangat bersetuju....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat sebentar, Ipoh bangun.

Tuan Law Hieng Ding: Sila.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Menteri berkenaan adakah benar atau tidak menurut jawapan yang telah diberi oleh Menteri sendiri, di mana sesuatu projek atau sesuatu tapak pelupusan atau pembuangan sisa-sisa toksid itu jika tapak itu diperlukan dengan segera atau tergepar memandangkan banyaknya buangan atau sisa-sisa itu kena dibuang

dengan serta-merta; Kementeriannya boleh mengecualikan penetapan EIA itu untuk membenarkan projek itu dijalankan terus tanpa kebenaran dan kelulusan serta kajian daripada EIA. Adakah itu benar?

Kalau itu benar, di merata-rata tempat seperti di negeri Perak terdapat dua tapak pembuangan, satu tapak pembuangan sisa-sisa radio aktif di Lahat dan satu lagi tapak pembuangan sisa-sisa toksid dan bukan toksid, juga di Lahat. Kedua-dua tempat itu terletak dalam satu kawasan. Adakah ini mengikut ketetapan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh EIA atau Kementerian sendiri?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada soal itu. Memang ada peraturan yang menguruskan semua tempat untuk pembuangan sisa-sisa terjadual, tidak kira di mana-mana tempat sekali pun ada peraturan yang mengikut EIA. Saya ingin memaklumkan di sini, EIA hanya dilaksanakan pada bulan April 1988 sahaja. Apa-apa tapak yang telah diusahakan sebelum dikuatkuasakan peraturan ini tidak dikehendaki menjalani peraturan EIA. Jikalau Ahli Yang Berhormat ada maklumat-maklumat bahawa ada tempat yang digunakan untuk menyimpan sisa terjadual itu bolehlah memberi maklumat kepada Kementerian saya untuk disiasat.

Tuan Lau Dak Kee: Saya dapati walaupun laporan EIA terpaksa diadakan pada tahun lepas, tetapi sekarang ini, masalahnya bukan projek-projek itu yang dibuat pada masa yang lalu tetapi adakah tapak-tapak pembuangan itu telah dikenalpasti dan telah ditentukan pada masa sekarang. Ini bermakna laporan EIA perlu diadakan seperti tapak pembuangan di Seremban, Negeri Sembilan yang baru diwujudkan dan tapak pembuangan sisa

terjadual atau tidak terjadual, toksid ataupun tidak toksid. Begitu juga tapak pembuangan baru yang ditetapkan di negeri Perak supaya ditempatkan di satu tempat. Maka di sini saya hendak tahu apakah rasionalnya kedua-dua tapak pembuangan radio aktif dan toksid atau tidak toksid diletakkan di satu tempat. Apakah rasionalnya? Itu yang saya hendak tahu.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jelaskan tadi, mungkin ada tempat yang telah ditentukan sebelum peraturan ini dikuatkuasakan. Mengikut pengetahuan saya tidak ada tapak-tapak di Negeri Sembilan dan Perak yang digunakan sebagai tempat pembuangan sebagaimana yang ditafsirkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai tempat pembuangan terjadual. Apa yang diklasifikasikan sebagai pembuangan terjadual itu mestilah ditentukan betul-betul ia ada di dalam jadual itu. Saya minta jikalau ada mana-mana tempat yang benar-benar atau diketahui oleh Yang Berhormat berilah nama kepada saya, saya akan menjalankan siasat.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Law Hieng Ding: Cukuplah.

Tuan Lau Dak Kee: Saya sudah beri beberapa maklumat kepada Timbalan Menteri dan nampaknya Timbalan Menteri pun sedia menjalankan tindakan, tetapi nampaknya tidak begitu berkesan di mana tapak-tapak pembuangan yang haram dan tidak haram dan tidak dibenarkan, masih wujud lagi.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat itu, itulah jawapannya. Memanglah mana-mana pihak pun ada tempat pembuangan terjadual yang haram. Jikalau ada bukti kita akan siasat.

Tuan Yang di-Pertua, syor Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang telah menyentuh usaha-usaha pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga langkah-langkah pencegahan lapisan ozon. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi penghargaan terhadap usaha-usaha tersebut. Satu jawatankuasa pembantu pelaksanaan Protocol Montreal di peringkat kebangsaan telah ditubuhkan yang memainkan peranan merangka dasar-dasar dan strategi-strategi pelaksanaan ketetapan Protocol Montreal di negara ini dan akan terus mengawasi program dan aktiviti melindungi lapisan ozon.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga merasa kesal di atas peristiwa di mana negeri Singapura menjadikan Malaysia sebagai tempat pembuangan bahan-bahan toksid. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas perhatian berat yang diberikan. Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Singapura juga memberi perhatian serius ke atas perkara ini serta telah dan sedang memberi kerjasama penuh kepada Kerajaan Malaysia. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan terus menyusuli perkara ini dengan pihak yang berkenaan supaya tindakan dapat diambil terhadap pihak yang didapati bersalah.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh menyanjung tinggi pendirian Kerajaan yang tegas dan tidak tunduk dengan ugutan sama ada dari dalam atau di peringkat antarabangsa ketika menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar yang akhirnya negara ini telah dipandang tinggi serta membuktikan kebenaran dengan wujudnya Deklarasi Kuala

Lumpur. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih di atas kepekaan Ahli Yang Berhormat ke atas usaha-usaha Kerajaan berhubung dengan pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar sama ada di negeri ini mahupun di peringkat antarabangsa. Begitu juga.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri sebentar, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan sedikit. Kalau kita bercakap hal environment ataupun alam sekitar ini, memang kita tidak dapat mengelakkan dari bercakap hal penebangan kayu atau pembalakan. Jadi, ada sebahagian daripada kita menyatakan bahawa pembalakan bukan berlaku di negeri Malaysia ataupun dunia sebelah sini sahaja (di hutan tropika) tetapi juga berlaku di dunia Barat iaitu di temperate climate. Jadi, soalan saya yang pertama, kadang-kadang jawapan daripada Barat mengatakan bahawa fungsi-fungsi hutan tropika dengan fungsi-fungsi hutan temperate ini ada berlainan. Jadi soalan saya apakah fungsi-fungsi yang berlainan itu?

Kedua, soalan mengenai undang-undang negara—adakah sudah mencukupi untuk membanteras supaya pencemaran alam sekitar tidak berleluasa di negara ini?

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Fungsi-fungsi hutan tidak kira dari manapun, sama ada tropika atau temperate atau borea—fungsinya adalah sama. Tetapi anti-tropika memang ianya mempunyai niat yang tidak baik untuk mem-

banteras perkara ini dari segi ekonomi. Jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat kedua itu, memang Kerajaan sedang dan telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyemak semula undang-undang yang ada sekarang demi untuk meningkatkan lagi undang-undang yang ada dengan lebih sesuai dan selaras dengan usaha-usaha kita dalam pembangunan ekonomi yang begitu pesat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Ada satu lagi soalan. Saya sudah lupa, action sangat tadi lalu terlupa.

Soalan pembalakan—kita kadang-kadang menyatakan satu pembalakan di "catchment area" biasanya dirizab supaya pembalakan tidak dilakukan di sana, tetapi macam manakah supervisi Kerajaan ataupun tindakan Kerajaan kalau ada pembalakan di "catchment area", undang-undang mesti juga menetapkan ada satu peruntukan supaya pembalakan jangan dilaku bukan di "catchment area" supaya tidak menjejaskan saluran air negara? Terima kasih.

Tuan Law Hieng Ding: Oleh kerana hutan ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, kita semua tahu, tetapi semua hutan ini di dalam kawasan tadahan air adalah diisytiharkan sebagai hutan simpanan. Oleh sebab itu, hutan simpanan ini sebenarnya tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa aktiviti pembalakan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sibu yang telah memberikan sokongan kepada Kerajaan ke atas usaha mengelakkan pencemaran alam sekitar kesan daripada pembalakan.

Akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran yang lebih membina.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri berakhir, saya ingin bertanya. Ini berkenaan dengan satu projek sebanyak \$1,200 juta di Melaka. Tujuh projek Ona Steel. Satu projek dari negeri Taiwan. Adakah satu EIA report telah dibuat mengenai projek sebanyak \$1,200 juta kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyatakan bahawa EIA tidak dibuat? Adakah ini benar? Dan saya baca daripada satu kenyataan akhbar di suratkhbar, saya ingin dapat penjelasan mengenai perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau Ahli Yang Berhormat ada baca laporan dalam suratkhbar hari ini, baru sahaja saya bacalah sebelum saya datang ke sini. Soalan seperti itu telah dijawab di Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka yang mana EXCO bertanggungjawab ke atas perkara itu telah memberi jaminan EIA akan dijalan atas projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bandar Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengapa sampai sekarang tidak ada satu EIA pun dijalankan untuk menentukan kesan buruk yang

diakibatkan daripada aktiviti pembalakan kayu ke atas alam sekitar di negeri Sarawak itu—satu laporan pun tidak ada, walaupun peraturan ini sudah dikuatkuasakan pada 1hb April, tahun 1988. Kenapa satu laporan pun tidak ada? Oleh sebab saya terima surat dan jawapan dari Dewan ini bahawa tidak ada satu EIA pun dibuat ke atas sesuatu konsesi pembalakan kayu di negeri Sarawak.

Soalan kedua ini, bolehkah Yang Berhormat menimbangkannya supaya pihak Jabatan DOE ataupun Yang Berhormat sendiri memberi satu taklimat kepada semua Ahli-ahli Parlimen DAP dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini? Jikalau saya tulis surat, mungkin tidak payah selalu lawan di antara satu sama dengan lain. Jikalau kami minta satu taklimat yang penuh yang boleh mungkin menjimatkan banyak masa dalam Dewan yang mulia ini, bolehkah atau tidak boleh?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara EIA ke atas hutan ini, saya sudah beberapa kali telah menjawab di dalam Dewan ini oleh kerana ke atas teknikalnya kesemua lesen-lesen yang ada di Sarawak ini, maklumat yang kita terima ialah telah dikeluarkan sebelum dikuatkuasakan EIA ini. Oleh sebab itu, kita tidak boleh buat apa-apa mengikut undang-undang.

Dan untuk menjawab soalan yang kedua, ini saya fikir kita ada banyak tempat yang kita boleh bertemu dan jika Ahli Yang Berhormat khasnya dari DAP, ingin mendapat maklumat, bila kita boleh bertemu di Parlimen ini; saya fikir tidak payah kita mengadakan satu taklimat khas.

Ahli yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran yang membina kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, jika ada pandangan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang tidak sempat disentuh dan dijelaskan di Dewan yang mulia ini maka saya berjanji akan mengambil perhatian dan tindakan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan itu mengikut kesesuaian. Sekianlah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Penerangan.

4.06 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang telah banyak memberi pandangan dan cadangan terhadap Kementerian Penerangan. Minat serta pandangan Yang Berhormat daripada kawasan Kota Setar dan lain-lain Ahli Yang Berhormat adalah disanjung oleh Kementerian saya kerana ianya banyak menyuarakan perkara-perkara yang positif yang boleh diambil tindakan oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, di atas sokongan Ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha Kementerian untuk membendung penampilan dan perkembangan pengaruh budaya rock adalah saya ucapkan berbilang terima kasih di atas sokongan ini. Sebenarnya, rambut panjang bukanlah menjadi isu yang besar. Yang mahu dibendung oleh Kementerian Penerangan ialah pengaruh budaya rock yang berpunca dari "woodstock" dari Amerika Syarikat. Budaya rock pada permulaannya dikaitkan dengan rambut panjang, pakaian serba tidak sempurna kemudian akan menular kepada pengaruh-pengaruh lain seperti penglibatan dengan dadah, pergaulan seks yang tanpa batasan dan akhirnya kepada penularan budaya "homoseksualisme" dan "lesbianisme". Sebab

itulah, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini budaya ini telah diterima umum di dalam negara-negara tertentu.

Kementerian Penerangan menyedari bahawasanya masyarakat kita, berseesuaian dengan matlamat Wawasan 2020, tidak akan menerima budaya tersebut. Malah ianya merupakan satu budaya yang bertentangan dengan matlamat Wawasan 2020. Oleh itu, Kementerian Penerangan merasakan bertanggungjawab kepada masyarakat umum untuk membantu menghindarkan pengaruh ini daripada menular ke negara kita. Adalah diharapkan bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen Malaysia yang akan memberi sokongan terhadap usaha murni RTM ini, malah seluruh masyarakat termasuk mereka yang terlibat dengan sebarang bentuk seni sama ada seni lakon atau seni nyanyi, seluruh pencinta dan pendokong seni perfileman seharusnya memberi sokongan yang sama dan membantu RTM dalam usaha-usaha murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, RTM tidak berhasrat untuk mengamalkan "double-standard" dalam melaksanakan dasar ini. Filem-filem luar negeri akan terus ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem yang telahpun diarah oleh Kementerian Penerangan untuk memperketatkan lagi penapisannya supaya rancangan-rancangan yang diimport yang mengandungi unsur-unsur budaya rock dan lain-lain, dengan izin, reject culture yang keterlaluan yang mungkin akan mempengaruhi muda-mudi ke arah kehancuran akan juga disekat dari penyiaran.

Usaha-usaha ini tidak dapat dilaksanakan secara, dengan izin, abrupt. Ianya memerlukan kefahaman dan masa. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan agar Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar terhadap usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengiklanan, sukacita saya menyatakan bahawa semua iklan-iklan

yang telah disiarkan, sedang disiarkan dan akan disiarkan oleh RTM adalah tertakluk kepada penapisan oleh LPF dan Kod Pengiklanan Kementerian Penerangan sendiri. Kod Pengiklanan bertujuan untuk membantu mengawal pengiklanan agar ianya tidak keterlaluan dan membantu memelihara kepentingan masyarakat umum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua stesyen televisyen swasta akan diselaraskan penggunaan kod pengiklanan ini.

Kerajaan telahpun mengharamkan pengiklanan rokok, namun begitu pengiklanan jenama rokok masih lagi dibenarkan. Berkenaan dengan penayangan iklan-iklan yang bercorakan promosi negara-negara luar, sebenarnya ianya diizinkan.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya habiskan ayat ini dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan penayangan iklan-iklan yang bercorakan promosi negara-negara luar, sebenarnya ianya diizinkan untuk membolehkan kita mendapat, dengan izin, reciprocal treatment dari luar negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasanlah. Saya dengar tadi Yang Berhormat menyatakan ada dasar untuk menyekat iklan rokok di television. Adakah syarat ini berkesan sebab semalam saya ada sebutkan tiap-tiap tahun bilangan perokok daripada kalangan muda meningkat 5%. Ini bermakna di dalam Rancangan Malaysia Kelima itu, kita ada memperuntukkan \$2.2 bilion untuk kesihatan. Tetapi perokok-perokok Malaysia akan memperbelanjakan dalam jangka 5 tahun ini \$8.5 bilion.

Itu mungkin akibat daripada iklan TVnya yang banyak benar. Kalau kita menyaksikan tiap-tiap malam itu, sekarang itu Thomas Cup dan Uber Cup bukan main iklannya walaupun rokok-rokok tidak ditunjukkan tetapi nama rokok itu ada.

Apakah tujuannya untuk menghadkan walhal tidak ada kesan langsung? Bukan tidak berkesan, bertambah kesannya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia bertanya pun tidak serius, dia asyik ketawa sahaja. Jadi, saya hendak jawab serious pun, saya tidak tahu. Sebenarnya, saya telah menyatakan tadi, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Kepong tengah tidur atau tengah jaga, bahawasanya Kerajaan telah mengharamkan pengiklanan rokok, hanya jenama sahaja diizinkan. Itu ada perbezaan.

Saya hendak beri contoh, ibarat. Sekarang ini Kerajaan sedang giat mempopularkan kegunaan Proton Saga dan pada satu masa nanti Proton Saga akan laku bukan sahaja di negara kita tetapi di ASEAN dan di seluruh nusantara pelusuk dunia. Tetapi apa kata pada satu ketika Proton ataupun EON berhasrat untuk mengeluarkan rokok. Adakah Proton tidak boleh menggunakan perkataan "Proton" semata-mata kerana ia telahpun mengeluarkan rokok? Saya rasa tidak adil kerana yang hendak dipromotekan ialah kereta Proton Saga dan kebetulan dia mengeluarkan rokok. Jadi, oleh kerana itu pada pandangan saya, tidak ada salah pada jenama.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertumbuhan penghisap rokok, sebenarnya kata Ahli dari Kepong tadi pertumbuhan 5%. Kalau iklan rokok ini dibenarkan, saya jamin pertumbuhan boleh mencapai 55%. Jadi, ada kesannya, sekurang-kurangnya penguurangan kepada pertumbuhan ini.

Dr Tan Seng Giaw: 55%.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Itulah. Itu mustahil pada pandangan Kepong, yang pandangan "terkepong". Jadi, pada pandangan saya tidak mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ini kalau sekiranya tidak disekat, kalau kita terus mendewa-dewakan rokok sebagai satu budaya yang baik, saya percaya pertumbuhan yang lebih daripada 5%. Itu sahaja maksud saya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya diizinkan untuk meneruskan jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi berkenaan dengan penayangan iklan-iklan yang bercorakkan promosi negara-negara luar, sebenarnya ianya diizinkan untuk membolehkan kita mendapat, dengan izin, reciprocal treatment dari negara-negara luar. Kita memerlukan pengiklanan yang luas di negara-negara maju dan membangun, di negara-negara jiran dan yang jauh bagi mengiklankan destinasi Malaysia sebagai sebuah negara yang harus dilawati oleh pelancong dan juga oleh usahawan-usahawan tempatan mereka. Oleh kerana manfaat ini besar kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam pembangunan perindustrian serta perkembangan kemajuan pelancongan dalam negara kita, maka adalah dirasakan pengiklanan yang kecil yang diizinkan oleh RTM bagi iklan-iklan yang bercorak pendedahan kepada negara-negara asing seperti Amerika Syarikat tidaklah keterlaluan, malahan berpatutan memandangkan pulangan yang kita perolehi dari berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, iklan merupakan hasil kepada RTM dan iklan juga digalakkan oleh Kerajaan ber-sesuaian dengan dasar Kerajaan bagi menggalakkan stesen-stesen televisyen khususnya, meluaskan dan mempertingkatkan punca hasil mereka dengan memberi penggantungan yang minima kepada pemberian ataupun peruntukan Kerajaan sendiri.

Kementerian Penerangan sangat menyedari terhadap perlunya masyarakat dilindungi daripada iklan-iklan yang keterlaluan. Buat masa ini, melalui Kod Pengiklanan, tapisan dalaman dan tapisan Lembaga Penapisan Filem, iklan-iklan kita sangat peka kepada mempertahankan maruah bangsa dan negara. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang kerana RTM sendiri sanggup menghadapi kerugian dengan menolak penayangan banyak iklan-iklan yang sangat diminati oleh sebahagian besar masyarakat liberal dalam negara kita. Demi kepentingan moral dan maruah, sepertimana diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, RTM tetap menolak iklan-iklan tersebut dari disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian saya.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Yang Berhormat akan beri peluang kepada saya kerana ini cerita yang bagus. Saya mengucapkan terima kasih kepada RTM kerana telah menjadi mata telinga dan pengembang komunikasi Kerajaan dan terutama

sekali di Sarawak umpamanya ada satu program yang dikatakan "Selamat Pagi Bumi Kenyalang (SPBK)" yang diminati ramai sekali. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah SPBK itu sebenarnya dalam program bahasa Melayu tetapi lagu-lagu yang dikeluarkan itu bercampur-campur dengan lagu Jepun dan macam-macam. Jadi kalau kita dengar program-program Cina atau Inggeris tidak pernah pun keluar lagu Melayu. Kenapa pula dalam program Melayu, kita keluarkan lagu macam-macam? Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, tiap-tiap kali pertolongan diberi mengenai alamat atau kehilangan barang-barang yang diannounced dalam SPBK ini, announcer itu selalu sebut "inilah perkhidmatan kami" seolah-olah tiap-tiap kali kita buat begitu atau terima maklumat macam itu, kita sangat-sangat terhutang budi dengan pihak RTM.

Yang ketiga, ada juga orang mengatakan lagu asli ini akan pupus selama 10 tahun lagi kerana orang-orang tua semua sudah habis. Yang muda semua dengar lagu pop kerana yang banyak keluar terutama sekali dalam TV3 ialah lagu Michael Jackson sahaja. Mana hilangnya "Puteri Santubong" atau "Pantai Puteri" dari Johor itu? Jadi, macam mana hendak membaiki keadaan supaya lagu asli ini diminati ramai semula selaras dengan kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari yang lepas.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ketiga-tiga perkara itu tidak ada di dalam perbincangan asal tetapi walau bagaimanapun, saya menghormati Ahli Yang Berhormat. Saya rasa mengenai soalan yang pertama berkenaan dengan "Selamat Pagi Bumi Kenyalang", saya rasa gembira mendengar bahawasanya rakyat Sarawak melalui Ahli Yang Berhormat sangat bersetuju kepada

program sedemikian dan ianya akan memberi galakan kepada pihak Kementerian khususnya RTM untuk memperbaiki lagi program ini bersesuaian dengan pandangan dari Yang Berhormat Batang Lular tadi iaitu hendak melebihkan lagi lagu tempatan.

Yang kedua, berkenaan dengan perkhidmatan apa yang disebut oleh mereka "inilah perkhidmatan kami", saya rasa itu hanya hendak mengingatkan pada umum sahaja. Kadang-kadang orang kita mudah terlupa.

Yang ketiga, berkenaan dengan lagu-lagu asli, ini adalah satu perkara yang saya akan ambil tindakan dan akan mengarahkan RTM untuk memperlihatkan perkara ini.

Saya hendak ingatkan Ahli Yang Berhormat bahawasanya program seperti "Selamat Pagi Bumi Kenyalang" diselitkan dengan lagu-lagu Jepun, lagu-lagu Inggeris dan kadang-kadang lagu-lagu Hindustan adalah untuk mempelbagaikan jenis hiburan supaya masyarakat Malaysia ini memahami bahawasanya kita hidup di dalam masyarakat yang majmuk. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri Penerangan telahpun mengarahkan dalam program-program radio umpamanya tempatan ataupun radio 5 dalam bahasa Cina akan juga digalakkan mereka menyiarkan lagu-lagu Melayu atau lagu-lagu Inggeris untuk mengingatkan mereka bahawasanya mereka adalah, dengan izin, a part of an environment yang majmuk. Begitu juga radio 6 dalam bahasa Tamil akan juga digalakkan menyiarkan lagu-lagu daripada bahasa-bahasa lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian di dalam membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.20 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa berbahas mengenai Titah Ucapan DiRaja.

Setelah meneliti ucapan Ketua DAP, tidaklah sukar bagi kita membuat satu kesimpulan iaitu DAP kini ketandusan modal politik. (*Tepuk*) Bagi parti politik Pembangkang, lebih-lebih lagi bagi DAP, ini satu masalah yang serius. Sebabnya, selama ini DAP dapat melangsungkan hidupnya kerana publisiti dan kerana mempermainkan sesuatu isu. Tidak ada modal politik, tidak ada isu, maka sukarlah mendapat publisiti. Tanpa publisiti DAP pasti hancur. Oleh sebab itu dalam keadaan yang agak desperate, dengan izin, iaitu dalam keadaan hampir kehilangan akal DAP akan cuba apa sahaja untuk mencari publisiti.

Ketua DAP telah banyak kali membangkitkan isu Kad Pengenalan baru dan cuba mengungkit-ungkitkan emosi masyarakat Cina. Mujurlah tidak berjaya. Ketua DAP juga memainkan isu kampung baru serta juga puteranya, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah memainkan isu kampung baru selama 20 tahun. Tetapi penduduk-penduduk kampung baru kini telah insaf bahawa apa yang ketua DAP lakukan semata-mata bertujuan untuk mencari publisiti demi kepentingan parti itu sahaja.

Parti itu selama ini tidak membawa apa-apa manfaat kepada penduduk-penduduk kampung baru. Kebelakangan ini.....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka bangun.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Biar saya habiskan ini dahulu. Kebelakangan ini Ketua DAP membangkitkan isu perumahan pula. Tuan Yang di-Pertua, ini suatu isu yang penting. Kerajaan amat mengambil berat tentang soal perumahan. Kerajaan juga amat serius dalam memastikan bahawa rakyat jelata terutama sekali golongan berpendapatan rendah menikmati kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya tak mahu diganggu sekarang, saya mahu habiskan ini dahulu, kemudian kepada tiap-tiap seorang itu saya akan berikan satu peluang. Okay?

Tuan Lim Guan Eng: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Jadi, berdasarkan.....

Tuan Lim Guan Eng: (Menyampuk)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu perjalanan fikiran saya terganggu.

Seorang Ahli: Ini tidak benar. Tidak berani, takut menjawab!

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, sila duduk!

Tuan Lim Guan Eng:
(*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri. Yang Berhormat, ini tidak ada tawar-menawar di sini. Yang Berhormat Dato' Menteri, teruskan kalau tidak beri jalan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, ini memang tabiat setengah-setengah Ahli-ahli dari DAP, yakni mahu mengkritik orang lain, tetapi tidak boleh dikritik. (*Tepuk*) Tuan Yang di-Pertua, mengkritik itu bukan monopoli DAP. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu, Jelutong bangun.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Biar saya habiskan ini. I will give you one chance, okay?

Tuan R. Karpal Singh: Give the chance now!

Dato' Dr Ting Chew Peh: No, no, no, tidak boleh. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, teruskan. Kalau hendak beri, cakap demikian.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau hendak beri, beri sekarang, bukan di masa depan. (*Disampuk*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, orang ini belum "jawa" lagilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ini tidak tahu Peraturan Mesyuarat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jangan kita pergi jauh sangat.

Tuan Lim Guan Eng: Ini orang buta! (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri atau tidak?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau tidak beri, teruskan sahajalah.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada ucapan beliau, saya rasa Ketua DAP tidak langsung mengikuti perkembangan.

Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, point of order 44(1).

Seorang Ahli: Duduk dahulu, bagus!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 44? Nanti dahulu, sila bacakan Yang Berhormat.

Dr Kua Kia Soong: Peraturan Mesyuarat 44 berbunyi:

"The Chair, after having called the attention of the House, or of the

Committee, to the conduct of a member who persists in irrelevance, or in tedious repetition.....”

Yang Berhormat Menteri belum lagi sentuh kepada isu yang ditimbulkan atau dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. *(Disampuk)*

Seorang Ahli: Nanti dia habis dahulu. Ini tidak adil. Biar dia habis dahulu!

Tuan Lim Guan Eng: Biar dia habis, sebab ini point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 44(1) ya?

Dr Kua Kia Soong: Tedious repetition.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa Yang Berhormat bangkitkan point of order 44(1), ini tak kena pada tempatnya. Teruskan dan Yang Berhormat, sila menyentuh apa yang dibangkitkan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Terima kasih. Apa yang saya bangkitkan itu semua ada dalam ini. Saya ada check, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya memang tidak faham apa yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ketua DAP tidak langsung mengikuti perkembangan dan pertumbuhan industri perumahan di negara ini sehingga apa yang sebenarnya kejayaan dianggapnya sebagai kegagalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak 707,000 unit rumah telah dibina di seluruh negara dan

daripada jumlah ini, lebih daripada 90% adalah rumah jenis kos rendah dan kos sederhana. Angka ini tidak lagi termasuk rumah-rumah yang dibina di bawah skim pinjaman perumahan dan rumah-rumah yang dibina oleh individu yang tidak memerlukan lesen pemaju, iaitu projek yang tidak melebihi 4 unit.

Angka 707,000 bukan satu angka yang kecil. Walau dilihat dari apa segi pun, pencapaian Malaysia dalam bidang perumahan adalah sesuatu yang boleh dibanggakan. Kita bukan mahu masuk bakul angkat diri sendiri. Prestasi dan kejayaan kita mendapat pengakuan dan pujian dari pelawat-pelawat luar negeri. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Pembinaan Republik Rakyat China dan Menteri Perumahan dari Iran, Indonesia, Mesir, Sri Lanka, semuanya tertarik dan kagum dengan kejayaan kita dalam perumahan *(Tepuk)*

Semasa mereka datang melawat negara ini, semuanya memuji Malaysia atas usaha gigih kita dalam bidang perumahan. Saya amat hairan, Tuan Yang di-Pertua, cuma DAP sahaja yang mengatakan kita gagal dalam perumahan.

Seorang Ahli: Ya, bohong!

Dato' Dr Ting Chew Peh: DAPlah yang nampaknya tidak ingin melihat Malaysia mencapai kejayaan. *(Disampuk)*

Seorang Ahli: Bohong, ini bohong!

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, yang bercakap bohong itu orang yang belum “jawa” lagilah. Itu bodoh, dia tak faham apa maksud “jawa”.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru bangun.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Beri, okay.

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih. Saya cuma hendak tahu, tadi dikatakan ramai orang-orang luar memuji Kementerian Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, semasa pelawat-pelawat rasmi itu datang, apa agaknya makanan jamuan yang disaji kepada mereka itu hingga mendapat pujian yang tinggi? *(Tepuk)*

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan dalam bidang perumahan itu tidak kena-mengena dengan makanan itu. *(Ketawa) (Tepuk) (Disampuk)*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: *(Bangun)*

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya teruskan, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Larut bangun pula.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Okay, beri.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Penjelasan. Yang Berhormat Menteri, adakah kalau DAP juga diberi makan best-best, dia suka pada kita? *(Ketawa)*

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, memanglah, memang kita tidak beri makanan best-best kepada DAP, mana boleh!

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelaksanaan Program Khas Perumahan Kos Rendah ataupun PKPKR, saya juga hairan kenapa DAP begitu bising sehingga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sanggup mengeluarkan beberapa kenyataan akhbar tentang hal yang sama dengan berbagai-bagai tuduhan yang tidak berasas. Dalam soal ini sikap DAP

tetap amat negatif seolah-olah semuanya tidak betul, pada hal tujuan asal program khas ini ialah untuk menyediakan kemudahan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah di samping memberangsang pertumbuhan ekonomi negara ketika negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong khasnya, sasaran asal PKPKR ialah membina sebanyak 240,000 unit rumah kos rendah dan sehingga 30 haribulan September tahun 1991, sebanyak 112,679 unit telah siap dibina manakala sebanyak 109,373 unit masih berada di dalam berbagai peringkat pembinaan.

Oleh kerana sambutan yang begitu baik daripada pemaju-pemaju swasta yang ingin menyertai PKPKR, sebanyak 966 projek yang mengandungi 328,391 unit telah didaftarkan di bawah program ini. Jumlah unit rumah yang didaftarkan ini telah melebihi sebanyak 88,391 unit ataupun 36.8% daripada sasaran asal program ini. Hakikat ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu sambutan yang baik dari pemaju swasta dan jumlah unit yang kita bina setakat ini adalah suatu bukti kejayaan kita. Amatlah tidak adil bagi Ketua DAP mengatakan bahawa PKPKR kita telah gagal. Tuduhan Ketua DAP menunjukkan sekali lagi.....

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Beliau sanggup melakukan apa sahaja asalkan boleh mendapat publisiti.

Saya hairan Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan boleh beri?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak apalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Menteri tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak gentleman—tidak menunaikan janji. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Sila duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila bersikap dengan senonoh.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Sila duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Beliau tidak beri jalan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Sila ikutilah Peraturan Mesyuarat. Duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi beri jalan, dia tidak bertanggungjawab.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada jalan untuk Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat Menteri, saya hendak nasihatkan Yang Berhormat Kota Melaka. Kalau hendak menyoal

sesuatu, buatlah mengikut peraturan dan peradaban, dan tidaklah senonoh kalau hendak bercakap dengan sewenang-wenangnya. Ini bukan budaya yang patut kita ikuti dalam Dewan yang mulia ini, faham? (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri sila teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap DAP tidak mengganggu saya, kerana apa yang saya katakan ini semua adalah kenyataan dan juga selain daripada kenyataan, saya juga ingin memberikan sedikit nasihat kepada DAP mudah-mudahan mereka ini boleh kembali ke pangkal jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa Ketua DAP tidak mengakui hakikat bahawa PKPKR telah mewujudkan peluang kerja kepada beribu-ribu orang termasuk penyokong-penyokong DAP juga.

Saya juga merasa kecewa kenapa DAP tidak mengakui hakikat bahawa PKPKR dengan penyediaan sebanyak 112,679 unit rumah telah memberi kemudahan perumahan kepada lebih daripada 560,000 orang dan termasuk penyokong-penyokong DAP juga.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun, hendak beri jalan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ya, Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah benar dari tahun 1986 hingga 1989 satu matlamat ditetapkan oleh Kementeriannya untuk

PKPKR ialah sebanyak 328,392 unit rumah kos rendah dan matlamat itu pada tahun 1989 semua ini akan diselesaikan. Kemudian kerana tidak dapat diselesaikan, maka dilanjutkan tiga tahun lagi. Dan soalnya matlamat yang ditetapkan untuk tahun 1989, tetapi setakat ini tidak dapat dipenuhi, tidak dapat ditunaikan, tidak dapat dikotakan. Itulah soalnya, kalau hendak bina setakat yang boleh disiapkan, itu baik untuk semua—untuk pekerja, untuk orang yang membeli rumah dan sebagainya—itu baik. Tetapi soal yang pokok matlamat itu untuk disiapkan pada tahun 1989, tetapi sekarang sudah tahun 1992.

Tuan Tan Kok Wai: Penjelasan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Tan Kok Wai: Please!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ini bukan sesi soal-jawab, nanti dahulu. Sabar, satu demi satu ya, ini tidak ada.....

Tuan Tan Kok Wai: Bukan, ini tidak bersangkutan-paut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, biarkan Yang Berhormat Menteri, nanti dahulu.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Jangan bersandiwara lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sungai Besi sabar sedikit. Nanti mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri akan memberi peluang, ya.

Tuan Tan Kok Wai: Berilah peluang.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Sungai Besi saya akan beri nanti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya akan beri nanti, saya akan beri dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, jawab dahulu.

Tuan Tan Kok Wai: Macam ini, kalau tidak boleh beri—susahlah.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dia ini tidak faham Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak apa Yang Berhormat, balik kepada apa yang dibangkitkan tadi.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Okay, dia duduk dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya ada sedikit pembetulan.

Matlamat asal itu ialah untuk membina sebanyak 240,000 unit rumah dan benar bahawa Kerajaan telah melanjutkan tempoh ini memandangkan belum lagi mencapai matlamat itu dan ini tidak boleh dikatakan suatu kegagalan kerana.....

Beberapa Ahli: (*Boo*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Pembinaan rumah itu merupakan satu proses yang berterusan bukan macam politik Tanjong I, kalau dia gagal itu maknanya gagal terus. (*Ketawa*) Kalau Tanjong II itu gagal juga, maka ia akan gagal terus, (*Tepuk*) pembinaan rumah itu sahaja adalah satu penyambungan kepada proses itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan tadi projek PKPKR itu telah memberikan manfaat kepada lebih daripada 1/2 juta orang termasuk

penyokong-penyokong DAP juga. Apakah ini bukan suatu yang patut kita banggakan? Apakah ini bukan suatu kejayaan bagi Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya teringat kepada kata-kata seorang pujangga. Kata beliau "Tidak ada seorang yang lebih buta daripada orang yang enggan melihat". Ternyata ada setengah-setengah pemimpin DAP termasuk Ketua Pembangkang enggan melihat kejayaan kita dalam bidang perumahan. Bagi beliau sebarang kejayaan bagi Kerajaan adalah kekecewaan dan kegagalan bagi DAP. Hasil daripada kekecewaan itu DAP mengkritik demi tujuan mengkritik sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: DAP mengkritik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Belum lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Sekali tidak beri jalan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan tawar-menawar.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ini macam budaklah. Saya sudah janji sekali nantilah saya beri.

Beberapa Ahli: (*Boo*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr Ting Chew Peh: DAP mengkritik Kerajaan bukan kerana.....

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, point of order.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, point of order yang keberapa?

Tuan Lim Guan Eng: 36(6). Unparliamentary words.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 36(6) ya!

Tuan Lim Guan Eng: Ya, 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu sangkaan jahat.

Tuan Lim Guan Eng: Unparliamentary—boleh? Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Perkataan mana yang unparliamentary Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Yang Berhormat Menteri.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak Yang Berhormat, jawab saya dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Yang Berhormat Menteri apabila saya minta jalan beliau berkata "Jangan bertingkah-laku macam budak".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya akan buat.....

Tuan Lim Guan Eng: Ini unparliamentary Tuan Yang di-Pertua, kerana saya di sini adalah seorang Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Dan Yang Berhormat Menteri jangan bersikap sebagai seorang "bayi".

Seorang Ahli: Tarik-balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukup. Saya akan buat keputusan. Ini bukan tempatnya untuk kita hendak lepas geram. Saya rasa perkataan "budak" itu bukan unparliamentary. Jadi point of order 36(6) itu tidak kena pada tempatnya. Sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, minta jalan, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yim Chee Chong: Apa makna perkataan "bayi"?

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat Menteri tarik balik.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya telah berikan keistimewaan.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Duduk dahululah!

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bersikap demikian, saya kena memberhentikan Yang Berhormat daripada berucap ataupun membuat sesuatu permohonan. Kalau minta, mintalah dengan sopan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Permintaan beliau itu.....

Tuan Lim Guan Eng: Sebagaimana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat jangan mencelah bila saya menanya atau menyoal kepada Yang Berhormat Menteri, janganlah melenting sangat, faham? Hendak beri jalan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya tidak mahu mulai sekarang memberikan jalan kepada orang yang tidak bertamaddun. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau macam itu, teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Boleh teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Yim Chee Chong: Jangan kacau lagi, Kota Melaka.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, I have changed my mind, dengan izin.

Tuan Lim Guan Eng: Ahli Parlimen dari Seremban tidak minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan. Jadi teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Orang lain boleh nanti.

Tuan Tan Kok Wai: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Sungai Besi pula bangun. Beri jalan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Beri.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak faham mengapa kegagalan PKPKI ini memang adalah tepat, benar dan betul. Soalan pertama saya ialah saya tidak faham mengapa Yang Berhormat Menteri, selepas kegagalan oleh bekas Menteri MCA dalam Kementerian yang sama Dato' Lee Kim Sai dan Dato' Ng Cheng Keat. Kegagalan untuk mencapai matlamat PKPKI ini masih.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan menyebut nama Ahli yang lain, melainkan mereka tidak berada dalam Dewan ini, itu boleh.

Tuan Tan Kok Wai: Saya tidak faham mengapa Yang Berhormat Menteri sekarang tidak lagi meletak jawatannya sebagai Menteri yang tidak bertanggungjawab. Ini kegagalan yang besar adalah hakikat benar. Yang kedua, kalau kegagalan ini yang benar ini tidak dianggap sebagai kegagalan, adakah Yang Berhormat Menteri juga bersetuju bahawa kalau matlamat Wawasan 2020 tidak akan tercapai pada tahun 2020 tempoh ini boleh dilanjutkan 30 tahun lagi? Sila jawab.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, kalau pun saya meletak jawatan, takkan Yang Berhormat dari Sungai Besi dilantik menjadi Menteri Perumahan. *(Tepuk)* Rakan-rakan saya dari MCA sahaja yang akan menjadi Menteri. Jadi, apakah kaitan antara ini

dengan pencapaian matlamat kita. *(Disampuk)* Dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Sungai Besi itu tidak baca, tidak dengar apa yang saya katakan tadi matlamat asal kemudian sambutan yang baik dan sebagainya, dia semua tidak dengar. Jadi, saya tidak perlulah jawab soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi....

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Menteri, Kepong bangun pula. Hendak beri jalan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dia sudah diberi satu kali, tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak berikah? Teruskan.

Seorang Ahli: Takut!

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dalam hal ini.....saya sudah terganggu fikiran sekarang, *(Ketawa)* perjalanan fikiran itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, DAP mengkritik Kerajaan bukan kerana kegagalan Kerajaan, tetapi kerana kejayaan Kerajaan itu. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak. Kota Melaka itu memang belum lagi, belum sampai giliran, okay. Saya ingin menegaskan....

Dr Kua Kia Soong: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order, Petaling Jaya.

Dr Kua Kia Soong: Satu tedious repetition is last warning. Saya tidak mahu....*(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Petaling Jaya, saya hendak beri nasihat sedikit berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya saya rasa warningkah, amarakah, itu bukan hak Yang Berhormat, itu sepatutnya datang dari Kerusi. Jadi, syarat 44(1) itu tidak kena langsung.

Dr Kua Kia Soong: Kenapa dia berulang-ulang tedious repetition itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tidak. Kalau Yang Berhormat meneliti peraturan itu.....

Dr Kua Kia Soong: Ada di sini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dengan lebih lanjut saya rasa memang tidak kena. Yang Berhormat Dato' Menteri, balik pada tajuk tadi.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mengulang, saya cuma buat emphasis sahaja, bukan mengulang, dia tidak faham. Saya ingin menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan adalah masalah yang dihadapi oleh semua negara di dunia ini. Tidak ada negara termasuk negara yang paling kaya sekali yang dapat 100% membekalkan rumah kos rendah bagi semua penduduknya. Namun demikian, berbanding dengan negara-negara sedang membangun yang lain, pencapaian kita dalam bidang perumahan amat membanggakan. Salah satu sebabnya ialah Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang keperluan perumahan rakyat berpendapatan rendah.

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Kepong bangun lagi.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak, tidak lagi, tidak, tidak....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tidak beri, ya.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Kerjasama yang erat antara pemaju swasta dengan pihak Kerajaan adalah satu lagi sebab kejayaan kita.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kota Melaka, hendak beri?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Belum lagi. Bersabar sedikit. I'll give you one chance, okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Think carefully what you want to say. *(Ketawa)*

Tuan Lim Guan Eng: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak usahlah gunakan perkataan yang unparliamentary. Yang Berhormat pun sedar juga. Buat apalah hendak buat macam itu.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dalam Rancangan Malaysia Keenam, pihak swasta akan terus digalakkan untuk memainkan peranan yang penting dalam bidang perumahan. Saya berharap pemimpin-pemimpin DAP, Ketua DAP yang nampaknya begitu berminat dalam soal perumahan kos rendah dapat turut memberikan sedikit sumbangan dan caranya mudah sahaja.

Kikislah sikap yang selalu mahu mengkritik dan negatif serta destructive. Sikap demikian tidak akan membantu menambahkan jumlah unit rumah kos rendah di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu susah.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Please don't disturb me.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka setiap kali suka menggunakan perkataan yang unparliamentary, saya rasa saya kena memberhentikan Yang Berhormat daripada berbahas. Dan saya rasa Yang Berhormat patutlah bersikap dengan lebih matang.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, janganlah dakwa mendakwa perkataan "liar", pembohong. Sudah dua kali.

Tuan Lim Guan Eng: Pada siapa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu memang nyata ditunjukkan kepada Menteri yang menggulung. Janganlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya faham, tidak

faham, itu Yang Berhormat sendiri yang faham. Ini kata dua dari Kerusi. Tidak ada peluang lagi. Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, ini memanglah orang yang belum "jawa" lagi, dia tidak faham apa yang saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu amat susah mengubah tabiat seseorang yang tidak mahu menjadi baik. Bak kata pepatah, 'sukar untuk meluruskan ekor anjing'. (*Tepuk*) Tetapi Tuan Yang di-Pertua, cubalah, ini nasihat saya pada DAP. Ambillah satu sikap yang lebih positif dan lebih membina. Saya cadangkan Ahli Yang Berhormat, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menjadi seorang pemaju perumahan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun lagi.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dia tidak faham. Saya katakan belum "jawa" lagi, saya tidak mahu berikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Your attitude is too bad.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, itu hak Yang Berhormat Menteri....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan kerana ada hal lebih penting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Jadi, saya cadangkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menjadi seorang pemaju perumahan khususnya untuk membina rumah kos rendah. Bukankah langkah ini lebih bermakna dan berkesan daripada bercakap kosong sahaja. Saya pasti....

Dr Kua Kia Soong: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk, point of order. Point of order yang keberapa, Petaling Jaya?

Dr Kua Kia Soong: 44(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu memang Yang Berhormat, saya....

Dr Kua Kia Soong: Adakah peraturan ini dikuatkuasakan oleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk.

Dr Kua Kia Soong: Tedious repetition.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat sampai sekarang patut faham. Sekiranya seorang Ahli itu sepertimana Yang Berhormat dapat melihat tadi tetap tidak mematuhi arahan daripada Kerusi, memang saya sebagai Speaker ataupun Timbalan Speaker, saya kena memberhentikan Yang Berhormat yang berkenaan daripada berucap. Itulah isi kandungannya, Yang Berhormat patutlah faham....

Dr Kua Kia Soong: Saya berdiri atas 44(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa tidak kena-mengena dengan kes ini.

Dr Kua Kia Soong: Mengenai tedious repetition yang dikeluarkan oleh mulut Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila baca peraturan itu dan saya sudah buat keputusan muktamad, Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan ada Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat membezakan penekanan itu daripada pengulangan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada cadangan saya tadi bukankah langkah itu lebih bermakna dan berkesan daripada bercakap kosong sahaja. Saya pasti rakyat jelata akan berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Dan sebagai langkah galakan, saya akan memastikan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyegerakan kelulusan lesen pemaju kepada Ahli Yang Berhormat.

Malah saya sanggup memberikan ataupun memikirkan kemungkinan menghantar borang pre-approve kepada Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: (*Bangun*)

Dr Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, ada dua orang Yang Berhormat bangun. Ya, Pasir Pinji.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengeluarkan cadangan atau cabaran supaya Ketua Pembangkang diberi lesen menjadi pemaju. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa cadangan dan cabaran yang demikian bermakna bahawa beliau sendiri tidak percaya kepada kemampuan sendiri dan harus meletakkan jawatan. (*Tepuk*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ramai di kalangan pemimpin DAP itu mahu menjadi Menteri! mendesak saya meletakkan jawatan. Itu satu....

Tuan Wong Wing On: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Dato' Dr Ting Chew Peh: Followlah order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kampar, sekiranya Yang Berhormat Kampar terus hendak bertindak dengan tidak senonoh, saya kena bertindak keras terhadap Yang Berhormat. Ini suka-suka hati bangun sahaja, saya rasa tidak kena.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Order, order..... *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Order, order 44(2).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Pengerusi hendaklah memerintah sesiapa Ahli yang berkelakuan haru-biru dan seterusnya. *(Ketawa)* Keluar!

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya kena buat satu keputusan yang saya sendiri rasa sedih. Dengan menggunakan kuasa yang diberi kepada saya mengikut Peraturan 44(2), saya kena mengarahkan Yang Berhormat dari Kampar supaya di-

keluarkan dari Dewan ini. *(Tepuk)* Bentara, sila jalankan tugas.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Satu demi satu. Jalankan tugas dahulu seperti yang diarahkan.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order. Sebelum Tuan Yang di-Pertua menggunakan 44(2), satu amaran hendaklah diberikan kepada Yang Berhormat dari Kampar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak ada tawar-menawar. Saya sudah cakap tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itupun cukuplah kata dua tadi sudah beri dan teruskan. Bentara, sila arahkan. Saya sudah cakap, saya bukan tidak beri kata dua. Memang keputusan sudah dibuat. Memang....

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order?

Saya sudah buat keputusan bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka. Saya rasa 44(2) itu....

Tuan Kerk Kim Hock: *(Bangun)*

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum habiskan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya hendak arahkan supaya Kampar dikeluarkan dengan segera.

Tuan Lim Guan Eng: 44(2).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bentara, sila. Yang lain itu dikemudiankan.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 44(2). Tak boleh dikemudiankan kerana 44(2) there shall be no miscarriage of justice. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua membiarkan miscarriage of justice?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bentara, sila jalankan tugas yang diarahkan.

Tuan Lim Guan Eng: Adalah hak saya untuk menentukan point of order 44(2). Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya mengekalkan keputusan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan soal itu keputusan, saya hanya sebut 44(2) itu didahulukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah cakap tadi. Sekiranya tetap bersikap tidak matang, maka saya terpaksa mengarahkan mana-mana satu orang Ahli dikeluarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 44(2), boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kamar diarahkan keluar dengan segera.

Tuan Lim Guan Eng: Ini sangat tidak adil. Tuan Yang di-Pertua tidak pernah arahkan, tujukan kepada Yang Berhormat dari Kamar. Kita boleh check *Hansard* sama ada ini ditujukan kepada Yang Berhormat dari Kamar.

Tuan Chor Chee Heung: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Point of order yang lain itu saya rasa dikemudiankan.

Tuan Chor Chee Heung: 44(3), Tuan Yang di-Pertua. Keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat Alor Setar.

Tuan Lim Guan Eng:
(*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Satu demi satu. Kamar.....

Tuan Lim Guan Eng: Sangat tidak adil. Mana boleh macam ini? Kita tidak menyoalkan keputusan Tuan Yang di-Pertua tetapi hanya menumpukan 44(2). Lepas ini Tuan Yang di-Pertua boleh buat keputusan tetapi mesti dilakukan dengan adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, point of order 44(2), belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah buat keputusan terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka iaitu di bawah 44(2). Tadi Yang Berhormat bangkitkan bukan?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya belum bangkitkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa saya sudah cakap cukup nyata, itu sahaja.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Guan Eng:
(*Menyampuk*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mengikuti Peruntukan 44(3)—bila-bila seseorang Ahli telah disebutkan sudah disebutkan namanya, Ahli Yang Berhormat kena keluar.

Tuan Lim Guan Eng: Atas apa? Point of order berapa?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Point of order? Saya sudah minta point of order. Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk bercakap. Yang Berhormat patut duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, minta teruskan.

Tuan Lim Guan Eng:
(*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah cakap tadi cukup nyata. Kalau mengenai kes Kampar, saya sudah cakap cukup nyata. Yang Berhormat Menteri ada yang.....

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang dijalankan oleh Tuan Yang di-Pertua perlu dihormati oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. (*Tepuk*)

Beberapa Ahli: Keluar, Keluar!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat dari Kampar tetap degil, saya rasa kenalah kita pakai Peraturan 44(3).

Tuan Lim Guan Eng: Tidak boleh ambil 44(3), Tuan Yang di-Pertua kerana 44(2) masih belum selesai. Tolong baca 44(2).....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kota Melaka, biar saya jelaskan ini dahulu. Kampar dahulu kemudian barulah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak adil.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan Yang Berhormat daripada.....

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Ahli Yang Berhormat daripada Kampar hendaklah dengan serta-merta dikeluarkan daripada Majlis ini. (*Tepuk*)

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kampar, janganlah berbisik-bisik. Saya rasa kenalah ikut apa yang ditetapkan. Yang Berhormat.....

Tuan Wong Wing On: Keputusan yang dibuat tidak adil!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulanglah Yang Berhormat kalau hendak melepaskan geram. Tempat lain ada.

(*Bentara Mesyuarat mengiringi Y.B. Tuan Wong Wing On keluar dari Dewan*)

Beberapa Ahli: (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah, cukuplah. Terima kasihlah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order 44(2), bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau Tuan Yang di-Pertua membacakan Peraturan 44(2), nyata sebelum satu tindakan diambil, satu amaran harus diberikan kepada seseorang Ahli. Tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak berikan amaran itu kepada Yang Berhormat dari Kampar!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itulah, Yang Berhormat saya akan jelaskan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan ghairah sangat hendak berucap. Sebenarnya kalau Yang Berhormat meneliti ataupun mengikuti tadi dengan fikiran yang tenang, maka nyatalah, tadi, saya memang telah beri teguran kepada bukan sahaja Yang Berhormat sendiri tetapi juga dari Kampar tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Ada namakan dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, kami harap Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Ada namakan dia atau tidak? Saya rasa ini sangat tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Ini berat sebelah—miscarriage of justice. Tuan

Yang di-Pertua bertindak sangat tidak adil seperti fascist macam ini.

Beberapa Ahli: Boo, boo....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 44(3). Jadi, kita dengar dahululah. Tadi ada Usul dibangkitkan oleh pencadang, Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan kemudian disokong oleh Menteri Kerja Raya, yang raya untuk sokong (*Ketawa*) tetapi Usul ini tidak diluluskan.

Seorang Ahli: Betul. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Kalau tidak diluluskan, tidak boleh dikeluarkan. Saya mencadangkan dia dimasukkan semula dan diluluskan di sini, tidak boleh dikeluarkan, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Sekiranya Yang Berhormat dengar tadi dengan teliti, Usul itu sebenarnya berbunyi berlainan daripada apa yang tertera dalam 44(3) sebab Usul itu bukan menghendaki bahawa Kampar digantung kerja sebagai Ahli Majlis tetapi sebaliknya beliau diminta keluar dan lagi pun.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat, sabar. Sebelum Usul itu diputuskan sepertimana yang disarankan itu oleh Yang Berhormat sendiri, saya sekali lagi menasihatkan Yang Berhormat dari Kampar supaya mematuhi apa yang diputuskan tadi di bawah 44(2) supaya beliau keluar. Faham?

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak benar!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi, saya rasa Yang Berhormat janganlah terkeliru. Ya, Yang Berhormat Dato' Menteri, sila teruskan dan balik kepada tajuk.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ya, Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai soal pembohongan yang dibangkitkan oleh Ketua DAP. Saya ingin merujuk kepada satu.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta dia tarik balik perkataan "pembohongan".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu, pembohongan terhadap siapa? Ditujukan kepada siapa?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ini saya cuma memetik daripada *Hansard* Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan mengenai soal pembohongan yang dibangkitkan oleh Ketua DAP. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa cukuplah. Perkataan-perkataan yang menyakiti hati cuba kita elakkan dengan seboleh-bolehnya, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta perkataan itu ditarik balik. Tarik balik.

Seorang Ahli DAP: Tarik balik.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu Yang Berhormat. Sekiranya....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya boleh.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu, Yang Berhormat.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya boleh rujuk kepada mukasurat Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu Yang Berhormat. Sekiranya perkataan "bohong" atau "pembohongan" itu ditujukan kepada individu ataupun Ahli yang lain, saya rasa itu tidak dibenarkan, melainkan sekiranya secara umum sahaja, itu biasanya memang tidak digalakkan tetapi.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya tidak mengatakan Ketua DAP bohong. Saya katakan soal pembohongan yang dibangkitkan oleh beliau. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tanjong bangun.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya mahu....

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order. Nanti dulu Yang Berhormat. Ya, Tanjong. Nanti, tenang dan sabar.

Tuan Lim Kit Siang: Tenang. (*Ketawa*) Saya minta bahawa perkataan "pembohongan" ditarik balik oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri, Yang Berhormat daripada Ampang Jaya sendiri buat satu keputusan bahawa perkataan "pembohongan" tidak boleh digunakan. Kita tidak lupa kenapa saya dihalau daripada Dewan yang mulia ini dulu—oleh kerana keputusan itu. Sekarang saya minta satu ruling bahawa "pembohongan" itu ditarik balik dan kalau tidak, kita tidak membenarkan persidangan diteruskan.

Beberapa Ahli: Ya, ya. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tanjong, nanti dulu. Sebagai mukadimah, saya rasa kalaulah Yang Berhormat tidak membenarkan persidangan ini diteruskan, ini bukan hak Yang Berhormat, (*Disampuk*) dan bersabit dengan soal perkataan itu.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bersabit dengan persoalan perkataan “pembongkaran” itu, saya sudah cakap, dari itu cukup jelas. Sekiranya saya rasa kalaulah perkataan itu ditujukan kepada individu termasuk juga Ketua Pembangkang, itu memang tidak dibenarkan. Sekiranya umum sahaja, itu lain cerita.

Dato’ Dr Ting Chew Peh: Maksud itu cukup jelas. Saya cuma merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik!

Seorang Ahli DAP: Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi “pembongkaran” itu ataupun “bohong”.

Dato’ Dr Ting Chew Peh: Saya belum lagi mengatakan beliau bohong, nanti saya mungkin akan menyebut perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi ini tidak ditujukan kepada sesiapa?

Dato’ Dr Ting Chew Peh: Belum lagi, belum....(*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Dato’ Dr Ting Chew Peh: Dengar dulu. Dengar dulu, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah. Sekiranya.....

Dato’ Dr Ting Chew Peh: Duduk dulu, sit down please. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sekiranya.....

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato’ Dr Ting Chew Peh: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, duduk. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah buat perkataan “pembongkaran” mengenai Ketua DAP. Sudah buat perkataan itu, jangan jadi pengecut. Bila sudah buat perkataan itu, tarik balik dan duduk. Saya minta satu ruling dibuat. Bukan sahaja perkataan “pembongkaran” tidak boleh dibenarkan tetapi apabila sudah disuarakan perlu ditarik balik dan kalau dia tidak mahu tarik balik berhentikan ucapannya serta-merta. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Dato’ Dr Ting Chew Peh: Threatening!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar, Yang Berhormat Tanjong, saya akan buat keputusan. Bukan terpulang kepada Yang Berhormat Tanjong. (*Disampuk*) Saya rasa “pembongkaran” itu ditarik balik (*Tepuk*) sebab tadi ditujukan kepada Ketua Pembangkang dan saya rasa kalaulah ditujukan secara umum sahaja, itu tidaklah menjadi soal.

Dato’ Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengulang perkataan ini, saya mengatakan saya.....

Beberapa Ahli DAP: Tarik balik!
Tarik balik!

Dato' Dr Ting Chew Peh: Okay.
(*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu keputusan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya mengatakan..... (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ikut keputusan. Saya minta dia tarik balik. Saya menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 44(1)—point of order lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu Yang Berhormat. Saya rasa cukup jelaslah. Jadi keputusan itu adalah muktamad dan oleh kerana ini disabitkan kepada Ketua Pembangkang secara individu, saya rasa patutlah ianya ditarik balik. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik!

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebelum.....

Beberapa Ahli DAP: Tarik balik!
Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, saya minta Peraturan 44(1) dikuatkuasakan.

Tuan Woon See Wah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu, Rasah.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Let me say first. (*Disampuk*)

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: I say what I want to say. You sit down.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat cukuplah. Saya rasa saya telah buat keputusan. Semua duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu 44(1) digunakan sekarang kerana dia enggan mematuhi keputusan Kerusi.

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukup. Nada yang tinggi, saya rasa itu tak perlu. Yang Berhormat Menteri.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya teruskan.

Beberapa Ahli DAP: Tarik balik!
Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Perkataan itu saya rasa ditarik baliklah, Yang Berhormat.

Tuan Woon See Wah: (*Bangun*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Duduk dululah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Duduk dulu, Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan. Nanti dulu Rasah. Nanti dulu.....

Tuan Woon See Wah: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat, ini belum selesai lagi, nanti dahulu.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi.....
(*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: 44(2). Keputusan telahpun dibuat..... tarik balik!

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya belum habis, no chance..... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dalu.

Tuan Lim Kit Siang: 44(2). Tarik balik!

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh tarik balik kalau orang itu macam haiwan.
(*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik! Point of order 44(2).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dulu. Memang saya sudah buat keputusan. Jadi sekarang ini beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri supaya berbuat demikian—mematuhi keputusan yang dibuat oleh saya.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan Lim Kit Siang: Peluang yang akhir, kalau tidak, saya akan berdiri lagi.....

Beberapa Ahli DAP: (*Menyampuk*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dengarlah dulu. Sit down and listen first. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, orang yang kurang "jawa" itu duduk dululah, nanti saya jawab.....(*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? 5 minit tidak ada tarik balik.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa Yang Berhormat, jangan hirau dia.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Okay. Tuan Yang di-Pertua, saya tadi katakan soal pembohongan yang dibangkitkan oleh Ketua DAP. (*Disampuk*) Kalau itu tidak mengikut Tertib Mesyuarat, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tarik balik ya?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ya. Beliau sudah buat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Beliau sudah buat.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia kata "kalau". Adakah dia tarik balik atau tidak tarik balik? Point of order 44(2). Dia patut tarik balik tanpa syarat, tanpa "kalau", tanpa "sekiranya". Dia takut untuk tarik balik.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa Yang Berhormat tarik balik perkataan itu dan teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik soal pembohongan yang dibangkitkan oleh Ketua DAP.

Beberapa Ahli: (*Disampuk*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Okay, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, inilah tidak hormat kepada Yang di-Pertua. 44(2) menarik perhatian Yang di-Pertua menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat mengambil tindakan tatatertib terhadap Yang Berhormat Menteri berkenaan. Dia mempermain-mainkan perkara ini. Kita ada di sini tidak untuk dipermain-mainkan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: No!.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk sebelum saya.....(*mengarahkan kepada Ahli dari Tanjong*) Sudah cakup habis? Kalau belum habis, habiskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan habiskan tetapi duduk dahulu! Panggil dia duduk dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dato' Menteri, sila duduk dahulu, biar dia habiskan ucapannya dahulu.

Beberapa Ahli: Duduk, duduk!

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Atas arahan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Ah! Inilah style MCA.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang keberapa?

Tuan Lim Kit Siang: Point of order saya ialah perlu masuk sampai di mana menjaga mertabat, kedudukan, darjat Kerusi, Yang di-Pertua mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat Menteri Perumahan oleh kerana enggan mematuhi keputusan menarik balik

tanpa apa-apa syarat, tanpa apa-apa pre conditions. Dia mempermainkan perkata tadi, kita dengar—dalam *Hansard*. Kita tidak mahu esok balik lagi untuk bangkitkan perkara. Selesaikan perkara ini sekarang di sini.

Tuan Yim Chee Chong:
(*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Seremban, cukuplah.

Tuan Yim Chee Chong: Apa makna “engan”? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bersabit dengan....

Tuan Lim Kit Siang: Dia berasa dia di kuil Seremban. Ini bukan kuil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, saya rasa sekarang ini tidak timbul sebab Yang Berhormat Menteri tadi sudah menarik balik perkataan yang kontroversi itu. Sila teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu pepatah Cina, ini dalam bahasa Cina, dengan izin, “Her ren sen kau chuan”. (*Tepuk*) Maksudnya: “Orang jahat sering mahu menuduh orang lain terlebih dahulu”. (*Tepuk*) (*Sorak*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Dia tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya kurang pasti sama ada....

Tuan Lau Dak Kee: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Ipoh, sabarlah. Teruskan dan balik kepada tajuk.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Yang Berhormat, jangan ganggu lagi. Saya ada banyak lagi, janganlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, balik kepada tajuk.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya kurang pasti....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Tuan Yang di-Pertua menterjemahkan pepatah Cina yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya rasa kerja saya di sini bukan sebagai penterjemah. Yang Berhormat Dato' Menteri, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Patut tolong sedikitlah.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Kalaupun Tuan Yang di-Pertua terjemahkan, masih ada orang yang tidak faham.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan telah memutar-belitkan bahasa Tionghua. Ini perkara serius.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ipoh, kalau hendak minta penjelasan, buatlah....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Orang jahat, orang jahat.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Point of order ini saya rasa tiada di mana-mana.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasanlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lau Dak Kee: Jangan putar-belitkan Dewan ini dengan menggunakan bahasa Tionghua.

Tuan Lim Kit Siang: Malulah.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan. Balik kepada tajuk.

Tuan Lau Dak Kee: Betulkan terjemahan itu. *(Tepuk)*

Dato' Dr Ting Chew Peh: Senang mahu kritik orang. Kalau dikritik tidak boleh tahan lagi, macam kera kena belacan. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti....

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, saya minta dia betulkan terjemahan yang dia sebutkan tadi itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Setar bangun, hendak beri jalan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Beri, beri.

Tuan Lau Dak Kee: Bahasa Tionghua janganlah cemarkan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran untuk menterjemahkan bagi pihak Menteri. (*Boo*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya minta kebenaran untuk menterjemahkan bagi pihak Menteri daripada peri bahasa yang dia katakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa cukuplah. Isu terjemahan ini adalah kerja Dewan Bahasa dan Pustaka, bukan Dewan ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, kalau Menteri tidak tahu menterjemahkan perkataan itu, kenalah orang lain pula menterjemahkan pula. Saya rasa malulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau hendak bincang, bincanglah diluar, ya!

Tuan Lau Dak Kee: Betul-betul malulah. Saya malulah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Cukuplah. Sekali lagi, orang jahat yang mahu menuduh orang lain lebih dahulu, itulah maksud saya. Saya kurang pasti sama ada setengah-setengah pemimpin DAP termasuk dari Pasir Pinji sama ada dia ini orang yang kurang baik ataupun tidak.....

Tuan Lau Dak Kee: Itu tafsiran yang tidak tepat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat, kalau hendak minta penjelasan...

Dato' Dr Ting Chew Peh: Janganlah ganggu. Saya tidak beri jalan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr Ting Chew Peh: No.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau tidak.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak, tidak.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan terjemahan yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan, "chuan" itu yang berhak "chuan" itu! Kalau tidak tahu, tidak usah buatlah. Jangan malukan Dewan ini. (*Sampuk*)

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta bertenanglah. Haraplah bertenang dengan kerana kita kena habiskan perkara yang dibincangkan pada hari ini. Pada hari Isnin ini kita akan masuk kepada perkara yang lain pula dan Yang Berhormat sila teruskan kepada.....

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak tanya.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat berucap itu di atas apa? Point of orderkah ataupun.....

Tuan Lau Dak Kee: Point of order. Apa yang dia sebut mestilah benar dan betul mengikut dalam Perintah Tetap

ini. Apa yang saya minta tidak ada apa-apa, hanya terjemahan daripada bahasa Tionghua itu disebutkan, "Erk Len Sen Chou Chua", tetapi dia telah putar-belitkan Dewan ini dengan terjemahan dalam bahasa Malaysia yang salah dan tidak tepat. Saya minta dia betulkan terjemahan itu. Kalau tidak, Dewan ini dijadikan tempat yang tidak menggunakan bahasa yang betul, walaupun Menteri yang berkenaan pandai.....

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh, sila duduk.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta dia betulkan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Seremban hendak buat apa? (*Ketawa*)

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan terjemahan tidak tepat. Jadi saya....

Tuan Yang di-Pertua: Seremban, Seremban hendak minta apa? (*Ketawa*)

Tuan Yim Chee Chong: Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Macam mana dikatakan "len cheng kau chong" tidak tepat. Macam mana tidak tepat, mengikut pandangan saya tepat. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat Menteri sila teruskan. Jangan sentuh yang lain-lain.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, segala yang saya

sentuh itu cuma menjawab apa yang dibangkitkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, jangan disentuh lagi. Sila teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya katakan tadi, menarik perhatian kepada satu pepatah Cina, saya katakan saya kurang pasti sama ada Ahli-ahli DAP itu orang jahat ataupun tidak. Tetapi apa yang saya pasti ialah pemimpin DAP itu sentiasa menuduh orang, mencabar, memaki dan juga memfitnah.

Dalam tempoh satu tahun misalnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengeluarkan sekurang-kurangnya 200 hingga 300 kenyataan akhbar. Itu dalam tempoh satu tahun. Kebanyakan kenyataan itu merupakan sesuatu yang tidak benar.....

Tuan Fung Kui Lun: (*Menyampuk*)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya ini merujuk kepada semua *Hansard* ada di sini. Saya kena jawab.

Tuan Fung Kui Lun: Apa kenyataan akhbar oleh Ketua Pembangkang.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ada, ada dia tidak faham. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan akhbar itu dalam bahasa Cina. Dia tidak faham! (*Diganggu*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya teruskan. Saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, tetapi berilah.....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya mahu menjelaskan sesuatu sahaja. Saya bukan mahu menuduh dan mencabar orang lain, saya tidak. Saya cuma menjelaskan.

Jadi, kebanyakan kenyataan itu saya katakan tidak benar. Ianya bercorak negatif, menegur, mencaci dan juga memaki orang lain. Tidak ada satu pun pada pandangan kami bercorak membina.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, buat kali yang pertama saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa, ini saya quote (*dengan izin*) "The press in Malaysia are free to print lies". Malangnya, "lies" itu bukannya lies orang lain tetapi lies DAP. Bukan bohong Barisan Nasional. Barisan Nasional tidak perlu dan tidak pernah berbohong. Hampir setiap hari kenyataan akhbar DAP disiarkan dalam akhbar-akhbar khasnya akhbar-akhbar Cina, semuanya tidak benar, semua dusta.

Tuan Fong Kui Lun: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kelang.

Tuan Fong Kui Lun: Bolehkah Yang Berhormat Menteri answering with the straight face...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat minta penjelasankah atau...

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya tidak beri jalan. Ini saya hairan. Saya tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Bolehkah, bolehkah!

Ahli-ahli Yang Berhormat: Duduk! Duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan sekiranya pemimpin-pemimpin DAP tidak mahu mengakui mereka itu telling lies kerana telling lies itu memang sudah menjadi budaya politik DAP. Itu perkara yang biasa, yang lazim dilakukan asalkan mereka mendapat publisiti.

Saya berasa hairan, malah tidak faham langsung kenapa Ketua DAP menyalahkan akhbar itu. Selama ini bukankah akhbar-akhbar khasnya akhbar Cina banyak menyiarkan kenyataan DAP. Akhbar Cinalah yang banyak menyebarkan kenyataan yang dusta dari DAP. Kerana akhbar-akhbar Cina, DAP dan pemimpin-pemimpinnya banyak mendapat publisiti. DAP nampaknya tidak mengenang budi. Pemimpin-pemimpin DAP sepatutnya berterima kasih kepada akhbar-akhbar Cina yang selama ini membantu menyiarkan begitu banyak kenyataan palsu mereka.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bintang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya kira tidak ada masa. Tuan Yang di-Pertua, sejak Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengambilalih pucuk pimpinan DAP, pendekatan dan gaya parti itu tidak berubah. DAP tetap merupakan parti yang dalam kata-kata Presiden MCA, "sentiasa mengkritik, negatif dan destruktif". "Setakat ini saya belum lagi nampak sebarang sumbangan DAP kepada negara. Parti itu tidak ada rancangan pembangunan...

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Chian Heng Kai:
(*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Please sit down! Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, parti itu tidak ada rancangan pembangunan. Pemimpin-pemimpinnya tidak sanggup menyelesaikan masalah negara. Tidak memberi perkhidmatan kepada rakyat jelata. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, yang dapat mereka buat selama ini cuma mengkritik, ini tidak betul, itu tidak betul. Kemudian mendesak BN buat ini kemudian buat itu. Itu sahaja yang dapat mereka lakukan. Kalau ada pun apa-apa sumbangan mereka yang paling ketara ialah parti itu berjaya menghasilkan beberapa orang wakil rakyat yang duduk di Dewan yang mulia ini. Itu pun bukan kerana dasarnya baik dan diterima rakyat....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36(1).

Tuan Yang di-Pertua: Adakah benda ini bersangkutan atau tidak. Dalam ucapan terima kasih Titah Ucapan Diraja sebenarnya apa sahaja boleh diucapkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak bersangkutan-paut. Tetapi jawapannya, Tuan Yang di-Pertua. Kerana yang penting sekali itu dia tidak begitu faham mengenai hal demokrasi

berparlimen. Apa yang pentingnya tugas salah satu kewajipan kami untuk mencungkilkan kelemahan-kelemahan Kerajaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong.....

Dr Tan Seng Giaw:dan untuk mengemukakan dasar yang alternatif.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Itulah yang dikatakan demokrasi.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri adalah juga menjadi tugas Menteri untuk mempertahankan dasar-dasar Kerajaan. Dan apabila dikritik adalah menjadi tugas bagi Menteri untuk menjawab.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang paling ketara saya katakan ialah parti itu telah berjaya menghasilkan beberapa orang wakil rakyat yang duduk di Dewan yang mulia ini dan itu pun bukan kerana dasarnya baik dan diterima oleh rakyat jelata. Itu semata-mata hasil eksploitasi atas isu-isu perkauman dan rasa tidak puas hati rakyat (*Tepuk*) yang pasti wujud.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, point of order.

Tuan Lau Dak Kee: 36(10)(c).
(*Ketawa*)

“Adalah salah pada peraturan menggunakan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati”.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dia hanya hendak maki kita, hendak tuduh kita tetapi jangan gunakan pengundi-pengundi dan rakyat itu yang salah mengundi kita untuk masuk ke Dewan ini. Apa maksud dia kata. Ini tidak

betul. Kalau dia betul-betul menghormati corak demokrasi, dia harus tidak gunakan perkataan itu. Ini bukan hanya menaikkan perasaan sakit-sakit hati saya (*Ketawa*) termasuk juga pengundi-pengundi pun rasa tidak begitu senang dan sakit hati juga, Tuan Speaker. Itulah maksud saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dukacita saya tidak boleh bersetuju, Yang Berhormat. (*Ketawa*) Dengan kerana sebelah sini pun saya dengar macam itu juga. (*Ketawa*) Sila teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan. Bolehkah Yang Berhormat masuk kepada penggulangan?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ini saya teruskan. Kerana ini semuanya dibangkitkan oleh Ketua DAP, saya terpaksa sebagai orang yang bertanggungjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah masuk....

Dato' Dr Ting Chew Peh: Kalau saya tidak jawab, dia orang kata saya takut.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup jawapan itu.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ini saya ada sedikit mahu disambungkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit sahaja lagi ya?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Ya. Mungkin dalam masa 10—20 minit. (*Ketawa*) Ini saya sambung yang tadi mengenai isu eksploitasi atas isu perkauman dan rasa tidak puas hati rakyat yang pasti wujud di bawah mana-mana sistem pemerintahan pun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan dari Yang Berhormat Kota Melaka. Hendak beri?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak payahlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Dia ada janji....

Tuan Yang di-Pertua: Janji apa?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, kerana dia yang mungkir janji dulu....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya bukan orang yang.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tidak berilah.

Tuan Lim Guan Eng: Berilah, janji....

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soal saya. Dia berjanji bukan di antara Yang Berhormat dengan saya, dengan dia. Mengikut Peraturan Mesyuarat kalau Yang Berhormat minta penjelasan, dia tidak beri saya kata "minta Yang Berhormat duduk".

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

(Beberapa Ahli DAP meninggalkan Dewan)

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya katakan saya bukan orang yang pandai membuat ramalan. Tetapi saya pasti, sekiranya pemimpin-pemimpin DAP terus-menerus melakukan apa yang mereka lakukan sekarang....*(Diganggu)* dan mengungkit-ungkitkan emosi rakyat, maka rakyat jelata khasnya masyarakat Cina akan menjadi serba salah. Negara akan menjadi huru-hara dan akhirnya yang rugi itu bukan pemimpin-pemimpin DAP, bukan Ahli dari Tanjong atau puteranya Ahli dari Kota Melaka tetapi negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bumi mana yang tidak ditimpa hujan, tidak ada manusia yang sempurna. Semua manusia ada membuat kesilapan. Manusia yang tergolong dalam kalangan pemimpin-pemimpin parti politik DAP tidak terkecuali. Mereka banyak membuat kesilapan, yang mustahak ialah sesiapa yang melakukan kesilapan itu berani mengakuinya, kemudian berusaha untuk memperbetulkan kesilapan itu atau tidak mengulangnya. Kesilapan terbaharu pemimpin-pemimpin DAP ialah bersubahat dengan PAS dan SEMANGAT 46 dalam pilihanraya lalu untuk menggulingkan Kerajaan Barisan Nasional.

Walaupun usaha mereka gagal, namun slogan mereka telah sedikit sebanyak mengakibatkan kejatuhan Kelantan ke tangan PAS. Kini kurang daripada dua tahun PAS memerintah, banyak telah berlaku di Kelantan. Kaum bukan Islam khasnya takut kepada dasar-dasar PAS yang tidak langsung menghiraukan kenyataan masyarakat berbilang kaum. Akibatnya kaum bukan Islam merasa bimbang dan cuba meninggalkan Kelantan dan berpindah ke negeri-negeri yang lain. Para pelabur enggan pergi ke Kelantan untuk melabur. Semua ini kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi PAS menafikannya.

DAP takut untuk mengakuinya malah DAP cuba mempertahankan segala apa yang PAS lakukan. DAP kini serba salah. Serba salah kerana hasrat PAS.....

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dua orang sekali bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Dr Tan Seng Giaw: Kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi itu tidak betul. Saya terlibat dengan perjuangan ini untuk mempertahankannya. Itu tidak benar, itu satu political tactic sahaja atau taktik politik sahaja.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sama ada benar atau tidak itu terpulanglah. Rakyat jelata boleh membuat keputusan, boleh membuat penilaian. Saya katakan DAP kini serba salah.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Seorang Ahli: Berilah, dia tidak ramai, seorang sahaja.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Seorang pun berani, tidak apa. *(Ketawa)* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tentang orang-orang Cina yang telah ramai keluar daripada negeri Kelantan setelah kami mengambil alih pemerintahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi angka-angka berapa ramai orang Cina yang telah keluar dari Kelantan. Sebab

saya akan beritahu perkara ini di negeri Kelantan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Memang tidak ada angka. Tetapi baru-baru ini saya pergi melawat Kelantan dan saya telah bertemu dengan community business di situ dan saya telah diberitahu bahawa ada kerja-kerja kontrak yang mahu dilakukan di situ, tetapi sekarang mereka tidak hendak datang. Misalnya ada peniaga dari Taiwan yang mula-mula mahu melabur di Kelantan, tetapi selepas itu apabila dengar apa yang dikatakan sebagai hukum hudud, mereka takut dan ada lagi.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya belum habis lagi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Menteri tidak jawab lagi.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Biar saya habis dahulu. Saya diberitahu, tanah-tanah perindustrian di tempat-tempat yang lain, misalnya di Johor—1 kaki persegi harganya antara \$15.00-\$20.00. Di Negeri Sembilan, misalnya, antara \$7.00 hingga \$10.00 satu kaki persegi, tetapi di Kelantan, hasil dari pemerintahan PAS, maka satu kaki persegi harganya \$3.00 pun tidak ada orang hendak beli. Itulah hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Menteri tidak jawab soalan saya. Berapakah rakyat Kelantan keturunan Cina yang keluar dari Kelantan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya katakan saya tidak ada angka.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, tidak boleh tanya lagi.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak beri tidak syoklah! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak syokkah? (*Ketawa*) Baiklah, teruskan.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Inilah saya katakan DAP serba salah, kerana hasrat PAS ingin melaksanakan hukum hudud di Kelantan dan DAP, jika ia memihak kepada PAS parti itu akan hilang sokongan kaum bukan Islam dan sekiranya ia menentang usul PAS maka hilanglah rakan seperjuangannya. Jadi, ini bererti bahawa hancurlah mimpi-mimpi pemimpin dan ketua DAP ingin memerintah di negara ini dan ingin juga menjadi Ketua Menteri di Pulau Pinang. (*Tepuk*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa DAP amat bimbang sekarang kerana yang dikejar belum dapat dan yang dikendong itu mungkin akan berciciran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan serba salah ini Ketua DAP memikirkan dua taktik. Pertama, beliau mengheret MCA dan GERAKAN untuk bersama-sama menentang usul PAS. Bukankah ini perkara yang amat aneh? DAP meminta musuh politiknya MCA dan GERAKAN untuk melawan rakan seperjuangannya iaitu PAS. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, nasihat saya, apa yang patut DAP lakukan sekiranya tidak bersetuju dengan hukum hudud ialah cuba memujuk pemimpin-pemimpin PAS supaya tidak

melaksanakan hukum hudud itu seperti kata President MCA, DAPlah yang menyalakan api, DAPlah yang patut memadamkan api itu. *(Tepuk)* Kenapa perlu

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Nilam Puri.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Saya mahu habiskan dahulu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, nanti dia habiskan dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah, sedikit sahaja lagi. Kenapa DAP mahu pertolongan MCA dan GERAKAN, itu satu taktik.

Satu lagi taktik DAP ialah cuba mengalihkan perhatian kepada perkara-perkara yang lain yang tidak kena-mengena. Misalnya, hari ini Ketua DAP mengkritik Menteri Pengangkutan, besok mencabar pula Perdana Menteri dan lusa pula mendesak Presiden GERAKAN meletakkan jawatan dan sebagainya. Mujurlah kesemuanya ini tidak lagi dihiraukan orang ramai dan orang ramai kini sudah menjadi lebih mantap untuk membuat penilaian. Mereka sudah bosan dengan sandiwara DAP dan taktik-taktik basi pemimpin-pemimpin DAP itu. *(Tepuk)*

Akhir sekali izinkan saya memetik daripada maksud Hadis, riwayat 'As-Shaikhan—ini khas untuk renungan pemimpin-pemimpin DAP—yang bunyinya macam ini “tanda-tanda orang munafik itu ada tiga—apabila dia bercakap, dia berbohong, apabila dia berjanji, dia mungkir; dan apabila dia diamanahkan, dia khianat”.

Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan pemimpin-pemimpin DAP mengubah sikap sedikit dan menjauhkan diri daripada tanda-tanda orang munafik. Sekian, terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Mujur dia tidak bercakap dalam bahasa Arab. *(Ketawa)* Kementerian Undang-undang.

5.39 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Titah Diraja yang telah menyentuh Kementerian saya. Di atas segala pandangan dan pendapat yang telah diberi dan disuarakan, sukalah saya memberi beberapa jawapan dan penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan berkenaan isu Majlis Peguam. Saya suka menjelaskan di sini secara umum dan keseluruhannya, Ahli-ahli Bar Malaysia adalah terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab dan menjalankan tugas mereka bagi kepentingan rakyat dan pelanggan untuk mencapai keadilan mengikut proses undang-undang negara.

Saya suka juga menerangkan tidak semua peguam menjadi Ahli Bar Malaysia kerana peguam-peguam yang tidak mengamalkan undang-undang tidak dibenarkan untuk menjadi ahli.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kini menjadi perdebatan dan pertikaian adalah segolongan atau segelintir Ahli Majlis Peguam dan Ahli Bar Malaysia yang telah menggunakan kedudukan mereka untuk mencemarkan nama baik

Malaysia di peringkat antarabangsa dan di forum-forum tertentu. Pada hemat saya, apabila kita berada di luar negara adalah menjadi tugas bersama untuk memberi gambaran sebenar tentang kedudukan dan perundangan negara kita yang tidak akan menjejaskan keyakinan dan pandangan negara asing terhadap kedudukan kehakiman dan perundangan di negara kita. Walaupun ada isu dan perkara-perkara yang Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada parti-parti Pembangkang dan Majlis Peguam tidak sekata dengan Kerajaan.

Yang Berhormat dari Jelutong, misalnya, semasa memberikan kertas-kerja di New Zealand, telah memburukkan sistem undang-undang jenayah dengan memberikan cerita tidak benar tentang hukum rotan iaitu cara bagaimana ianya dijalankan. Ada pula Ahli-ahli Majlis Peguam memberikan gambaran kepada persatuan-persatuan peguam di luar negara kita yang Kerajaan hendak meminda Akta Profesion Undang-undang untuk menyekat amalan guaman mereka sedangkan semasa itu Kerajaan membentangkan pindaan ke atas Akta di sesi yang lalu.

Cerita-cerita begini adalah pembohongan dan memberikan gambaran serong terhadap kebebasan kehakiman dan perundangan di negara kita. Mereka yang berjaya menjadi peguam di negara ini tidak menceritakan bagaimana mereka telah berjaya mengamalkan undang-undang..

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jelutong bangun. Hendak beri jalan?

Seorang Ahli: Berilah!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya difahamkan tadi daripada rakan saya dari Kepong. Satu tohmahan

ada dibuat serta bercakap bohong di New Zealand. Bolehkah saya dapat butir-butir mengenai itu sekarang untuk rekod dan jangan cakap membohong. *(Ketawa)*

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan, saya cadangkan supaya Yang Berhormat baca Hansard. Dengar dulu apa yang saya akan cakap Yang Berhormat berhadapan di mahkamah untuk mendapatkan keadilan. Ahli Yang Berhormat adalah salah seorang peguam yang sentiasa berhadapan dengan mahkamah. Ramai daripada peguam-peguam menjadi kaya dan hidup dengan mewah, hasil daripada pengamalan undang-undang. Jika terus membincang dan menghina tentang keadilan dan kebebasan di negara ini, kita boleh meruntuhkan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman. Apakah kita mahu melihat apa yang berlaku di Los Angeles, kerana rakyat dan orang ramai hilang keyakinan terhadap keadilan mahkamah, mereka mencari jalan yang bertentangan dengan undang-undang bagi menyelesaikan masalah mereka; dijauhkan Allah perkara ini daripada berlaku di negara!

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kita perlu membina negara dengan sikap yang positif dan tidak membesarkan perkara-perkara yang boleh mencetuskan pertentangan dan pergeseran di antara badan kehakiman, pihak eksekutif dan pengamal undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong minta penjelasan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habis dulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menerima hakikat bahawa dalam perkara salah perilaku yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar memang banyak kes-kes pecah amanah, salah laku dan tindakan yang tidak mementingkan kepentingan pelanggan telah dilakukan oleh pengamal undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan apabila bahagian ini dimulakan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak mahu beri, tidak mahu berilah.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak mahu beri dulu. Saya hendak teruskan supaya saya mempunyai.....

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai kehakiman, kehakiman.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Belum lagi. Nanti bila saya habis, kehakiman belum habis lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Minta sekarang, mengenai kehakiman.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bila nanti saya bercakap berkenaan Yang Berhormat, barangkali boleh kalau saya.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tunggu—kehakiman!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sama ada perkara ini telah dilaporkan.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong bangun pula.

Tuan R. Karpal Singh: Bagi tohmahan itu tadi mengenai rotan atas warganegara New Zealand ini, Aeron Cohen. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar hukuman itu adalah dilaksanakan selepas satu kenyataan umum dibuat di Teluk Intan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa Kerajaan terima penagih-penagih dadah sebagai pesakit dan oleh itu, Kerajaan tidak ingin untuk melaksanakan rotan atas orang-orang yang didapati salah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, di mana kes orang dituduh adalah didapati sebagai satu penagih. Selepas itu, ini jadi satu kenyataan mengikut "collective responsibility".

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Boleh saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat? Saya tidak menyentuh berkenaan kes Aeron Cohen tadi. Saya tidak bercakap.....

Tuan R. Karpal Singh: Rotan! Mengenai rotan tadi! Ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak. Biar saya jelaskan ini oleh kerana.....

Tuan R. Karpal Singh: Rakan saya ada di sini, walaupun saya tidak ada tadi.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oleh kerana..... Biar saya jelaskan.....

Tuan R. Karpal Singh: Bukan Aeron Cohen, tetapi rotan. Apa yang dikatakan di New Zealand, bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak. Yang Berhormat, sila duduklah. Yang Berhormat, tidak.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak pernah bincangkan.

Masa saya membaca mula perbahasan ini saya tidak mengatakan berkenaan Aeron Cohen dan mengapa hukum rotan dijatuhkan, adakah patut atau tidak. Saya tidak menyentuh dalam soal itu oleh kerana saya minta Yang Berhormat tidak usah dengar daripada Yang Berhormat Kepong. Nanti dengar saya cakap.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, cukuplah. Cukuplah, Yang Berhormat. Saya pun tidak dengar berkenaan dengan Aeron Cohen tadi. Tidak. Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Buang masa. Tuan Yang di-Pertua, sama ada perkara ini telah dilaporkan berkenaan salah laku ataupun kes-kes tata tertib terhadap peguam, sama ada yang dilaporkan dan tidak akan diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang tertentu ataupun tidak, tetapi apa yang nyata banyak juga kes-kes yang tidak dilaporkan kepada pihak yang berkenaan. Tetapi rungutan rakyat dan golongan yang berpendapatan rendah dan miskin yang merasa terpedaya, tidak diberi perhatian oleh peguam mereka. Perkara-perkara sebegini sering disuarakan kepada Wakil-wakil Rakyat ataupun pemimpin-pemimpin tempatan. Ini kebenaran. Bukan semua kebenaran boleh dibuktikan dan bukan juga semua kesalahan semestinya dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini masalah yang kita perlu memberi pandangan yang serius. Kita juga perlu menerima hakikat oleh kerana peguam sebagai pengamal undang-undang lebih terdedah dari profesion lain tentang perilakunya oleh kerana matlamat mereka adalah menegakkan keadilan dan mendukung undang-undang. Justeru itu, soalnya bukan persoalan

“lawyer bashing” sebagaimana yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu, dengan izin.

Tetapi sebenarnya tentang keyakinan, pandangan dan harapan orang awam terhadap satu profesion yang mereka sanjung tinggi dan ingin mendapat pembelaan. Sudah tentu apabila peguam-peguam terlibat dengan kes-kes pecah amanah dan salah laku perasaan hampa dan tertipu oleh golongan yang mereka percayai terserlah. Maka ini menghakiskan keyakinan dan mencemarkan nama baik profesion tersebut dan imejnya mulai turun dan dipandang rendah. Kerajaan yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan yang bersesuaian bagi mempertahankan bukan sahaja kepentingan rakyat dan pelanggan tetapi bagi memulih imej peguam dan pandangan masyarakat.

Sebenarnya, pindaan terhadap Akta Profesion Undang-undang adalah berasaskan kepada apa yang dicadangkan oleh Majlis Peguam sendiri. Perkara sebegini tidak diberitahu kepada umum tetapi digembargemburkan seolah-olah ada, “lawyer bashing” itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika dijumlahkan golongan profesion dalam Dewan yang mulia ini, kita akan dapati bahawa peguam—sama ada mereka pengamal ataupun tidak—menjadi golongan yang teramai sekali. (*Tepuk*) Oleh itu, adalah tidak benar dan boleh dikatakan tidak adil untuk kita, bila diperkatakan isu mengenai peguam mereka tidak mempunyai wakil dalam Dewan ini. Yang mereka tidak ada adalah wakil yang bertauliah.

Saya lihat peguam-peguam daripada parti-parti Pembangkang telah melaksanakan peranan mereka dengan serius dan bersungguh-sungguh, walaupun ianya dilakukan dari sudut politik Pembangkang untuk tujuan keuntungan politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya berharap peguam daripada Pembangkang dalam membincangkan isu peguam lebih bersifat bertanggungjawab dan membawa isu-isu yang boleh membina dan menggalakkan dari membawa tuduhan-tuduhan terhadap Kerajaan.

Soal sama ada adalah hak Majlis Peguam patut menjemput Ketua Hakim Negara menghadiri Majlis mereka adalah perkara yang boleh dianggap remeh. Soal sebenarnya ialah soal penghormatan, maruah dan mertabat badan Kehakiman yang perlu dipertahankan sebagai, dengan izin, Officers of the Court. Mereka sebenarnya patut menghormati status and position of Office, dengan izin. Yang kita bincangkan ialah isu institusi dan bukan soal individu. Sudah tentu jauh sekali dari siapa yang hendak dijemput ke rumah kita.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya harap akan berperanan lebih bertanggungjawab dalam menyatakan saya merancang usul yang dibawa oleh 52 orang peguam dan mengetahui ianya akan gagal. Adalah satu kenyataan yang nakal, dengan izin, mischievous. Saya lihat dengan jelas bahawa Yang Berhormat Ketua Pembangkang cuba melahirkan buruk sangka di antara saya dan badan Kehakiman. Cukuplah jangan selalu sangat memainkan peranan pecah-belah. Saya tahu Yang Berhormat adalah Pembangkang tetapi tidaklah bermakna sudah kehabisan modal sehingga rela membuat tuduhan melulu dan tidak berasas. Janganlah cakap mengikut sedap mulut sahaja. Saya suka juga.....

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri tadi ada membuat

jaminan mengenai perkara kehakiman. Yang pertama, tadi beliau ada menyentuh mengenai kes Los Angeles dan bertanya sama ada timbul masalah kehilangan kepercayaan kepada kehakiman yang mencetuskan rusuhan di Los Angeles dan mengaitkan perkara ini dengan Majlis Peguam di Malaysia. Beliau juga bertanya sama ada mereka mahu perkara semacam ini berlaku dalam Malaysia, semacam apa yang berlaku di Los Angeles. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa perbandingan ini silap dan salah oleh kerana masalah di Los Angeles ialah kerana keputusan yang dibuat oleh kehakiman dalam satu kes yang sangat nyata tidak adil, yang sangat ketara dan sangat ternyata ketidakadilan institusi Kehakiman dalam State of California. Ini bukan dan tidak bersangkut-paut langsung dengan kedudukan peguam-peguam atau persatuan-persatuan peguam mengenai hak-hak rule of law. Sebenarnya kalau ada apa-apa perbandingan ialah kehilangan kepercayaan kepada kehakiman di Malaysia kalau keputusan-keputusan di mahkamah-mahkamah tidak adil. Itu satu perbandingan yang tidak tepat. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai apa yang saya kata dalam ucapan saya di Dewan atau mungkin di luar Dewan bahawa usul yang dikemukakan kepada Mesyuarat Agung Peguam-peguam Malaysia tentu akan ditolak oleh kerana tidak faham perasaan dan fikiran peguam-peguam. Bukankah ini benar? Bukankah Yang Berhormat Menteri dalang di bawah perkara ini supaya satu perkara dibangkitkan untuk mahu membuat satu ulangkaji yang akhirnya ditolak. Akhirnya masalah timbul di mana Lord President merasa ada satu penghinaan dan sepatutnya lebih elok perkara ini tidak dibangkitkan semula.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau

Yang Berhormat dari Tanjong mengikuti apa yang saya kata, saya katakan persoalan berkenaan dibangkitkan isu kebebasan Kehakiman, isu-isu Ketua Hakim Negara boleh menghakis keyakinan dan saya katakan jauhkan Allah dari kejadian ini berlaku di Malaysia. Oleh itu saya tidak membuat perbandingan. (*Tepuk*)

Yang Berhormat Tanjong juga bangkitkan bahawa Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan perintah supaya setiap peguam yang menghadiri pembicaraan di mahkamahanya membuat kenyataan sama ada mereka yakin atau tidak terhadapnya adalah amat memalukan dan menghina jawatan Ketua Hakim Negara dan menjadi bahan ketawa dunia kehakiman dan perundangan. Siapa yang memainkan badan Kehakiman sekarang, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan dahulu, lepas ini boleh. Mengenai perintah yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Negara, saya ingin memaklumkan bahawa sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 127:

“Kelakuan seseorang Hakim tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan suatu usul yang tersendiri dan notis mengenainya telah diberi oleh tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu, dan juga tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Dewan Negeri.”

Oleh itu Yang Berhormat, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tidak boleh saya jawab malahan soalan ini tidak boleh dikemukakan oleh Ahli Parlimen yang berkenaan.

Berkenaan perlantikan Ketua Hakim Negara telah dibuat mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan isu keyakinan terhadapnya sebagai Ketua Hakim Negara tidak timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu peruntukan itu dan Tuan Yang di-Pertua pun tahu peruntukan itu tetapi nampaknya perbahasan dalam Dewan yang mulia ini bukan sahaja peruntukan ini melarangkan perbincangan kelakuan Hakim-hakim tetapi melarang perbahasan terhadap kelakuan Raja-raja pun tidak dipatuhi dan pencadang yang memulakan ucapan menyentuh kedua-dua perkara ini. Tentulah tidak tepat untuk Yang Berhormat Menteri untuk menunjukkan peruntukan itu sekarang, tadi dia bertanya siapakah yang memainkan perkara ini. Dia yang memainkan perkara ini, oleh kerana kalau begitu dia pun tidak patut mengeluarkan perkara semacam itu.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Macam mana Yang Berhormat itu. Tetapi saya tidak akan jawab apa Yang Berhormat cakap oleh kerana saya tahu Yang Berhormat sudah terkeluar dari tajuk.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat dapat memainkan peranan yang lebih baik dan lebih positif. Ceritakanlah perkara yang sebenar, suasana dan perkara-perkara yang baik-baik belaka yang telah berlaku. Jangan cerita yang buruk-buruk sahaja. Bercakap berkenaan prosedur sedangkan selalu kita nampak tidak mengikut prosedur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan untuk menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Berkenaan Jawatankuasa Kecil Bahasa Malaysia di bawah Majlis Penguam, ianya telah ditubuhkan pada tahun 1975 dan dikatakan telah

dibubarkan pada tahun 1977. Pada pandangan saya apa yang penting berkenaan pelaksanaan Bahasa Malaysia ialah badan Kehakiman dapat melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah dengan berjaya. Pada masa kini pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret telah mencapai ke tahap 100%. Bagi Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi, pelaksanaan Bahasa Malaysia telah mencapai tahap lebih daripada 70%. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah di semua peringkat telah dilaksanakan pada 1hb Jun 1990.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan mengkaji semula fungsi Majlis Peguam supaya kewujudannya dapat memantap dan mengukuhkan lagi perjalanan sistem kehakiman negara, saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula fungsi Majlis Peguam.

Untuk makluman Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan bahawa Majlis Peguam adalah sebuah majlis yang bertanggungjawab mengenai hal-hal pentadbiran. Peguam Malaysia (Malaysian Bar) dan mengawasi fungsi-fungsi guaman dilaksanakan menurut Akta Profesion Guaman 1976. Adalah menjadi tugas Majlis Peguam memastikan amalan dan etika guaman di bawah Akta tersebut dipatuhi oleh ahli-ahlinya. Mana-mana pihak berhak mengemukakan pertanyaan-pertanyaan atau membuat aduan mengenai amalan dan etika ahli-ahli profesion tersebut dan menjadi tugas Majlis Peguam untuk menyiasat aduan yang diterima dan menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Mana-mana ahli yang didapati melanggar etika profesion tersebut akan diambil tindakan oleh pihak Majlis Peguam selain oleh Kerajaan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun membuat beberapa pindaan yang perlu kepada Akta Profesion Undang-undang bagi tujuan memperkemaskan perjalanan profesion undang-undang. Pindaan-pindaan yang telah dibuat baru-baru ini juga telah menyentuh prosedur tindakan tatatertib di mana semua prosiding tatatertib di bawah bidangkuasa Majlis Peguam dipindahkan kepada satu badan yang baru iaitu Lembaga Tatatertib. Keanggotaan Lembaga Tatatertib boleh terdiri dari orang biasa selain daripada peguambela dan peguamcara. Dengan adanya pindaan ini, kepentingan klien dan orang awam dapat dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Tabung Gantirugi ataupun Compensation Fund, dengan izin, yang disumbang oleh semua peguam dengan bayaran \$100 setahun dan juga perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat sebagaimana tuntutan gantirugi berjumlah \$18 juta dapat dipenuhi sedangkan tabungannya ialah \$238,700 sahaja pada tahun 1987.

Suka saya memaklumkan bahawa baru-baru ini pindaan kepada Akta Profesion Guaman telah memperkenalkan skim insurans indemnity profesional bagi peguam-peguam yang memberi faedah bukan sahaja kepada peguambela dan peguamcara, tetapi juga kepada klien mereka dan orang awam. Keadaan penyelewengan peguam menelan wang gantirugi pelanggan juga mungkin dapat diatasi dengan adanya skim insurans indemnity profesional bagi peguam-peguam.

Saranan Yang Berhormat supaya Kementerian Undang-undang, Badan Pencegah Rasuah dan Polis perlu mengambil perhatian agar masyarakat tidak tertipu oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab ini, suka saya menyatakan, orang awam mempunyai recourse dan ada prosedur-

prosedur tertentu untuk mengambil tindakan terhadap peguam-peguam berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Nilam Puri menyentuh tentang peristiwa di Los Angeles baru-baru ini dan menegaskan pentingnya keadilan yang hendak dilakukan oleh para hakim. Beliau juga menyatakan pentingnya kebebasan kehakiman di negara ini dikawal kerana rakyat bawahan khasnya sentiasa peka kepada keputusan yang dibuat oleh Mahkamah. Suka saya menjelaskan bahawa Badan Kehakiman adalah satu badan yang bebas, Kerajaan tidak masuk campur dalam kebebasan kehakiman dan ini telah terbukti dalam beberapa keputusan Mahkamah yang tidak menyebelahi pihak Kerajaan. Sebagai contoh, dalam tahun-tahun di antara 1987 dan 1991....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong bangun Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan ayat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: No, no, atas tajuk ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak, habis ayat ini, selepas itu saya beri jalan, penjelasan akan saya beri. Sebagai contoh, dalam tahun-tahun di antara 1987 dan 1991, pihak Kerajaan telah menang dalam 598 kes dan kalah dalam 335 kes. Walau bagaimanapun, terdapat golongan-golongan tertentu seperti persatuan-persatuan sekerja yang memburukkan imej negara di luar negeri dan menyatakan badan Kehakiman tidak bebas. Kalau Yang Berhormat ada hendak penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Keputusan mahkamah yang ada diberi bagi pihak

seorang yang menentang Kerajaan. Adakah Kerajaan terima keputusan itu? Tidak terima. Ada dua kes dalam Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada Sabtu lalu dalam kes Ang Cheng Keng. Ang Cheng Keng ada mendapat satu perintah *habeas corpus* dan perintah itu adalah dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Kehakiman, Tuan Vincent Ang Kim Khuay. Ini bermakna beliau dibebaskan serta-merta.

Tuan Speaker, itu adalah pada 2 haribulan Mei tahun ini. Pada 5 haribulan Mei apabila perintah ini ada diserahkan kepada Penguasa tempat tahanan di Muar, apabila Ang Cheng Keng ini dilepaskan dan dibebaskan, apabila dia keluar daripada tempat tahanan itu, beliau ada ditahan pada jam 3.20 petang oleh seorang Inspektor, Mohamed Dawab. Dan, pada hari yang sama, lagi satu kes—kes Lee Guan Seng, serupa juga, Tuan Yang di-Pertua, satu perintah *habeas corpus* ada dikeluarkan oleh Pesuruhjaya....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Setar bangun. Nanti sekejap Yang Berhormat, nanti sekejap.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: 36 (1) Tuan Yang di-Pertua. "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan". Ini kes kekalahan beliau di mahkamah Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kaitan dengan jawapan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Jelutong ya.

Tuan R. Karpal Singh: Ini seorang yang bodoh, saya tidak faham apa yang dikatakan. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini perkataan yang tak baik. Tarik balik Tuan Yang di-Pertua! *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat menggunakan perkataan 'bodoh', itu tidak boleh. Minta tarik balik *(Disampuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Saya tarik balik menggantikan tidak arif—tidak arif.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah tarik balik. *(Disampuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Dengar apa yang dikatakan; bukan kalah dua kes ini, menang kes ini, tetapi Kerajaan tidak mahu terima keputusan mahkamah itu! Bolehkah saya dapat tahu oleh kerana apa dalam dua kes ini Kerajaan tidak terima keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan R. Karpal Singh: Dan dalam kes Ang Cheng Keng.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah!

Tuan R. Karpal Singh:apa yang ada dikatakan, saya mahu baca apa yang ada di sini, salahguna kuasa oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Ini kes Ang Cheng Teng dan dalam satu affidavit yang ada dibuat oleh

Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 20hb April tahun ini beliau ada menyatakan. Jangan minum air, sabar, jangan takut! *(Ketawa)* Stand up!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta Yang Berhormat Jelutong duduk dahulu sekejap, Tuan Yang di-Pertua oleh kerana beliau mencabar saya, biar saya bercakap sedikit.

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum habis, saya belum habis.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah itu.

Tuan R. Karpal Singh: Belum habis lagi.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya sudah beri jalan, dia jalan terlampau jauh, pergi ke mana-mana entah!

Tuan R. Karpal Singh: No, saya tidak memberi jalan kepada Yang Berhormat sekarang. *(Ketawa)*

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Takutkah? *(Ketawa)* Hah, sudah takut, dia takut! Terima kasihlah, takut! *(Disampuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Dengar, kes ini kes Ang Cheng Teng. Menteri buat satu affidavit mempertahankan tahanan Ang Cheng Teng dalam para 5.

Tuan Yim Chee Chong: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Seremban bangun Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sama ada siapa yang berucap sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, nanti sekejap, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat dari Seremban ini dia tidak waraslah. There is no point to argue with that man. *(Ketawa)* *(Disampuk)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar bangun Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order atau apa, dia kena beritahu.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak mahu beri, tak payah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya mahu tahu siapa lawyer dalam kes itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya lawyer, hari itu saya sudah bongkar katakan kepentingan saya! *(Disampuk)* Sudah bongkar ini!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, ini kes persendirian.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar, Kota Setar, nanti sekejap, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Jelutong, jika sekiranya....

Tuan R. Karpal Singh: Ada memaklumkan kepada Tuan Speaker pada hari itu, okay, di situ juga.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, hari itu Yang Berhormat mengemukakan, pada hari ini sebelum mengemukakan, hendaklah minta kebenaran.

Tuan R. Karpal Singh: Serupa, kes yang sama, Tuan Yang di-Pertua pun sudah tahu, itu juga.

Tuan Lim Kit Siang: Perbahasan yang sama pun!

Tuan R. Karpal Singh: Perbahasan pun sama atas tajuk....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, minta pertimbangan, tidak ada kaitan.

Datin Ling Chooi Sieng: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Setar, sila duduk sekejap. Duduk sekejap. Yang Berhormat Jelutong, jikalau sekiranya hendak bawa semula....

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Datin Ling Chooi Sieng: Point of order, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Saya hendak beri ruling.

Tuan R. Karpal Singh: Ini perempuan setia di sana sekarang. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, jikalau hendak bawa semula, kenalah minta permohonan semula.

Tuan R. Karpal Singh: Ya boleh, boleh, itu boleh jikalau Tuan Yang di-Pertua memerintah seperti itu. Serupa, kalau itu ruling, saya terima. Hari itu saya sudah memaklumkan kepada

Dewan. Hari inipun saya memaklumkan. Ada pecuniary interest, saya jadi peguam bagi kedua-dua....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tahulah.....

Seorang Ahli: Tak boleh, tak boleh!
(*Disampuk*)

Seorang Ahli: Apa tidak boleh?

Tuan R. Karpal Singh: Mana boleh tak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Jelutong. Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya. So, dalam kes ini, apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri ini, pada 30hb Julai 1991 saya telah menerima satu laporan hal keadaan penangkapan dan penahanan terhadap Tan Kok Hwa dan oleh itu buat satu perintah menahan Ang Cheng Keng. Mahkamah Tinggi Pulau Pinang memerintahkan atas point ini, *habeas corpus* dikeluarkan. Tetapi apa terjadi? Adakah Kerajaan terima keputusan itu walaupun keputusan itu ada dikompaun oleh apa yang terjadi dalam kes itu. Oleh kerana apa tidak mahu terima apa yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah yang tertinggi sekali dalam Pulau Pinang? Saya mahu dapat tahu apa ini hypocrisy or we accept decision of the government? Bolehkah saya dapat tahu dalam dua kes ini, oleh kerana apa kedua-dua orang ini ditahan semula?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua,.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kota Setar bangun atas point of orderkah?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: 35 (6).

“35 (6) Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya.....”

Yang Berhormat ini lawyer di dalam kes ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu adalah faedah kewangan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia telah pun mengeluarkan, memaklumkan kepada saya, kepada Dewan ini di atas kepentingannya.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ada kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua: Dan saya telah membenarkan dia berucap, ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Beri tahu banyak mana?
(*Ketawa*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam kes ini Yang Berhormat telah dapat membuktikan kebebasan kehakiman. Oleh kerana kebebasan kehakimanlah Yang Berhormat menang kes dan buat duit (*Ketawa*).....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu, saya tidak beri jalan, nanti dahulu, biar saya habis, duduk dahulu!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak beri jalan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak ada kepentingan dalam politik....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu saya pulalah, tadi saya beri Yang Berhormat untuk menjawab, untuk membuat penjelasan. Yang Berhormat buat penjelasan berjela-jela.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga kena terima hakikat segala penangkapan atau the arrest adalah mengikut peruntukan undang-undang dan Yang Berhormat juga berhak untuk mengambil tindakan yang perlu. Itu adalah Yang Berhormat punya hak sebagai seorang peguam yang mewakili.....

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau hendak penjelasan pendek boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak buat ucapan tidak usah.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan, pendek. Dalam dua kes ini atas sebab apa kedua-dua ini ada ditahan semula, atas sebab apa, bolehkah beritahu sekarang?

Tuan Othman bin Abdul: Dia salah—dia salah. (*Ketawa*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir persoalan ini Yang Berhormat telah bawa kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri dan sudah diberikan jawapan. Dan saya tidak ingin untuk melanjutkan perbahasan dalam isu ini. Oleh kerana kalau Yang Berhormat ada bukti-bukti yang menunjukkan segala tindakan kita bertentangan dengan undang-undang dan Yang Berhormat mengikut Rule of Law tidak mempunyai hak untuk membebaskan, mengambil tindakan *habeas corpus*, bolehlah Yang Berhormat bercakap berkenaan “dilepaskan” dan Kerajaan tidak menghormati. Kita menghormati kebebasan dan selepas itu kita mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang. Kita bersetuju atau tidak itu soal lain.....

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu tahu apakah peruntukan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, saya tidak benarkan Yang Berhormat bercakap macam itu? Kena minta kebenaran dahulu, ya.

Tuan R. Karpal Singh: Saya minta kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak kepada dia?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Seorang Ahli: (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Itu peraturan Yang Berhormat, yang kesemua Yang Berhormat juga yang ikut. Ya, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ikut,....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh:..... tetapi jikalau mahu bukti.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat tidak boleh berucap lagi. Sila teruskan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka beralih kepada beberapa pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Yang Berhormat dari Kok Lanas membuat kenyataan terhadap undang-undang yang mengatakan contoh-contoh yang diberikan iaitu peruntukan undang-undang di bawah Akta Kesatuan Sekerja, di bawah Akta Profession Undang-undang, bercanggah dengan peruntukan

Perlembagaan Perkara 10(1)(c). Kenyataan bahawa terdapat undang-undang seperti contoh-contoh yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat mengatakan ia bercanggah dengan peruntukan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak berasas. Undang-undang berkenaan Seksyen 15(29) dan 52 Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Seksyen 46(a) Akta Profession Undang-undang 1976, bukannya meletakkan sekatan kepada kebebasan berpersatuan, tetapi bertujuan untuk mengawalselia dan menentukan supaya persatuan yang wujud itu adalah sah di sisi undang-undang, dan tidak diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu bagi memperjuangkan ideologi ataupun parti politik mereka.

Seksyen 15 Akta Kesatuan Sekerja 1959 misalnya menyenaraikan keadaan-keadaan yang membolehkan Pendaftar menggunakan budibicaranya untuk membatalkan atau menarik balik sijil sesebuah Kesatuan Sekerja. Antara keadaan tersebut ialah:

Pertama, sijil dikeluarkan secara Fraud atau tersalah keluar.

Kedua, objek atau Persatuan-persatuan itu menyalahi undang-undang.

Ketiga, Kesatuan digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang.

Seksyen 29 dan 52 Akta Kesatuan Sekerja dan Seksyen 46(a) Akta Profession Undang-undang bertujuan memastikan kepentingan ahli-ahli diutamakan dan pemimpin-pemimpin Kesatuan atau Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar dan lain-lain, tidak dibenarkan melibatkan diri di dalam kegiatan politik.

Kenyataan Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa Seksyen 13(3) dan Seksyen 23 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 bercanggah dengan

Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan, tidak tepat oleh kerana peruntukan-peruntukan tersebut menyentuh tentang perundingan kolektif, dengan izin collective bargaining, dan bahagian-bahagian di Mahkamah Perusahaan, lagipun Akta berkenaan bertujuan mengawalselia perhubungan di antara majikan dan pekerja, di samping mengelakkan dan menyelesaikan sebarang pertikaian yang mungkin timbul.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Setar ada membangkitkan yang berkenaan.....

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun buat apa?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Usul.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nanti sekejap.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar selesai dibahas dan diluluskan.”

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyekong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, itu disetujukan,

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar selesai dibahas dan diluluskan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Setar ada membangkitkan berkenaan perkara dua bar, iaitu satu bar di mana mereka minum sehingga mabuk dan satu lagi bar dieja dengan huruf besar “BAR”. Bar dengan huruf besar BAR ini adalah satu perkataan yang digunakan untuk mereka yang telah dibenarkan hadir di mahkamah sebagai advocate dan mewakili mana-mana pihak dalam kes-kes.

Mengikut Oxford Law Dictionary perkataan “Bar” adalah satu collective term bagi mereka yang telah dimasukkan ke Inns of Court, di dalam

mahkamah “The Bar” merupakan imaginary barrier yang mengasing Hakim-hakim dan barisan pertama di mahkamah itu dengan mereka yang lain, yang hadir di mahkamah. Jadi saya harap perkataan itu tidak.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan sedikit.

Saya sebutkan tentang dua Bar ini, oleh sebab timbul masalah bukan semua peguam, segolongan peguam yang telah disebutkan oleh Menteri yang telah banyak menyeleweng, menipu rakyat, masyarakat. Jadi, sebab itulah pandangan saya sebagai orang yang di luar daripada bidang guaman ini, oleh sebab adanya keadaan yang semacam ini, maka barulah timbul lagi satu bar itu. Kalau tidak tak timbul, pada orang kampung, kalau lawyer itu memang the best, yang pandai, tetapi sekarang baru kita tahu, lawyer itu bukan pandai sangat, dia 50% sahaja pandai, sebab bila dua orang lawyer masuk dalam Court satu sahaja menang, satu lagi kalah. (*Ketawa*) Kadang-kadang macam lawyer daripada Jelutong, kadang-kadang dia menang, kadang-kadang dia kalah, 50% pandai sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:pandai diapun kadang-kadang pandai, kadang-kadang bodoh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa dia penjelasan itu?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak ada hendak buat apa-apa penjelasan, saya percaya yang diperkatakan barangkali bukan peguam-peguam yang disebelah sinilah (*Ketawa*).....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan pula.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa beliau barulah 50% pandai.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tadi baru cakap, saya tidak ingin komen, kalau Yang Berhormat percaya, Yang Berhormat 50% pandai begitulah taraf Yang Berhormat—saya tidak tahulah. (*Ketawa*) Dan saya mengatakan saya tidak termasuk dalam golongan itu tadi, sudah nyata sekali.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong bangun, Yang Berhormat hendak beri?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini penjelasan apa lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir, biar saya habiskan, ini sudah.....

Tuan R. Karpal Singh: No, no, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Pendek sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Rakan saya dari Tanjong silap tadi, bukan 50%, ini 0%, saya tidak pernah temui dia dalam mahkamah—tidak lawan kes langsung—tidak menang, tidak kalah,

oleh kerana tidak ada dalam mahkamah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong itu bukan penjelasan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tahu Yang Berhormat ini suka bercakap Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dia bercakap, kadangkala saya pun kasihan, dia sudah hiru ke mana-mana entah perginya, sampai tidak ada modal lagi bercakap macam itu. Saya tidak fikir itu is unbecoming of a.....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Menteri Undang-undang, sama ada bersetuju dengan saya ataupun tidak, peguam yang tidak kalah dan tidak menang adalah pandai 100%, setujukah? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya boleh teruskan Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Jelutong sudah berjaya membawa Dewan ini ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang dibangkitkan berkenaan kuasa Peguam Negara di bawah Seksyen 376 Kanun Acara Jenayah. Suka saya terangkan bahawa Peguam Negara dilantik mengikut peruntukan Artikel 145 Perlembagaan Persekutuan. Di bawah Fasal 3 Artikel yang sama, Peguam Negara diberi kuasa untuk menggunakan budibicara sama ada hendak memulakan, menjalankan ataupun menghentikan mana-mana proceeding bagi sesuatu kesalahan. Mengikut Seksyen 376 Kanun Acara Jenayah, Peguam Negara memanglah merupakan Pendakwa Raya. Kuasa dan budibicara Peguam Negara itu dilaksanakan mengikut undang-

undang. Walau bagaimanapun, pendakwaan itu dijalankan dengan tidak mengira bangsa, jawatan atau kedudukan sekiranya didapati kesalahan berlaku.

Yang Berhormat dari Kok Lanas juga membangkitkan supaya Peguam Negara bertanggungjawab terus kepada Parlimen. Di dalam keadaan yang sekarang segala tindak-tanduk tiap-tiap pegawai ataupun mereka yang memegang jawatan boleh dipersoalkan di Parlimen. Oleh itu, soal itu tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka akhir ulasan saya mengenai Kementerian Undang-undang, saya merakamkan rasa kecewa dan sedih di atas bahasa yang digunakan dalam perbahasan oleh Wakil dari Semangat 46, iaitu Wakil dari Kota Bharu yang mengeluarkan perkataan 'lanun' kepada penyokong-penyokong UMNO dan mengatakan 'Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan UMNO cuba merompak harta UMNO melalui mahkamah'. Bahasa yang sebegini rupa yang digunakan, 'merompak melalui mahkamah', tidak menerima hakikat keadilan dan tidak menerima kebebasan kehakiman dan kes-kes yang dibawa mengikut proses undang-undang. Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat dari Kota Bharu akan mengambil sikap yang lebih waras.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Menteri yang saya kasihi, adakah wajar bagi seorang peguam mengeluarkan perkataan-perkataan bahawasanya 'penyokong-penyokong UMNO itu lanun' sebagai peguam mahkamah?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Kota Setar, nanti sekejap. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, perkataan 'perompak melalui mahkamah' sepatutnya tidak dikeluarkan lebih-lebih lagi oleh peguam, tetapi orang biasa pun tidak patut menggunakan perkataan 'perompak', oleh kerana sesuatu kes yang dibawa ke mahkamah akan ditentukan keadilannya mengikut fakta dan undang-undang. Jadi, soal 'merompak' tidak timbul langsung.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya minta Yang Berhormat Menteri itu gunakan peribahasa Cina yang saya dengar tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kalau orang jahat, dia selalu fikir orang lain jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Minta bahasa Arab bolehlah. (*Ketawa*) Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua cakap, kalau dalam bahasa Cina saya minta maaf, tetapi semua Ahli Yang Berhormat dari DAP sudah faham itu tadi. Jadi, tidak payah kita ulang yang dibangkitkan tadi. Jadi, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, biarlah kita menggunakan bahasa-bahasa yang baik. Kalau kita mengikut pepatah Melayu, budi-bahasa, adab dan sopan-santunnya, dia menunjukkan bangsa iaitu "Yang korek itu kendi, yang merah itu saga. Yang molek itu budi, yang indah itu bahasa". Saya harap Yang Berhormat dari Jelutong fahamlah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi penerangan dan pendapat tentang Kementerian Undang-undang, dan segala pandangan akan diberi perhatian. Saya minta maaf kalau ada mana-mana perkara yang telah saya tertinggal daripada menjawabnya, dan kita akan melihatnya kembali. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Luar Negeri.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan beberapa perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Luar Negeri sewaktu membahaskan Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan DiRaja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang dan Nilam Puri adalah berkaitan dengan penubuhan pengkalan oleh Amerika Syarikat di rantau ini dan penggunaan Pengkalan Tentera Laut di Lumut oleh kapal-kapal perang Amerika Syarikat. Berkenaan dengan hal ini, ingin ditegaskan bahawa Malaysia sememangnya menentang sebarang penubuhan pengkalan Tentera Amerika Syarikat secara tetap di rantau ini. Saya percaya negara-negara ASEAN yang lain pun tentunya tidak akan merestui sebarang tindakan oleh Amerika Syarikat yang boleh menjejaskan keselamatan negara dan kawasan rantau ini. Sebarang langkah oleh kuasa-kuasa luar mesti mengambilkira

supaya kepentingan negara-negara di rantau ini terpelihara dan tidak terjejas. Kehadiran mereka di waktu ini hanyalah dibataskan kepada mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan baikpulih atas dasar komersil semata-mata, umpamanya penggunaan Pengkalan Tentera Laut Malaysia di Lumut. Oleh itu, ianya tidak akan menjejaskan keselamatan negara-negara di kawasan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga menggesa supaya masalah sempadan yang melibatkan negara jiran diselesaikan. Suka saya menjelaskan bahawa sememangnya menjadi hasrat dan tujuan Malaysia menyelesaikan segala masalah sempadan dengan negara-negara jiran secara aman melalui proses perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Yang Berhormat dari Sibu telah menyentuh mengenai penglibatan Malaysia berhubung dengan isu-isu alam sekitar khususnya penyertaan Malaysia dalam Persidangan Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan ataupun UNCED di Rio de Janeiro, Brazil. Kenyataan Malaysia ke Sidang Kemuncak Bumi di Rio ini merupakan satu keputusan yang tepat dan wajar dari segi mempertahankan pendirian Malaysia mengenai isu-isu yang penting kepada negara. Isu-isu ini termasuklah isu-isu sumber kewangan, pemindahan teknologi, perubahan iklim, institusi perhutanan, biological diversity dan bio-technology, dengan izin, di mana Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam UNCED yang merupakan satu proses penting dan berterusan. Di UNCED Rio, Malaysia juga akan mempertahankan 'Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan' yang merupakan kata sepakat negara-negara membangun yang menyertai Persidangan Kedua Menteri-menteri Negara Membangun mengenai Alam sekitar....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:dan Pembangunan di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat hendak kejar menyaksikan 'Piala Thomas'—laju ucapannya. Moga-moga kita dapat kemenangan malam ini yang penting bagi kita semua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya Yang Amat Berhormat pada mulanya mengumumkan bahawa beliau tidak akan menghadiri mesyuarat Persidangan di Rio, tetapi kemudian dia kata dia hendak pergi kerana mengambil peranan yang aktif di dalam mesyuarat Kuala Lumpur.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat pun, kalau tanya benar-benar sudah tahu sebabnya mengapa Perdana Menteri pada mulanya tidak mahu hadir. Perkataan 'Perdana Menteri tidak mahu menghadiri persidangan di Rio' itu digunakan sebagai tempat hendak test negara-negara membangun tentang alam sekitar. Tetapi oleh kerana ada sedikit perubahan, apatah lagi semasa Persidangan Negara-negara Membangun di Kuala Lumpur baru-baru ini yang mana satu deklarasi mendapat sambutan yang agak menyeluruh oleh negara-negara membangun, maka dengan juga desakan oleh negara-negara yang hadir itu maka Perdana Menteri telahpun menukar pendirian beliau dan akan menghadiri Sidang UNCED di Brazil pada bulan Jun akan datang.

Mengenai penguasaan oleh Amerika Syarikat dalam PBB sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri, ingin saya menjelaskan

bahawa sejajar dengan mandat yang ditetapkan oleh PBB, Malaysia sentiasa berwaspada mengenai hal itu agar kewibawaan PBB tidak terjejas akibat didominasi oleh sesuatu negara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan di atas, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh hal ehwal bidang tugas Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan tersebut. Kementerian saya akan memberi perhatian yang sewajarnya di atas segala pandangan yang telah diutarakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jabatan Perdana Menteri. Panjang lagikah?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Panjang tetapi saya cuba pendekkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang mengatakan perlawanan "Thomas Cup" malam ini. Kepong kata ada perlawanan "Thomas Cup"—bukan saya yang kata. (*Ketawa*)

6.28 ptg.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kepong telahpun mendoakan kejayaan kita. Insya Allah, kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam pembahasan atas Titah DiRaja dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Padang Serai, Kerajaan sentiasa menghormati rayuan dan perasaan rakyat yang beragama Hindu untuk

menjadikan Hari Thaipusam sebagai Hari Kelepasan Am, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, tetapi juga di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Hari Thaipusam sebagai Hari Kelepasan Am bagi Wilayah Persekutuan. Ini memandangkan bahawa Cuti Umum yang sedia ada adalah terlalu banyak. Di samping itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu supaya pegawai dan kakitangan Kerajaan yang beragama Hindu dibolehkan memohon cuti rehat untuk menyambut hari tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah juga menyentuh tentang beberapa aspek pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) khususnya mengenai saraan yang ditawarkan kepada anggota-anggota Pasukan Polis. Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah memberi gambaran bahawa Kerajaan telah tidak berlaku adil dan saksama dalam menentukan saraan anggota-anggota Pasukan Polis di bawah SSB.

Saya ingin menegaskan sepertimana jawapan yang telah diberi kepada pertanyaan mulut kepada Ahli Yang Berhormat Bayan Baru pada 29hb April 1992 dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 30hb April 1992 bahawa Kerajaan telah mengambilkira semua kepentingan dalam membuat kajian menyeluruh sektor awam yang telah menghasilkan SSB. Pertimbangan yang khusus telah diberi kepada kedudukan relativiti yang ditentukan di bawah laporan JKK 1976 yang diterimapakai tanpa pengubahsuaian di bawah SSB.

Perkhidmatan Polis diletakkan di tahap lebih tinggi daripada Perkhidmatan Awam Am tetapi lebih rendah daripada Perkhidmatan Tentera jika menggunakan ukuran kelulusan akademik yang sama. Kerajaan mengambil ingatan bahawa sekiranya Perkhidmatan Polis hendak diletakkan setaraf dengan kedudukan Tentera,

maka tindakan ini akan menjejaskan kedudukan relativiti dan seterusnya akan mengakibatkan pihak Tentera pula meminta supaya kedudukan relativiti tersebut dikekalkan. Dengan itu, maka tidak ada penyelesaian kepada isu tersebut.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pertimbangan ini serta juga mengambilkira kepentingan-kepentingan dan keperluan-keperluan yang wujud dalam perkhidmatan-perkhidmatan masing-masing, Kerajaan telah menggubal SSB secara yang adil dan saksama. Oleh itu, tidak wujud ketidakadilan sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: (**Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin:** Yang Berhormat Menteri, Tanjong bangun.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir oleh kerana masa terhad, saya fikir biar saya habiskan dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Minta maaf, saya tidak dapat beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: (**Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin:** Dia tidak beri, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu beri chance kepada 100,000 orang dalam Pasukan Polis.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya telahpun menjawab beberapa perkara....

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta Yang Berhormat menjelaskan, ini satu perkara yang pendek.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oleh kerana saya ingin meneruskan saya minta Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua: (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Susahlah 100,000 orang Polis dalam negara ini.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Yang Berhormat cuba mendapat dan menaikkan perasaan sedangkan Yang Berhormat tahu tuduhan Yang Berhormat buat itu tidak betul dan saya telah mengatakan ia berasaskan kepada asas-asas yang saksama dan relativiti yang telah diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Setar ada mencadangkan supaya digubal satu undang-undang khusus mengenai penderhakaan terhadap negara. Undang-undang khusus mengenai penderhakaan tidak perlu diwujudkan kerana undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi seperti Akta Hasutan 1948, Akta 15, Bab 6, Kanun Keseksaan, SMS, Bab 45 berkaitan dengan kesalahan-kesalahan terhadap negara. Antara kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam Bab tersebut ialah kesalahan:

- (a) melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja, dan
- (b) merencanakan atau meniatkan akan kematian atau cedera kepada Yang di-Pertuan Agong,

Raja, waris atau pengganti mereka.

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta 82 yang mempunyai peruntukan-peruntukan berkaitan dengan Keselamatan Dalam Negeri Malaysia, tahanan, pencegahan perbuatan subversif, menghapuskan keganasan, merancang terhadap orang dan harta dalam kawasan-kawasan tertentu di Malaysia.

Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Marang, Pasir Mas dan Kok Lanas telah menyentuh beberapa perkara mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang telah membangkitkan akan kelemahan Suruhanjaya Pilihanraya yang kononnya gagal menempatkan pegawai-pegawai dan pakar-pakar perubatan di tempat-tempat mengundi untuk mengesahkan keupayaan seseorang pemilih yang uzur atau tidak berdaya untuk membuang undi.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan itu bukanlah satu kelemahan Suruhanjaya Pilihanraya. Ini ialah oleh kerana undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa sekarang tidak memerlukan pakar-pakar atau pegawai-pegawai perubatan ditempatkan di tempat-tempat mengundi.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas telah membangkitkan tentang penggunaan jentera Kerajaan iaitu media massa untuk kempen pilihanraya. Tuduhan yang menyatakan jentera Kerajaan digunakan untuk membantu kempen pilihanraya dibuat secara menyeluruh tanpa apa-apa asas sebenar kerana sebenarnya mereka adalah menjalankan tugas rasmi yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas berhubung dengan penafian hak ke atas Yang Amat Berhormat

Menteri Besar Kelantan untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Besar, suka saya menjelaskan di Dewan ini bahawa Mesyuarat-mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri adalah berupa satu forum pentadbiran bagi tujuan menyelaras kegiatan-kegiatan perhubungan dan mengendalikan urusan-urusan serta menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah yang menyetuh kepentingan bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan atau Timbalan Menteri Besar sebagai wakil dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dalam Majlis ini tidak disyaratkan oleh undang-undang atau Perlembagaan Persekutuan.

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah tidak dijemput hadir, namun kepentingan rakyat negeri-negeri tersebut tidak akan diabaikan. Bagi maksud untuk menerima pendapat-pendapat dan mengetahui keperluan-keperluan mereka, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan akan hadir secara tetap dalam majlis-majlis mesyuarat akan datang sebagai mewakili negeri Kelantan dan Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi akan hadir sebagai mewakili negeri Sabah.

Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Kongres Ekonomi Bumi-putera Ketiga telah membuat resolusi supaya dipupuk nilai dan etika niaga yang murni dan budaya keusahawanan hendaklah berlandaskan etika niaga mengikut nilai-nilai Islam yang murni.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah telah menjalankan tugas yang telah diamanahkan dengan mengikut kaedah-kaedah perancangan penyelarasan dan pelaksanaan yang telah ditetapkan oleh

Kerajaan. Di samping itu, Jabatan ini juga mengambilkira segala faktor untuk menjamin dan mewujudkan kesejahteraan serta keharmonian rakyat Sabah seluruhnya selaras dengan hasrat untuk membangunkan ekonomi negeri Sabah oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini, segala pelaksanaan program-program pembangunan adalah dipastikan terlebih dahulu kepentingan dari segi kemanfaatan rakyat tanpa mengira keturunan, agama ataupun fahaman politik.

Berkaitan dengan projek-projek pembangunan luar bandar, khususnya projek-projek kecil, Jabatan ini senantiasa prihatin dan mengambilkira segala permintaan daripada penduduk-penduduk terutama penduduk-penduduk luar bandar yang serba kekurangan. Walaupun di setengah tempat sudah ada projek-projek kecil tetapi Jabatan ini telah mendapati projek kecil itu seperti gelanggang permainan masih tidak dapat menampung keperluan dan kehendak penduduk-penduduk setempat. Sehubungan dengan ini, kemudahan-kemudahan seperti gelanggang permainan telah ditambahkan atau diadakan lagi bagi kepentingan dan keperluan rakyat.

Kaedah yang sama juga telah digunakan dalam mendirikan masjid-masjid dan surau-surau. Pembinaan surau-surau kecil adalah diperlukan dan sesuai untuk penduduk setempat menjalankan ibadah mereka.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mencadangkan supaya pilihan-raya kecil tidak diadakan apabila berlaku kekosongan di Dewan Rakyat atau di Dewan Undangan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini jika hendak dilakukan satu pindaan kepada Perlembagaan Malaysia hendaklah dibuat kerana mengikut Perkara 54(1) Perlembagaan, apabila berlaku kekosongan luar jangka di Dewan Rakyat, pilihanraya

hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari. Peruntukan yang sama juga terdapat dalam Perlembagaan dan Undang-undang Tubuh negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, soal hudud menjadi topik yang dibincangkan dengan cara meluas dan panjang lebar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Ahli-ahli Jemaah Menteri yang beragama Islam dan Ahli-ahli Parlimen UMNO tidak menafikan hukum-hukum Allah. Akibat keghairahan PAS yang ingin melaksanakan hudud, PAS telah menggambarkan seolah-olah hudud itu satu undang-undang baru dan seterusnya menimbulkan kesangsian, kecurigaan dan pertentangan di semua pihak khususnya mereka yang bukan beragama Islam.

Akibat dari tindakan PASlah terdapat setengah pihak yang telah memberikan berbagai pandangan. Ada setengahnya menjadi takut terhadap hukum hudud. Kesemuanya ini adalah kesilapan PAS yang bercakap tanpa persediaan rapi mengenai hudud. Akhirnya pemahaman yang munasabah di kalangan masyarakat gagal di-garapkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, Nilam Puri bangun.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Dia tidak beri jalan, Nilam Puri.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ternyata sekali PAS tidak berminat dengan hukum Allah tetapi mencari kepentingan politik di sebalik hukum Allah.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan hukum hudud yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah ditimbulkan oleh Pembangkang, PAS khususnya semata-mata bagi tujuan politik. Motifnya dan matlamatnya nyata sekali bertujuan untuk kepentingan politik kepartian mereka untuk mengalihkan pandangan rakyat tentang kepincangan dan kelemahan mereka sendiri dalam memerintah negeri Kelantan sedangkan isu ini adalah satu isu hukum Islam yang tidak patut digadaikan bagi kepentingan politik mereka. Minat mereka ialah hendak menunjukkan mereka lebih arif, lebih jujur dan lebih Islam daripada orang Islam yang lain. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab PAS yang ingin melaksanakan hukum hudud untuk membentangkan secara terperinci kepada Dewan yang mulia ini. Perkara ini dibesarkan oleh PAS untuk memburukkan UMNO sedangkan mereka sendiri tidak membuat apa-apa persiapan. Sehingga ini mereka tidak membuat apa-apa pembentangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada PAS saya ingin mengucapkan tahniah kerana telah berjaya mengalihkan pandangan dan menimbulkan kekeliruan. Nyata sekali PAS tidak punya kejujuran. Sedangkan pada hemat saya apa yang perlu dilakukan oleh orang-orang yang kononnya mendakwa terlalu Islamic, ialah mengadakan syura dan melihat Islam secara keseluruhan, dengan meningkatkan kefahaman yang munasabah di kalangan rakyat secara penuh hikmah. Ini tidak dilakukan oleh PAS, mereka lebih redha memperjudikan isu ini bagi kepentingan politik yang sempit.

PAS sebenarnya bertopengkan hukum Allah untuk tujuan politik, bukan soal hukum yang dibincangkan dan dijadikan matlamat tetapi politik mereka yang menjadi matlamat utama.

Tuan Yang di-Pertua, PAS tidak berhak untuk menjatuhkan kesalahan kepada Kerajaan melalui penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan. Gembargembur yang terjadi sekarang adalah atas minat untuk menjadikan UMNO dan Barisan Nasional sebagai penghalang, demi kepentingan politik mereka.

Selama 38 tahun PAS wujud di bumi Malaysia mereka tidak membuat sebarang gagasan perundangan ke arah tersebut. Malah tempoh 18 tahun PAS memerintah Kelantan, perkara ini tidak dibuat atau ditonjolkan. Apakah yang telah PAS lakukan di dalam pendidikan Islam dan ekonomi Islam? Ummatic responsibility ataupun tanggungjawab ummah....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jafar Albar: Biar saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahirudin): Tidak beri jalan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jafar Albar: Tidak. Biar saya teruskan. Adalah penting tanpa menyalahkan atau menuduh secara liar, menghina dan bersikap keterlaluan kepada pihak yang lain.

Cara Kerajaan Barisan Nasional membina dan mengembangkan syiar Islam adalah ikhlas demi kebaikan rakyat. Ternyata usaha ini memberi manfaat kepada semua rakyat di negara ini dan tidak mengganggu kepentingan orang-orang bukan Islam. Penyediaan asas ini adalah penting.

Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS sekarang sedang mencari helah lain untuk terus menuduh pihak lain yang salah. Sedangkan mereka mengaku yang diri mereka adalah benar.

Perbetulkanlah rumah sendiri dulu. Ajaklah DAP dan Semangat 46 yang tidur sebantol untuk mencari pendirian bersama semacam pilihanraya umum yang lalu. Apa yang nyata percantuman mereka telah menimbulkan kesangsian yang baru. DAP sendiri serba salah, manakala Semangat 46 pula sanggup menyokong usul PAS tetapi dengan syarat-syarat tertentu. Beginilah tindak-tanduk dan cara yang dimainkan oleh PAS dan saya harap mereka akan sedar dan insaf dan menjadi kaum muslimin yang betul-betul jujur dan ikhlas bagi memperjuangkan kepentingan umat Islam. (Tepuk)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada persoalan lain.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Nilam Puri, dia tidak beri jalan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jafar Albar: Sudah habis berkenaan Hudud.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandau dan Yang Berhormat dari Tawau telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan pendatang tanpa izin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat sedar dan memahami masalah pendatang luar negeri yang berada di Sabah dan di Wilayah Persekutuan Labuan. Menyedari akan kedudukan tersebut, Kerajaan Pusat telah menubuhkan pasukan petugas khas khusus untuk merancang, melaksana dan menyelaraskan tindakan-tindakan yang sesuai ke arah penyelesaian masalah ini. Kerajaan Pusat mempunyai strategi tertentu untuk mengatasi masalah ini sama ada di laut, di darat, di bandar-bandar dan di kawasan-kawasan pedalaman dalam rangka gerakan-gerakan pencegahan dan pengusiran.

Seramai 21,978 orang pendatang tanpa izin telah ditangkap dalam operasi-operasi yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasa dalam tahun 1990/1991. Manakala 25,932 orang pendatang tanpa izin telah dikeluarkan dari negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sama ada secara diatur ataupun pulang secara sendiri berikutan dengan kekerapan operasi dan tindakan-tindakan penangkapan yang dijalankan oleh agensi penguatkuasaan. Bagi bulan Januari dan Februari 1992 seramai 2,396 orang pendatang tanpa izin telah ditangkap dan ditahan. Seramai 1,533 orang telah diusir kembali ke negara asal mereka.

Setakat ini masalah pembanjiran pendatang haram ke Sabah tidak lagi dikesan kerana tindakan-tindakan pencegahan telah dipertingkatkan di laut dan di persisiran pantai oleh pihak Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Polis Marin. Dalam tahun 1991 sebanyak 350 buah bot telah diperiksa dan 3,336 pendatang luar negeri telah dihalau dari perairan Malaysia.

Adalah tidak benar pandangan yang mengatakan keadaan keselamatan di Sabah tidak terjamin. Kerajaan Persekutuan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah ini. Keadaan keselamatan adalah terkawal dan terjamin.

Yang Berhormat dari Sibü telah membangkitkan masalah rakyat Sarawak yang tidak mempunyai peluang yang sama dalam mencapai peluang penswastaaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa penswastaaan adalah satu dasar negara yang telah diisytiharkan dan diberi makluman serta hebahan yang jelas dan menyeluruh kepada semua lapisan

rakyat negara ini termasuk penduduk Sabah. Hebahan ini telahpun dibuat melalui berbagai cara termasuklah pekeliling-pekeliling Kerajaan, ceramah-ceramah dan seminar-seminar. Di samping itu bagi menyediakan panduan yang tersusun dan lengkap mengenai penswastaaan khususnya bagi penyediaan cadangan penswastaaan, satu pelan induk penswastaaan telah juga disediakan. Pelan induk tersebut boleh didapati daripada Percetakan Negara dengan harga \$10 senaskhah. Sehingga kini proses penswastaaan dilaksanakan dengan licin dan mengikut peraturan-peraturannya. Di dalam projek-projek yang telah diswastakan, rakyat negara ini dapat ikut serta dalam penswastaaan sama ada melalui pembelian terus syarikat, pajakan ataupun membeli saham syarikat yang akan diapungkan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Di dalam melaksanakan penswastaaan Kerajaan tidak mengabaikan kepentingan pengguna-pengguna. Setiap syarikat yang diswastakan adalah dikawal oleh Badan Kawalselia yang ditubuhkan dan badan ini adalah berperanan antara lainnya untuk menetapkan kadar tarif, menetapkan mutu minimum barangan dan perkhidmatan, menentukan bekalan mencukupi dan sentiasa tersedia dan menyiasat segala aduan. Melalui cara ini kepentingan pengguna dapat dikawal dengan berkesan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan perancangan jangka panjang dalam infrastruktur di Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibü dan Yang Berhormat dari Padas pada dasarnya Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan jangka panjang bagi pembangunan infrastruktur seluruh negara termasuk negeri Sarawak dan Sabah.

Pada keseluruhannya peruntukan \$14,199.20 juta diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi sektor infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam diperuntukkan sebanyak \$1,252.9 juta bagi negeri Sarawak dan sebanyak \$451.5 juta bagi negeri Sabah. Dari jumlah tersebut peruntukan sejumlah \$786.8 juta diluluskan bagi sektor jalan raya di Sarawak dan ini merupakan peruntukan yang terbesar diagihkan di antara negeri-negeri dan sebanyak \$390.4 juta bagi projek jalan raya di Sabah yang meliputi jalan luar bandar dan jalan kampung. Manakala sebanyak \$29.9 juta disediakan bagi projek bekalan air luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi keperluan infrastruktur jangka panjang di negeri Sarawak pula berbagai projek infrastruktur seperti projek Jalan Betong, Kayu, Malam, Beluru, Long Lama di bawah kajian Bank Dunia kajian pembesaran Pelabuhan Rajang dan peningkatan Pelabuhan Bintulu sedang dalam perancangan. Di samping itu beberapa projek termasuk lebuh raya Pan-Borneo dan jalanraya utama Sarawak, pembinaan lapangan terbang baru Sibu sedang dalam pelaksanaan.

Berhubung dengan projek Amanah Ikhtiar Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu pula, ingin saya menjelaskan bahawa AIM adalah sebuah badan bukan Kerajaan yang telah diperuntukkan \$20 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Oleh kerana kegiatan-kegiatannya adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di negara ini. Sebagai sebuah badan bukan Kerajaan, AIM menjalankan kegiatan-kegiatan yang mengikut kriteria-kriteria dan asas yang ditetapkan olehnya sendiri tanpa campurtangan daripada pihak Kerajaan.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya mohon maaf sekiranya saya tidak berkesempatan untuk menjawab atau menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat satu persatu. Namun demikian perkara ini telah dicatat dan akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kementerian Pertanian.

6.50 ptg.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Pertanian sepanjang perbahasan. Semua perkara yang dibangkitkan mendapat perhatian. Saya akan tumpukan jawapan saya kepada isu Bank Pertanian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Sepanjang saya menjadi Ahli Parlimen selama 18 tahun, saya tidak pernah mengganggu ucapan Ahli-ahli daripada Pembangkang. Oleh itu saya berharap supaya Ahli-ahli Pembangkang juga tidak akan mengganggu ucapan daripada saya.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Duduklah! Saya harap mereka tidak akan mengganggu kerana ucapan yang saya beri ini akan meliputi keseluruhan pertanyaan yang ada di dalam hati dan sanubari Yang Berhormat dari Tanjong. Jika ada soalan-soalan yang ingin dikemukakan, saya bimbang masa akan terbuang kerana jawapannya sudah ada di kemudian daripada jawapan saya ini. Oleh itu saya tidak akan memberi laluan dan saya minta supaya Ahli-ahli

Yang Berhormat bersabar mendengar jawapan saya ini dan jika ianya menyakitkan hati, itu adalah giliran Ahli Yang Berhormat menerimanya sebagaimana saya telah menerima di waktu Ahli Yang Berhormat berkata macam-macam mengenai Kementerian saya.

Pada tahun lalu dalam Parlimen ini saya telah menyatakan hanya pada akhir tahun 1990 pihak bank telah membuat peruntukan yang realistik sehingga jumlah hutang lapuk dan ragu meningkat kepada \$570 juta. Ini bukan bererti terdahulu dari tahun 1990 tidak ada peruntukan, tetapi peruntukan-peruntukan saya rasakan tidak realistik.

Peruntukan untuk tahun 1986 sejumlah \$24 juta dan peruntukan pada tahun 1987 sejumlah \$43 juta, di waktu saya sudah berada di Kementerian ini, pun saya dapati tidak realistik. Apabila laporan Bank Dunia mengesahkan pendapat yang sama, maka pada tahun 1988 peruntukan ditingkatkan menjadi \$100.2 juta. Ini juga dirasakan tidak realistik walaupun peruntukan terkumpul sudah meningkat kepada \$220 juta pada akhir tahun 1988. Malahan pada tahun 1989, peruntukan telah ditingkatkan lagi sejumlah \$258.9 juta, menjadikan peruntukan terkumpul \$469 juta. Saya hanya berpuas hati dan merasakan peruntukan sudah realistik apabila peruntukan meningkat menjadi \$558.2 juta dengan ditambah \$88.8 juta bagi tahun 1990.

Oleh kerana Yang Berhormat dari Tanjong tidak pernah menjadi Menteri dalam Kerajaan, mungkin menjadi Perdana Menteri bayangan dalam kerajaan bayangan pembangkang, (*Tepuk*) dan tidak pernah menjadi pentadbir bank maka penjelasan di atas menjadi perlu.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat jika terdapat sedikit sebanyak perbezaan angka yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh

pihak bank atau Kementerian, ianya hendaklah dibaca dalam konteks masa, tujuan dan sama ada angka-angka itu sudah disetujui oleh semua pihak atau sudah diaudit. Oleh kerana Yang Berhormat menyukat sikap orang lain berpandukan sikap Yang Berhormat sendiri, maka susahlah bagi Yang Berhormat untuk melihat kebaikan orang. (*Tepuk*)

Beberapa tahun yang lalu saya telah terbaca sebuah buku bertajuk 'Time Bomb of Malaysia'. Istilah 'Time Bomb' telah dipilih kerana negara diramalkan akan meletup dan akan hancur dalam masa yang singkat. Kalau tidak salah, lebih sepuluh tahun buku itu lapuk di pasaran tetapi negara maju terus dan bertambah terkenal hebat di dunia. Yang meletup ialah Pembangkang, khususnya DAP. (*Tepuk*)

Jika hukum hudud ada di Pulau Pinang dan jika diadakan satu peruntukan yang menyalahkan tangan yang menulis ramalan yang karut, maka tangan penulis 'Time Bomb of Malaysia' sudah patut dipotong dan dicampak ke laut. Malah peruntukan juga patut dibuat untuk memotong lidah jika bercakap yang bukan-bukan.

Istilah yang sering Yang Berhormat Tanjong gunakan ialah "skandal" sehingga tiap kerugian itu adalah skandal, sehingga jika kita tidak ingin disebut ada skandal kita tidak boleh rugi dalam perniagaan. Dalam hal ini, elok Yang Berhormat belajar dari PAS mengenai risiko rugi dan untung dalam perniagaan. Oleh kerana PAS tidak mengajar Yang Berhormat mengenai Islam yang sebenar, maka saya ambil kesempatan untuk berdakwah sedikit.

Dalam dunia perniagaan kita tahu ada untung dan ada riba. Riba ialah keuntungan tetap yang akan diperolehi dengan hanya menyimpan wang di institusi kewangan tanpa sebarang usaha. Islam mengharamkan riba, kerana menjamin dan menetapkan

keuntungan dan menghalalkan untung kerana risiko rugi. Oleh itu rugi bukan skandal. Sesuatu itu boleh dikatakan skandal jika ada elemen penipuan yang dilindungi tetapi tidak ada penipuan yang dilindungi oleh Kerajaan dalam Bank Pertanian. Jika ada sesuatu yang hendak dilindungi, tidak mungkin pihak bank begitu galak membuat kenyataan-kenyataan akhbar.

Jika ada kecurangan di kalangan pegawai, tindakan yang setimpal diambil. Tindakan juga diambil ke atas peminjam yang cuai membayar. Penghapusan dibuat hanya jika peminjam betul-betul tidak mampu membayar dan tidak ada harta lagi. Saya tidak pernah menghalang tindakan diambil atas mana-mana peminjam yang tidak mahu membayar. Yang Berhormat Tanjong telah salah memilih istilah sama seperti Yang Berhormat menggunakan istilah "Time Bomb" yang tidak mahu meletup.

Dari ucapan Yang Berhormat, adalah jelas bahawa sumber maklumat Yang Berhormat ialah dari surat-surat khabar, surat-surat layang dan laporan Bank Dunia. Kerana banyaknya kenyataan-kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh berbagai pihak mengenai Bank Pertanian, maka tidak hairanlah saya jika Yang Berhormat telah dikelirukan sehingga Yang Berhormat rasakan ini satu peluang untuk menghentam Pengurus Besar Bank, Pengerusi Bank, Menteri Kewangan, Menteri Pertanian malahan juga Perdana Menteri dan seterusnya parti Barisan Nasional. Yang Berhormat rasakan ini peluang baik bagi Yang Berhormat untuk mengangkat diri Yang Berhormat begitu tinggi. Yang Berhormat mengarahkan supaya Raja menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyokong dakwaan Yang Berhormat sedangkan dalam perlembagaan parti Yang Berhormat tidak ada sebut mengenai Raja, tidak ada tempat bagi Raja, malahan ada di

antara tokoh Yang Berhormat yang telah menyaman Raja sehingga dilempang oleh Allahyarham Kiai Arshad.

Suratkhabar bukanlah media mainan bankers. Dengan izin, Bankers do not do their business in newspapers—bankers tidak mengurus perniagaan mereka melalui akhbar. Itulah sebabnya ada Bank Secrecy—Rahsia Bank. Bankers mengutamakan "Secrecy and Integrity". Saya hanya bercakap dalam suratkhabar jika ianya menguntungkan bank dan apabila saya dapati pendedahan mengelirukan yang dibuat yang boleh menghakiskan kepercayaan orang ramai kepada bank. Tidak ada institusi kewangan yang boleh hidup di dunia ini tanpa kepercayaan orang ramai.

Saudara Ibrahim Hashim, Pengurus Besar Bank Pertanian ialah seorang yang amanah dan berkebolehan—pada pandangan saya lebih amanah dan berkebolehan daripada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang. Kita boleh tanya pada Fan Yew Teng dan Lee Lam Thye. Sebelum bertugas sebagai Pengurus Besar beliau bertugas di Bank Negara sebagai Pegawai Penyelia Bank. Waktu di Bank Negara beliau mengawasi perjalanan bank-bank swasta. Beliau berkelulusan ekonomi dan seorang Chartered Accountant. Saya kenal beliau waktu menjadi Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan beliau menjadi Pengarah Audit dan Akaun di Jabatan Pembangunan Koperasi. Kami sama-sama membersihkan gerakan koperasi di waktu itu. Beliau juga telah menjayakan cadangan saya untuk mewujudkan Institut Juru Audit Koperasi.

Oleh kerana Bank Pertanian sudah menjadi besar dan pihak Kementerian Pertanian tidak mempunyai Jabatan Bank, maka fikiran untuk memindahkan Bank Pertanian untuk diawasi oleh Bank Negara telah

difikirkan bersama oleh saya dan Yang Amat Berbahagia Tun Daim yang menjadi Menteri Kewangan di waktu itu. Tetapi memandangkan kepada Akta Bank Pertanian yang memerlukan Menteri Pertanian menjemput Bank Negara Malaysia untuk mengambil alih Bank Pertanian Malaysia apabila pihak Kementerian tidak terdaya untuk mengendalikannya lagi, maka untuk mengelak dari salah tafsiran oleh orang-orang seperti Yang Berhormat dari Tanjong yang boleh menegatifkan tindakan yang positif maka tindakan ini tidak dilaksanakan. Sebaliknya kami memilih saudara Ibrahim Hashim untuk menjadi Pengurus Besar.

Saudara Ibrahim Hashim telah mengambil banyak tindakan-tindakan termasuk tindakan disiplin ke atas pekerja atasan. Akibat dari tindakan-tindakan ini maka surat-surat terbang berkeliaran. Antara 10hb Oktober, 1991 dan 7hb April, 1992 lapan pucuk surat terbang telah diedarkan.

Pihak pengedar dan pengedar surat-surat terbang telah gagal dan kecewa kerana tidak berjaya menghukum orang yang berjasa. Mereka punya hanya satu harapan. Mereka yang dihukum menunggu-nunggu wira mereka untuk tampil ke muka dan membela mereka yang salah. Wira mereka ialah Yang Berhormat dari Tanjong.

Apakah Yang Berhormat dari Tanjong merasakan Saudara Ibrahim perlu diselidik oleh pihak Badan Pencegah Rasuah. Kerja ini telah selesai dilakukan oleh Badan Pencegah Rasuah dan dengan suratnya bertarikh 28hb November, 1991 pihak Badan Pencegah Rasuah telah memberi tauliah "kebersihan" kepada Saudara Ibrahim Hashim. (*Tepuk*) Perisai yang paling kebal dari serangan surat-surat terbang ialah kebenaran.

Tidak ada sesuatu yang hebat mengenai Laporan Bank Dunia. Bank Dunia tidak mewakili semua pakar-pakar bank di dunia sama seperti

"Hotel Dunia" di Jalan Petaling tidak bererti hotel terbesar di dunia. (*Ketawa*) Pakar dari Bank Dunia hanyalah individu-individu biasa yang membuat penilaian mengikut garis-panduan yang diberi. Laporan Bank Dunia tidak lebih hebatnya dari Laporan Ibrahim Hashim atau Juraudit-juraudit di negara kita. Kita tidak boleh menganggap semua yang datang dari luar lebih baik dari yang ada di negara kita sendiri. Kelulusan pakar Bank Dunia juga tidak lebih dari pakar kita sendiri. Jika pakar pertanian kita pergi bertugas di FAO di Rome, dia akan digelar "pakar badan dunia" walaupun ilmunya sama. Seseorang yang pergi ke Mekah mengerjakan haji setelah balik ke kampung tidak jadi lebih alim dari sebelum dia pergi. Oleh itu Yang Berhormat Tanjong tidak perlu takut kepada pakar Bank Dunia.

Laporan Bank Dunia mengenai Bank Pertanian telah dibuat secara terpisah dari keperluan-keperluan setempat dan semasa di Malaysia. Dia juga tidak memperhitungkan isi-isi Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu antara perakuan dalam Laporan Bank Dunia ialah:

- (i) menghentikan pinjaman subsidi dengan faedah rendah;
- (ii) menutup cawangan-cawangan Bank Pertanian di tempat-tempat yang tidak ada bank swasta yang lain kerana bank swasta boleh menolong pak tani dan nelayan;
- (iii) menutup Kira-kira Simpanan yang kecil yang terlalu banyak dibuka oleh masyarakat tani dan nelayan.

Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat gambarkan bagaimana rancangan kita untuk menggalakkan masyarakat tani dan nelayan menyimpan. Dan apa akan jadi jika pinjaman faedah rendah dihapuskan sedangkan kelambatan pengeluaran pinjaman SPKP sahaja sudah menjadi keributan.

Walau bagaimanapun, ada juga perakuan Laporan Bank Dunia ini yang didapati menguntungkan, seperti:

- (i) pinjaman Kerajaan kepada Bank Pertanian hendaklah diubah menjadi ekuiti;
- (ii) Kerajaan hendaklah menanggung semua kos pentadbiran dan kos dana kerana perjalanan Bank Pertanian bersifat sosio-ekonomi.

Yang Berhormat dari Tanjong tidak menyokong semua ini dan tidak menyebut kerana tidak berniat untuk menolong bank, cuma ingin mencari salah. (*Tepuk*) Malahan Yang Berhormat menjadi bersemangat apabila terbaca kenyataan saya bahawa Laporan Bank Dunia adalah untuk jangka masa sebelum saya menjadi Menteri Pertanian. Yang Berhormat melihat ini sebagai peluang untuk melaga-lagakan dua Menteri Barisan Nasional. Yang Berhormat gagal dalam usaha ini kerana jangka masa yang saya maksudkan ialah sejak dari penubuhan Bank Pertanian pada tahun 1969. Antara tokoh yang pernah menjadi Menteri Pertanian ialah rakan Yang Berhormat dalam APU. Antara yang pernah menjadi Menteri Kewangan juga berada bersama Yang Berhormat dalam barisan Pembangkang. Hanya dengan memisahkan diri saya dari isi Laporan Bank Dunia, saya dapat membuat pembelaan ke atas bank untuk jangka masa laporan dibuat tanpa kepentingan peribadi.

Rakan-rakan Yang Berhormat yang pernah berada dalam Kabinet tentu dapat mengesahkan bahawa usaha mewujudkan kumpulan KPM Niaga oleh Bank Pertanian di bawah pimpinan Dr Agoes Salim adalah selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru. KPM Niaga adalah salah sebuah institusi perniagaan yang menanggung kerugian besar kerana kegiatannya di

bidang pertanian. Kerugian KPM Niaga adalah kos yang harus dibayar dalam proses melatih bumiputera-bumiputera di bidang perniagaan dan perusahaan.

Apabila Kerajaan memutuskan untuk memotong hubungan antara Bank Pertanian dan KPM Niaga, Dr Agoes Salim selaku pengasasnya telah sanggup mengambilalih KPM Niaga dengan harapan ianya dapat dipulihkan. Kerajaan melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan telah membuat keputusan ini pada 8hb Februari, 1982. Dr Agoes Salim gagal. Niat baik Dr Agoes Salim tidak harus dipandang hina. Beliau menanggung beban yang berat kerana mengasaskan KPM Niaga. Adalah biasa bagi sesuatu projek yang gagal menjadi yatim sebagaimana projek-projek yang berjaya mempunyai banyak yang mengaku menjadi bapa angkat.

Syarikat Melayu Insaf (Shamelin). Koperasi Shamelin Berhad dan Syarikat Shamelin Holdings Sdn. Bhd tidak pernah meminjam wang daripada Bank Pertanian. Saya tahu Shamelin pernah terlibat sebagai pemegang saham kecil dalam usahasama perusahaan memproses minyak kelapa sawit dengan sebuah syarikat asing dan sebuah koperasi besar bukan bumiputera. Saya tidak pasti jumlah pinjaman syarikat usaha sama ini dan jumlah faedah terkumpul. Tetapi, saya tidak pernah menghalang tindakan diambil atas mana-mana peminjam yang cuai. Walaupun saya pengasas Shamelin tetapi saya telah tidak terlibat lagi dengan Shamelin sejak mula menjadi Timbalan Menteri pada tahun 1978. Walaupun Shamelin sekarang menghadapi masalah tetapi di bawah pimpinan baru yang ada sekarang ianya boleh mencapai kejayaan yang gemilang seperti di zaman saya.

Yang Berhormat dari Tanjong juga menyentuh mengenai SPKP. Memang benar di bawah Rancangan Malaysia

Kelima pada tahun 1985-1990, peruntukan SPKP ialah \$250 juta. Kerana kemelesetan ekonomi, peruntukan diturunkan kepada \$115 juta. Sehingga akhir tahun 1991 jumlah yang telah dikeluarkan ialah \$46,734,360.00.

Oleh kerana Pertubuhan-pertubuhan Peladang dan Persatuan-Persatuan Nelayan mengetahui jumlah peruntukan mereka dan tidak senang hati dengan penurunan jumlah peruntukan, lebih-lebih lagi apabila mereka mendengar negara sudah menuju ke arah menjadi negara maju, maka permohonan telah dibuat di bawah skim SPKP. Oleh kerana dari peruntukan yang diturunkan sejumlah \$115 juta baru \$46,734,360 diterima, maka baki yang menjadi harapan pak tani dan nelayan ialah \$68,115,000.00.

Dalam batasan peruntukan \$115 juta, Bank Pertanian telah meluluskan sehingga 30-9-1991 sebanyak \$99,910,000.00. Oleh kerana bank telah mengeluarkan pinjaman sebanyak \$99 juta sedangkan peruntukan yang sampai ialah \$46 juta, maka pihak bank terpaksa menggunakan wang simpanan pelanggan dengan kos tinggi untuk membekal pinjaman 4% di bawah skim SPKP. Inikah yang dikatakan penyelewengan? Adakah membantu pak tani dan nelayan dengan pihak bank meminjam dari simpanan pelanggan dengan membayar faedah 8% dan meminjamkan wang itu kepada pak tani dan nelayan dengan mengenakan faedah 4%, satu penyelewengan? Inilah yang saya maksudkan bahawa Bank Pertanian seperti lilin membakar diri untuk menyenangkan pihak yang memerlukan. *(Tepuk)*

Tidak ada sangkut-paut antara isi Laporan Bank Dunia dengan SPKP. Tidak ada hubungan antara kandungan surat-surat terbang dengan SPKP. Tidak ada hubungan antara tohmahan penyalahgunaan wang Bank Pertanian dengan SPKP.

Untuk menyelesaikan masalah sekitar isu SPKP, saya telah mencadangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah sebuah lagi jawatankuasa untuk mengkaji permohonan pinjaman SPKP. Saya percaya dengan bertambahnya jawatankuasa mengkaji permohonan dari 5 jawatankuasa menjadi 6 jawatankuasa, kecurigaan terhadap pengurusan pinjaman SPKP dapat dihakiskan. Semoga tidak ada lagi kenyataan-kenyataan akhbar dari mana-mana pihak yang mengelirukan. Biarlah saya katakan di sini, Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang disokong oleh Ahli-ahli Parlimennya adalah komited untuk membantu masyarakat tani dan nelayan.

Kita tidak akan benarkan pihak yang anti masyarakat tani dan nelayan untuk menghalang kemajuan mereka. Kita akan terus bantukan mereka melalui Bank Pertanian dan institusi-institusi lain.

Permohonan dana \$400 juta adalah untuk membantu aliran kewangan bank dan tidak ada hubungan dengan untung-rugi bank. Banyak bank perdagangan yang dulunya rugi, kemudiannya untung. Sebagaimana bank-bank perdagangan mempunyai Bank Negara Malaysia sebagai peminjam terakhir atau, lender of last resort, dengan izin, Bank Pertanian terpaksa berpaling kepada Kerajaan sebagai lender of last resort apabila memerlukan.

Bank Pertanian selama ini telah luka kerana membiayai pak tani, nelayan, usahawan dan peniaga-peniaga bumiputera. Memberi pinjaman kepada mereka yang tiada institusi yang mahu memberi pinjaman. Membiayai tanaman pokok-pokok seperti koko yang kini tidak berharga lagi, menanggung hutang penanam padi yang hasilnya dilanda penyakit, ribut dan taufan, menanggung hutang siswazah tani, menjadi lender of last

resort kepada pak tani dan nelayan. Pendek kata bank menerokai bidang-bidang yang menakutkan bank swasta, tetapi dengan syarat-syarat yang tidak mencukupi. Untuk mencukupi syarat-syarat inilah bank pertanian memerlukan sokongan semua pihak termasuk Pembangkang. Walaupun Bank Pertanian dikritik oleh Pembangkang, tetapi rakyat dan Kerajaan tetap yakin dengan bank ini.

Tahun lalu Bank Pertanian Malaysia telah dilantik sebagai pemegang amanah dan pengurus tabung amanah antarabangsa yang dipunyai oleh 52 ahli dari institusi-institusi kewangan di 18 buah negara di Asia Pasifik (APRAKA Regional Fund). Bank Pertanian juga sering dilawati oleh pegawai-pegawai dari negara-negara Asia Pasifik termasuk dari Agriculture Bank of China, Vietnam Bank for Agriculture dan Agriculture Bank of Iran. Pendek kata, Bank Pertanian Malaysia mampu turut membantu menaikkan imej negara di luar negeri kerana peranannya di dalam negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa

Usul Menjunjung Kasih atas nama Yang Berhormat dari Kota Setar disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

“Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan.”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.14 malam.